


**Jilid III**  
**Bil. 1**



**Hari Selasa**  
**22hb Mac, 1977**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEEMPAT**  
*Fourth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

## **KANDUNGANNYA**

### **MENGANGKAT SUMPAH:**

Tuan A. K. Aliuddin  
Tuan Saadun bin Muhammad Noh [Ruangan 17]

### **PEMASYHURAN YANG DI-PERTUA:**

Titah Ucapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 17]  
Mengalu-alukan Ahli-ahli baru [Ruangan 27]  
Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 27]  
Cuti Y.B. Datuk Abdullah Ahmad/Y.B. Tuan Fan Yew Teng/Y.B. Tuan Abdullah Majid—Kebenaran [Ruangan 28]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 29]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 70]**

### **USUL:**

Jalan-jalan Masuk ke Parlimen [Ruangan 73]  
Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 74]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATUK HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK MICHAEL CHEN WING SUN, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).



Yang Berhormat TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

Yang Berhormat DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K.  
(Ulu Trengganu).

„ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P.,  
P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).

„ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N.  
(Jerlun-Langkawi).

„ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).

„ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).

„ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).

„ TUAN OH KENG SENG (Petaling).

„ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K.  
(Kuala Kangsar).

„ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).

„ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).

„ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).

„ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).

„ TUAN SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).

„ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).

„ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).

„ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).

„ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).

„ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.  
(Baling).

„ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).

„ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).

„ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).

„ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).

„ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).

„ TUAN SU LIANG YU (Beruas).

„ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).

„ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).

„ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).

„ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).

„ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

„ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P.  
(Ulu Muda).

„ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.  
(Pasir Mas).

„ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Lim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

Selasa, 22hb Mac, 1977

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

## MENGANGKAT SUMPAH

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan A. K. Aliuddin (Kimanis).

Tuan Saadun bin Muhammad Noh (Panti).

## PEMASYHURAN YANG DI-PERTUA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya maklumkan kepada Majlis ini iaitu pada pagi semalam Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan di-Raja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu dan sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas Meja Mesyuarat dan seterusnya dicapkan dalam Penyata Rasmi Parlimen.

## TITAH UCAPAN D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

**Bismillahir-rahmanir-rahim.**

**Segala puji kepada Allah, selawat dan salam kepada Nabi kita.**

**Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat:**

*Beta bersyukur kepada Allah yang telah melimpahkan rahmatNya bagi Beta menyampaikan buat kali keduanya Titah Ucapan sempena upacara pembukaan resmi Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat pada hari ini.*

**Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat:**

*Pada tahun ini Malaysia genap 20 tahun merdeka. Beta gembira, di bawah pimpinan Datuk Hussein Onn, Perdana Menteri Beta yang dikasihi dan dengan sokongan semua lapisan rakyat, negara terus maju dalam semua bidang terutama di bidang pembangunan. Dalam tempoh masa ini juga banyak masalah-masalah yang rumit telah dapat diatasi.*

*Beta sukacita melihat Kerajaan Beta telah menentukan perubahan gaji yang munasabah kepada anggota-anggota perkhidmatan awam. Dengan ini Beta menggesa semua golongan anggota perkhidmatan awam supaya menumpukan seluruh tenaga mereka terhadap tugas, tanggungjawab dan kewajipan masing-masing dan dengan jujur dan dedikasi melaksanakan rancangan-rancangan Kerajaan Beta. Hanya melalui pembangunan negara yang pesat sahaja yang semua pihak akan menikmati hidup yang bermakna dalam negara kita yang dikasihi.*

*Rancangan Malaysia Ketiga sekarang masuk ke tahun yang kedua. Maka amatlah penting semua pihak melipatgandakan usaha supaya tercapai sepenuhnya matlamat Rancangan tersebut.*

*Memandangkan bahawa sektor pertanian merupakan sektor yang penting bagi menentukan pertanian diusahakan dengan lebih berkesan, Kerajaan akan memulakan banci pertanian yang lengkap pada tahun ini. Beta yakin dengan ini segala rancangan pertanian akan mempunyai asas yang lebih tepat dan memberi hasil yang lebih tinggi dari masa-masa yang lampau.*

*Dalam bidang perindustrian dan perdagangan, Beta sukacita melihat suasana pelaburan di negara kita telah bertambah baik. Namun demikian, Kerajaan Beta masih sedia menerima teguran yang wajar untuk memperbaiki lagi suasana tersebut. Tetapi pelabur-pelabur hendaklah sedar bahawa Kerajaan terpaksa mengawal perkembangan ekonomi supaya tidak berlaku perbezaan sosial dan ekonomi yang boleh mengancam ketenteraman negara.*

**Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat:**

*Dalam usaha meninggikan taraf hidup rakyat, kemudahan-kemudahan sosial diberi perhatian yang berat. Sekolah, asrama, makmal, guru dan lain-lain kemudahan pelajaran diberi peruntukan terbanyak sekali. Walau pun ada mereka yang belum merasai nikmat sepenuhnya, mereka yang sudah menerima kemudahan ini mestilah mengguna peluang dengan penuh minat dan tekun. Dalam perkara ini ibu-bapa dan guru perlu memberi bimbingan yang berkesan supaya tidak berlaku sebarang pembaziran.*

*Golongan belia mempunyai peranan yang penting dalam pembangunan negara. Kerajaan akan menyediakan berbagai kemudahan untuk membolehkan belia-belia menggunakan masa dengan munafaatnya dan menjauhkan diri daripada aktiviti yang tidak sihat.*

*Kerajaan Beta memandang masalah penyalahgunaan dadah sebagai satu gejala yang besar dan serious yang akan menjejaskan ketahanan rakyat. Kerajaan akan mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap pembekal-pembekal, pengedar-pengedar dan juga mereka yang menyalahgunakan dadah. Kerajaan Beta juga akan memberi perhatian untuk mengawal pengeluaran samsu secara haram dan pengedarannya.*

*Tempat-tempat kediaman untuk pekerja merupakan satu masalah yang besar. Kerajaan telah mengadakan kemudahan-kemudahan seperti pinjaman dengan kadar faedah yang rendah untuk mengatasi masalah ini. Tetapi Kerajaan sahaja tidak dapat menampung kekosongan ini. Pengusaha dan majikan lain mestilah memainkan peranan yang lebih berkesan.*

*Dalam bidang perhubungan luar negeri pula, negara kita akan terus mendukung Piagam Bangsa-bangsa Bersatu dan akan melaksanakan dasar-dasar kerjasama serantau, terutama dalam konteks ASEAN.*

*Kerajaan Beta juga akan berusaha untuk menegakkan konsep Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali bagi Asia Tenggara seperti termaktub dalam Perisytiharan Kuala Lumpur sebagai satu usaha untuk menjamin keselamatan dan kestabilan rantau ini.*

*Dalam masa satu tahun yang lampau, keadaan keselamatan dalam negeri telah bertambah baik dan terkawal hasil daripada usaha dan pengorbanan anggota-anggota Pasukan Keselamatan Beta dan juga sokongan yang semakin bertambah yang diberi oleh rakyat jelata. Beta merakamkan terimakasih dan penghargaan Beta dan Kerajaan Beta kepada semua pihak terutama kepada seluruh anggota Pasukan Keselamatan.*

*Dalam hal mengawal keselamatan, kita mendapat kerjasama yang baik dari negara-negara jiran kita iaitu Indonesia, Singapura dan Thailand. Satu perjanjian baru Kerjasama Sempadan Malaysia/Thailand sudahpun dimeterikan di Bangkok dan dengan itu diharapkan keadaan keselamatan di sempadan akan bertambah terkawal. Dengan ujudnya kerjasama yang erat antara Thailand dengan Malaysia, maka operasi-operasi bersama di kawasan sempadan dapat dilancarkan seperti operasi-operasi yang diadakan baru-baru ini.*

*Beta mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan seluruh rakyat sekali lagi supaya sentiasa berpegang teguh kepada ajaran ugama. Adalah menjadi azam kita untuk membina sebuah negara Malaysia yang bersatupadu, demokratik, adil dan makmur selaras dengan konsep Rukunegara. Oleh itu Beta menyeru agar segala geraklangkah, tindakan dan perancangan tidak terkeluar dari landasan yang telah kita tentukan.*

**Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat:**

*Akhir kata, Beta berdoa kepada Allah moga-moga dianugerahkan taufik dan hidayah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam melaksanakan kewajipan berat yang diamanahkan.*

*Terimakasih.*

*The English translation is as follows:*

**In the name of Allah, the Most Beneficent, the Most Merciful.**

**Praise be to Allah, peace of Allah be upon our Prophet.**

**Mr President, Mr Speaker, Honourable Members of Dewan Negara and Dewan Rakyat:**

*I give thanks to Almighty Allah for HIS blessings which enable me to deliver this address for the second time on the occasion of the official opening of the First Meeting of the Third Session of the Fourth Parliament today.*

**Honourable Members of Dewan Negara and Dewan Rakyat:**

*In this year Malaysia completes its twentieth year of independence. I am happy that, under the leadership of Datuk Hussein Onn, my beloved Prime Minister and with the support of all the people, the country has continued to progress in all fields, especially in the field of development. During the same period, numerous complex problems have also been overcome.*

*I am pleased to note that my Government has worked out a reasonable pay revision for members of the public service. I would, therefore, urge all members of the public service to concentrate their efforts on their tasks, responsibilities and duties and to implement my Government's programmes with sincerity and dedication. It is only through rapid national development that everyone concerned will achieve a more meaningful life in our beloved Country.*

*The Third Malaysia Plan has now entered its second year. It is of utmost importance that everyone concerned should intensify his efforts so that the objectives of the Plan can be fully realised.*

*As the agricultural sector is an important sector, in order to ensure that agriculture is more effectively developed, the Government will launch a comprehensive agricultural census this year. With this, I am confident that all agricultural programmes will have a more definite basis and will be more productive than in previous years.*

*In the field of industry and trade, I am pleased to note that the investment climate in our country has improved. Nevertheless, my Government is still prepared to consider constructive criticisms to improve it further. However, investors must realise that the Government is compelled to exercise control over economic growth so as to obviate social and economic disparities which can threaten national stability.*

**Honourable Members of Dewan Negara and Dewan Rakyat:**

*In the effort to uplift the standard of living of the people, social amenities are given serious attention. Schools, hostels, laboratories, teachers and other educational amenities are given the largest allocations. While there are still those who have not yet received these amenities, those who have must utilise their opportunities fully and conscientiously. Parents and teachers must give effective guidance so as to prevent any wastage.*

*Youth have an important role to play in national development. The Government will provide various facilities to enable youth to utilise their time usefully and avoid unhealthy activities.*

*My Government views the abuse of drugs as a major and serious problem which will erode the people's resilience. The Government will take more firm action against drug suppliers, pushers and also addicts. My Government will also attend to the task of eliminating the production and distribution of illicit samsu.*

*Accommodation for workers constitutes a major problem. The Government has provided facilities such as low-interest loans to assist in overcoming this problem. But the Government alone cannot satisfy this need. Developers as well as other employers must play their role more effectively.*

*In the field of foreign affairs, our nation will continue to uphold the Charter of the United Nations, and implement the policy of regional cooperation, particularly within the context of ASEAN.*

*My Government will work towards the achievement of the concept of regional Peace, Freedom and Neutrality as enshrined in the Kuala Lumpur Declaration in order to promote peace and stability in this region.*

*In the course of the previous year, the internal security situation has improved and rendered controllable as a result of the efforts and sacrifices of members of my Security Forces and also the increasingly active support of the people. I and my Government, would like to record our thanks and appreciation to all concerned, particularly to members of the Security Forces.*

*In the maintenance of security, we receive good cooperation from our neighbours, namely, Indonesia, Singapore and Thailand. A new Malaysia/Thailand Border Cooperation Agreement has been concluded in Bangkok and consequently, it is hoped that the security situation along the border would be much more controlled. With the existence of close cooperation between Thailand and Malaysia, joint operations at the border areas can be launched similar to those carried out recently.*

*I take this opportunity to remind the people to faithfully adhere to religious tenets. We are determined to build a Malaysian nation which is united, democratic, just and prosperous consistent with the concept of Rukunegara. I, therefore, urge that whatever steps, actions and planning undertaken, there should be no deviation from the bases that have been set out.*

**Honourable Members of Dewan Negara and Dewan Rakyat:**

*In conclusion, I pray to Almighty Allah that HE may bestow HIS blessings and guide you in the discharge of the heavy responsibilities that have been entrusted upon you.*

*Thank you.*



## MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang kepada Ahli-ahli baru yang telah mengangkat Sumpah dalam Dewan ini sebentar tadi, dan berharap semoga mereka dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada Negara seterusnya.

## MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuaratnya yang lalu.

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Akta Perbekalan 1977;
- (2) Akta Petroliaam (Cukai Pendapatan) (Pindaan) 1977;
- (3) Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1977;
- (4) Akta Cukai Pendapatan Tambahan (Pindaan) 1977;
- (5) Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1977;
- (6) Akta Pemberian Mengikut Bilangan Orang 1977;
- (7) Akta Syarikat-syarikat Meminjam (Pindaan) 1977;
- (8) Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 1977;
- (9) Akta Pencen (Sabah) (Pindaan) 1977;
- (10) Akta Pencen (Sarawak) (Pindaan) 1977;
- (11) Akta Kemajuan Petroliaam (Pindaan) 1977;
- (12) Akta Peruntukan di-Raja (Pindaan) 1977;
- (13) Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1977;
- (14) Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) 1977;
- (15) Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) (Pindaan) 1977;
- (16) Akta Pengambilan Tanah (Pindaan) (No. 2) 1977;

- (17) Akta Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara (Pindaan) 1977;
- (18) Akta Lembaga Pemasaran Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 1977;
- (19) Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 1977;
- (20) Akta Instituit Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan) 1977;
- (21) Akta Talikom (Pindaan) 1977;
- (22) Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 1977;
- (23) Akta Lembaga Pelabuhan (Pindaan) 1977;
- (24) Akta Penjenayah Fujitif (Ekstradisi Khas) 1977;
- (25) Akta Profession Undang-undang (Pindaan) 1977;
- (26) Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2) 1977;
- (27) Akta Pergigian (Pindaan) 1977;
- (28) Akta Pembantu Hospital (Pendaftaran) 1977;
- (29) Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1977;
- (30) Akta Orang-orang Papa, 1977;
- (31) Akta Letrik (Pindaan) 1977;
- (32) Akta Panggung dan Tempat Hiburan Awam (Wilayah Persekutuan) 1977; dan
- (33) Akta Perusahaan Nenas (Pindaan) 1977.

## CUTI Y.B. DATUK ABDULLAH AHMAD/Y.B. TUAN FAN YEW TENG/ Y.B. TUAN ABDULLAH MAJID— KEBENARAN

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuatkuasa yang diberi kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti di bawah Perkara 52 dalam Perlembagan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut:

- (i) Yang Berhormat Datuk Abdullah Ahmad selama setahun mulai daripada 1hb Mac, 1977;
- (ii) Yang Berhormat Tuan Fan Yew Teng mulai daripada 31hb Mac, 1977 hingga 30hb Jun, 1977; dan

- (iii) Yang Berhormat Tuan Abdullah Majid mulai daripada 21hb Mac, 1977 hingga 20hb Mac, 1978.

## JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

### PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKI- TANGAN KERAJAAN TERHADAP DADAH

**1. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid** minta Menteri Undang-undang menyatakan samada pihak berkuasa sedar bahawa ada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang mengetahui tentang penyeludupan dadah di tempat yang mereka sahaja tahu, tetapi cuma mendingkan diri sahaja oleh kerana mereka mendapat wang dari penyeludup-penyeludup ini kerana merahsiakan kegiatan mereka, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil mengenai perkara ini.

**Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, dari segi undang-undang adalah tanggungjawab seseorang warganegara atau penduduk negeri ini memberi maklumat mengenai apa-apa aktiviti menerima rasuah atau kegiatan-kegiatan yang akan memberi kesan buruk kepada negara amnya dan Kerajaan khasnya, untuk dicegah dari awal.

Berkenaan dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang mengetahui tentang penyeludupan dadah di tempat yang mereka sahaja tahu tetapi cuma mendingkan diri sahaja oleh kerana mereka mendapat wang dari penyeludup-penyeludup itu kerana merahsiakan kegiatan mereka, saya berharap Ahli Yang Berhormat itu sanggup memberi keterangan mengenai identiti dan jabatan-jabatan mereka itu supaya pihak Biro Siasatan Negara atau Pegawai Polis boleh mengambil tindakan terhadap mereka itu.

Pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang berkelakuan begini sekiranya ada sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi sepatutnyalah kalau cukup bukti dituduh di mahkamah dengan secepat mungkin demi kepentingan rakyat kita dan negara kita.

## FREEMASONS

**2. Raja Nasron bin Raja Ishak** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada benar Kumpulan Freemason ialah satu pertubuhan yang telah didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966, apakah bilangan nombor Pendaftarannya dan adakah benar bahawa seseorang ahli baru itu diwajibkan membuat satu sumpah atas nama El Shaddai seperti berikut:

"I.....do, in the presence of El Shaddai and of this Worshipful Assembly of Freemasons, Rough Mansons, Wallers, Slaters, Paviours, Plaisterers and Bricklayers, promise and declare that I will not at any time hereafter, by any act or circumstances whatsoever, directly or indirectly, write, print, mark, publish, discover, reveal, or make known, any part or parts of the Trade secrets, privileges, or counsels of the Worshipful Fraternity or Fellowship of Freemasonry, which I may have known at any time, or any time hereafter shall be made known unto me. *The penalty for breaking this great oath shall be the loss of my life.*

That I shall be branded with the mark of the Traitor and slain according to ancient custom by being throttled, that my body shall be buried in the rough sands of the sea a cable's length from the shore where the tide regularly ebbs and flows twice in the twenty-four hours, so that my soul shall have to rest by night or by day".

Adakah beliau sedar adanya tuduhan-tuduhan dan pendapat-pendapat, terutamanya dari berbagai-bagai badan Islam yang mengatakan bahawa Freemasonry ini merupakan gerakan Yahudi Sedunia atau Syariah Yahudi baru, jika sedar, apakah langkah yang diambil untuk mengetahui kebenaran tuduhan-tuduhan dan pendapat-pendapat ini atau sebaliknya.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Freemasons adalah satu Pertubuhan yang telah didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966 dan bilangan pendaftarannya ialah Registration No. 160 (Selangor) dan semenjak bulan Julai 1966 tidak ada lagi sebarang pendaftaran Pertubuhan Freemasons.

Berkenaan dengan satu sumpah yang diterakan di sini, dalam siasatan Kementerian ini maka tidak benar bahawa seseorang ahli baru itu diwajibkan membuat satu sumpah sebagaimana yang di dalam proforma yang diberikan kepada Parlimen, ada cara lain hendak bersumpah dan tidak ada bukti bahawa Freemasons, Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia ini ada berkaitan dengan gerakan ZIONIST dan dari maklumat dan siasatan yang dibuat tidak ada kegiatan-kegiatan di dalam Pertubuhan itu yang boleh dianggap mengancam keselamatan atau ketenteraman negara atau bertentangan dengan akhlak atau bertentangan dengan kesusilaan bangsa dan Kerajaan sentiasa mengawasi hal ini dan sekiranya terdapat sebarang kegiatan yang bertentangan dengan kepentingan negara maka tindakan yang sewajarnya akan diambil.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa beliau sedar bahawa Pertubuhan Freemasons ini telah didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan, 1966 dan nombor pendaftarannya ialah No. 160. Jika begitu, tidakkah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa jika sesuatu pertubuhan yang ada hubungannya dengan luar negeri hendak didaftarkan di negara kita ini, maka ada disyaratkan bahawa hanya Menteri sendiri yang boleh menerima pendaftaran pertubuhan tersebut. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan samada beliau sendiri ataupun Menteri yang bertanggungjawab sebelum beliau menerimanya sendiri pendaftaran Pertubuhan Freemasons ini?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, dasar itu dibuat selepas dari tahun 1966.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, ada juga disyaratkan bahawa tiap-tiap pertubuhan yang didaftarkan di negara kita ini mestilah mempunyai papan tanda dan sebagainya yang lengkap. Tidakkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa pertubuhan yang dipanggil dengan nama Freemasons ini barang di manapun lodgers ataupun rumah-rumah hantunya tidak ada mempunyai satu papan tanda pun. Dengan sebab itu harap nyatakan mengapa maka Freemasons ini dikecualikan daripada syarat tersebut?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, perkara itu tidak dikecualikan dan perkara ini akan diasasat.

**Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka minta Menteri berkenaan menyatakan samada benar bahawa di sebalik daripada apa yang dituduh dalam soal tadi, ahli Freemasons dalam negeri ini ialah terdiri daripada orang-orang yang sentiasa taat setia kepada Raja, negara, bangsa dan ugama masing-masing dan semuanya daripada pengalaman yang didapati oleh pihak berkuasa telah memberi perkhidmatan yang sebaik-baiknya di dalam sebarang lapangan usaha mereka masing-masing.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam penyiasatan Kementerian bahawa ini benar iaitu anggota-anggotanya semuanya adalah rakyat daripada yang cukup taat setia kepada negara.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa Badan Tertinggi Islam Sedunia (RABITAH) yang telahpun dipusatkan di Mekah telahpun mengharamkan Persatuan Freemasons ini dan juga banyak negeri-negeri Islam adalah mengharamkan Persatuan ini.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, sememang kita sedar bahawa banyak negeri yang mengharamkan Freemasons.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini berapa orang ahli-ahli Kabinet jadi anggota Freemasons? (*Ketawa*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini lain daripada soal asal. Kalau Yang Berhormat Menteri hendak jawab tidak apalah.

## KEGIATAN SABERSIF KOMINIS

**3. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kejayaan usaha-usaha Kerajaan menyiasat dan menyelidik pegawai-pegawai Kerajaan dan profesen yang terlibat dengan kegiatan sabersif kominis seperti pengakuan Abdul

Samad Ismail, Abdullah Ahmad dan Abdullah Majid, supaya cita-cita musuh negara ini dapat dipatahkan lagi dalam badan-badan awam dan profesen.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1975 sehingga hari ini seramai 13 orang pegawai Kerajaan telah ditangkap kerana penglibatan mereka di dalam kegiatan-kegiatan sabersif kominis yang mengancam keselamatan negara. Dengan adanya tindakan-tindakan Kerajaan pihak kominis telah tidak dapat menyusupi Kerajaan. Bagi mereka yang terlibat, mereka hanya telah terlibat secara peribadi, bukan secara organised form.

## **RANCANGAN MALAYSIA KEDUA—KEJAYAAN**

**4. Tuan Abu Bakar bin Arshad** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau bercadang membuat kajian sejauh mana kejayaan yang telah dicapai dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua bagi meninggikan taraf hidup rakyat luar bandar ke matlamat pendapatan \$300 sebulan bagi tiap-tiap keluarga, jika ada, apakah kesimpulannya yang diperolehi, jika tidak, mengapa.

**Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn):** Tuan Yang di-Pertua, kajian yang tertentu telahpun dijalankan untuk menilaikan usaha-usaha Kerajaan di luar bandar dalam Rancangan Malaysia Kedua dan kajian ini digunakan sewaktu merangka kandungan buku Rancangan Malaysia Ketiga. Kerajaan akan sentiasa membuat penilaian yang perlu untuk mengkaji kesan-kesan rancangannya ke atas taraf hidup rakyat. Nilaini ini tidak semestinya diasaskan kepada sesuatu garisan pendapatan sahaja oleh sebab taraf hidup sesuatu keluarga itu ditentukan bukan oleh pendapatan wang sahaja, tetapi juga oleh beberapa faktor lain yang sama pentingnya. Ini telahpun dijelaskan dalam buku Rancangan Malaysia Ketiga.

## **LAWATAN PERDANA MENTERI KE TURKEY DAN IRAQ— “HIGHLIGHTS”**

**5. Tuan Haji Jamil bin Ishak:** minta Perdana Menteri menyatakan “Highlights” lawatan beliau ke negara-negara Turkey dan Iraq baru-baru ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum pada awal tahun ini iaitu pada bulan Januari, saya telah mengadakan lawatan ke negara-negara Mesir dan Libya atas jemputan dari kedua-dua Kerajaan tersebut. Pada bulan Februari, saya telah membuat lawatan resmi ke Turkey dan Iraq, juga atas jemputan kedua-dua kerajaan itu. Perhubungan kita dengan negara-negara Islam ini semakin meningkat, dan saya percaya bahawa lawatan-lawatan ini telah mengukuhkan lagi hubungan persaudaraan yang mesra di antara kita dengan negara-negara itu.

Lawatan-lawatan itu juga telah memberi kesempatan kepada saya, untuk mengadakan hubungan peribadi secara terus dan dengan lebih rapat lagi dengan pemimpin-pemimpin negara-negara itu. Mereka memandangi tinggi kepada Malaysia, dan kita juga menyanjung tinggi akan hasrat mereka untuk mengadakan hubungan dan kerjasama yang lebih rapat lagi dengan kita. Saya sangat-sangat berpuas hati dengan lawatan-lawatan saya itu.

Sebagai sebuah negara Islam yang sedang membangun, kita mempunyai matlamat-matlamat yang sama disertai dengan hasrat kedua-dua pihak untuk memperkembangkan lagi matlamat-matlamat itu. Dengan tujuan untuk mencapai matlamat-matlamat itu, maka perjanjian-perjanjian dalam bidang ekonomi, kebudayaan, teknikal, saintifik dan perdagangan telah ditandatangani semasa lawatan saya ke Mesir, Libya, Turkey dan Iraq. Penanda tangan perjanjian-perjanjian itu adalah di antara perkara-perkara utama atau “highlights” lawatan-lawatan saya itu.

Di samping itu, dalam perbincangan-perbincangan saya dengan pemimpin-pemimpin negara-negara itu, saya telah berpeluang menerangkan kepada mereka dasar pembangunan negara kita sebagaimana yang ada di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, ancaman kominis yang sedang kita hadapi, keadaan di Asia Tenggara, dan kerjasama di kalangan negara-negara ASEAN. Saya percaya sekarang terdapatlah persefahaman dan penghargaan yang baik dari negara-negara yang saya lawati itu, mengenai perkara-perkara tersebut, yang mana saya menganggap sebagai kejayaan yang diperolehi dari lawatan-lawatan saya itu.

## LETRIK DI RANCANGAN FELDA

**6. Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya** minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sebab-sebabnya bekalan letrik masih tidak dimasukkan ke dalam semua rancangan FELDA di seluruh kawasan Jengka Tiga Segi dan apakah masalah sebenarnya dihadapi oleh Kementerian-nya di dalam hal ini.

**Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Maran, saya ingin menjelaskan bahawa rancangan membekalkan letrik ke Rancangan-rancangan FELDA pada mulanya adalah dimasukkan di dalam Rancangan Bekalan Luarbandar di mana Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Lembaga Letrik Negara membiayai samarata kos pelaksanaan projek tersebut.

Di bawah Rancangan Bekalan Letrik luarbandar Kerajaan-kerajaan Negeri adalah menentukan projek-projek yang hendak dilaksanakan mengikut keutamaan masing-masing. Walau bagaimanapun daripada pengalaman yang lepas terlalu sedikit bilangan Rancangan-rancangan FELDA yang dimasukkan di dalam Rancangan bekalan letrik luarbandar. Akibatnya banyak rayuan-rayuan telah diterima untuk memberi bekalan letrik ke kawasan-kawasan Rancangan tersebut.

Untuk mengatasi masalaah ini Kerajaan Persekutuan sedang mengkaji kemungkinan menanggung semua perbelanjaan membekalkan letrik ke kawasan-kawasan Rancangan FELDA di seluruh negara. Adalah diharapkan perkara ini akan dapat diselesaikan tidak lama lagi dan dengan ini masalaah ke-lambatan membekalkan letrik ke kawasan-kawasan Rancangan FELDA akan dapat diatasi.

**Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan bahawa dalam masalaah membekal letrik ke kawasan luarbandar ini Kerajaan akan sentiasa menitikberatkan soal perkhidmatan dan tidak selalu seperti yang dibuat pada masa sekarang menimbangkan soal samada ekonomik atau tidaknya bekalan itu diberi. Dan kalau perlu memasukkan rancangan sepertimana yang dicadangkan untuk

FELDA ini ke kawasan-kawasan luarbandar di mana Kerajaan-kerajaan Negeri tidak mempunyai cukup kemampuan memberi bantuan bagi habuannya seperti yang dilakukan pada masa sekarang.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya kenapa Kerajaan Pusat telah memberikan 2/3 ini supaya lebih banyak lagi negeri-negeri yang tidak berkemampuan sendiri untuk menyumbangkan 1/3 daripada kos projek tersebut, dapat diberi bekalan letrik tersebut.

## SINGAPURA DALAM PERSATUAN BOLASEPAK MALAYSIA

**7. Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan samada Singapura masih menjadi ahli Persatuan Bolasepak Malaysia (F.A.M.), dan jika ia, adakah tindakan akan diambil untuk mengeluarkannya daripada menjadi ahli, jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dr Neo Yee Pan):** Tuan Yang di-Pertua, Singapura adalah sebuah negara asing. Oleh itu, negara tersebut tidak ada sebab boleh menjadi ahli Persatuan Bola Sepak Malaysia (F.A.M.). Negara tersebut mempunyai persatuan bola sepak sendiri. Oleh kerana itu, apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat di dalam soalan ini tidak timbul.

## KENAIKAN HARGA MINYAK/DESIL

**8. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjelaskan kenaikan harga minyak, minyak desil, gas masak, minyak masak, Milo dan Nescafe. Adakah beliau sedar kenaikan harga-harga ini akan meningkatkan kadar penghidupan terutama sekali kadar penghidupan orang-orang miskin di negara kita.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang ada, tidak ada kenaikan harga minyak petrol ataupun minyak desil baru-baru ini. Sungguhpun demikian Kementerian saya telahpun menerima permohonan-permohonan kenaikan harga minyak petrol dan minyak desil daripada syarikat-syarikat minyak berikutan dengan kenaikan harga minyak mentah sebanyak 5%-10% oleh negara-negara OPEC

pada 1-1-1977 yang lalu. Permohonan-permohonan tersebut pada masa sekarang ini sedang dikaji dengan mendalam oleh pihak Kerajaan bagi menentukan sejauh manakah ianya akan mendatangkan kesan-kesan kepada pengguna-pengguna dan juga kepada perkembangan pelaburan dan perindustrian di negara ini.

Mengenai kenaikan gas masak (cooking gas) yang dibuat oleh syarikat-syarikat minyak di antara 10% hingga 10.4% pada 26-2-1977 sungguhpun gas adalah barang terkawal, Kementerian tidak mengawasi harganya kerana harganya selama ini adalah stabil dan pasarannya adalah kecil iaitu kurang daripada 1% daripada keseluruhan pasaran barang-barang petroliaam di Malaysia.

Kementerian walau bagaimanapun telah meminta syarikat-syarikat minyak berkenaan mengemukakan alasan-alasan lengkap mengenai kenaikan kos gas minyak yang mereka alami untuk dikaji bagi menentukan samada kenaikan boleh ditetapkan.

Mengenai kenaikan harga minyak masak, Milo dan Nescafe yang telah dibuat mulai daripada 1-3-1977 yang lalu kenaikan-kenaikan harga tersebut adalah disebabkan oleh kenaikan harga bahan-bahan mentah di pasaran antarabangsa dan juga tempatan. Misalnya, harga purata kelapa kering gred satu di peringkat ladang di Sabak Bernam adalah seperti berikut:

| 1975            | 1976            |
|-----------------|-----------------|
| \$34.95 sepikul | \$42.35 sepikul |

Harga kelapa kering yang dicatitkan pada 19hb Mac, 1977 di Sabak Bernam adalah \$69 sepikul.

Sementara itu harga kelapa kering yang dicatitkan di pasaran antarabangsa berdasarkan kepada harga c.i.f. North West European ports telah juga meningkat sejak tahun 1975 seperti berikut:

| 1975                 | 1976                 |
|----------------------|----------------------|
| £256 satu tan metrik | £275 satu tan metrik |

Harga ini pada 17hb Mac, 1977 adalah naik kepada £475 satu tan metrik.

Harga minyak kelapa sawit mentah (crude palm oil) yang merupakan salah satu daripada bahan membuat minyak masak, telah juga

meningkat harganya. Kenaikan harga bahan ini sejak Disember, 1976 adalah seperti berikut:

| Disember, 1976             | 1977                       |
|----------------------------|----------------------------|
| (Harga f.o.b. Port Kelang) | (Harga f.o.b. Port Kelang) |
| M\$1,051 sepikul           | M\$1,112.6 sepikul         |

Lain-lain faktor termasuklah kekurangan pengeluaran hasil kacang soya dari negara-negara pengeksport seperti Amerika Syarikat dan minyak biji "Sun Flower" di Russia. Keadaan bekalan telah menjadi bertambah genting lagi dengan pembelian yang banyak oleh negara-negara pengguna utama seperti Amerika Syarikat, Russia, India, Pakistan dan China.

Kenaikan Milo adalah disebabkan oleh kenaikan harga serbok koko, iaitu satu bahan penting bagi membuat Milo. Harga serbok koko telah meningkat sejak tahun 1975 dan kenaikan harga bahan tersebut adalah seperti berikut:

|                          | Harga purata bagi tahun 1975 | Harga purata bagi tahun 1976 | Harga bagi bulan Februari 1977 |
|--------------------------|------------------------------|------------------------------|--------------------------------|
| Serbok Koko ... (100 kg) | M\$280                       | M\$356 (100 kg)              | M\$1,100 (100 kg)              |

Kenaikan harga Milo tersebut adalah merupakan kenaikan harga pertama dalam masa dua tahun yang lampau.

Mengenai harga Nescafe pula ianya telah dinaikkan oleh kerana kenaikan harga biji-biji kopi yang melambung tinggi di pasaran dunia, akibat kekurangan bekalan. Harga bahan tersebut bagi tahun 1974 hingga 1977 adalah seperti berikut:

#### Harga f.o.b. biji-biji kopi

|                           | 1974 (harga purata) | 1975 (harga purata) | 1976 (harga purata) | Harga pada 12-3-77 |
|---------------------------|---------------------|---------------------|---------------------|--------------------|
| Biji kopi jenis "Robusta" | M\$147.22 Sepikul   | M\$144.09 Sepikul   | M\$317.92 Sepikul   | M\$847.00 Sepikul  |

Di samping itu keperluan keseluruhan Nescafe di Malaysia adalah diimpot dari negara-negara luar yang mana harganya telah naik sebanyak 90% (peratus wajaran) jika dibandingkan dengan harganya pada bulan Julai tahun 1976, seperti berikut:

| Saiz Nescafe yang diimpot | Harga c.i.f. pada bulan Julai, 1976 | Harga c.i.f. pada bulan Januari, 1976 | % kenaikan |
|---------------------------|-------------------------------------|---------------------------------------|------------|
|                           | US\$ c.                             | US\$ c.                               |            |
| Nescafe 24 x 50 gm.       | 12 12                               | 22 00                                 | 81.5       |
| Nescafe 24 x 100 gm.      | 21 60                               | 40 50                                 | 87.5       |
| Nescafe 12 x 250 gm.      | 23 81                               | 47 00                                 | 97.4       |
| Nescafe 6 x 500 gm.       | 21 66                               | 44 00                                 | 103.1      |

Saya sedar kenaikan-kenaikan harga barang-barang keperluan seperti minyak gas (petrol), minyak desil, minyak tanah dan minyak masak akan mendatangkan kesan terhadap kadar penghidupan rakyat di negeri ini. Berkenaan dengan harga Milo dan Nescafe sungguhpun barang-barang ini digunakan oleh sebahagian rakyat di negeri ini saya tidak menganggapnya sebagai barang-barang keperluan. Dalam pada itu kenaikan harga yang berpatutan yang disebabkan kenaikan kos bahan-bahan mentah dan sebagainya mesti dipertimbangkan bagi menjamin bekalan yang mencukupi kepada pengguna-pengguna dalam negeri. Untuk menentukan harga yang berpatutan dan bekalan yang mencukupi, Kementerian saya sentiasa mengawasi pergerakan-pergerakan harga di dalam negeri supaya pengguna-pengguna tidak dieksploita-sikan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan samada beliau sedar bahawa dengan kenaikan harga beberapa jenis barang-barang baharu-baharu ini, negara kita mungkin menghadapi satu inflasi pusingan yang kedua. Jika beliau sedar, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan kejadian ini berlaku?

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Seperti mana yang saya maklumkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, kenaikan barang-barang yang dinyatakan adalah disebabkan oleh kenaikan bahan-bahan mentah di luar negeri. Samada ini telah menunjukkan bukti wujudnya sekali lagi inflasi sebagaimana telah berlaku, saya rasa bergantunglah kepada harga barang-barang lain. Barang-barang yang disebutkan seperti Nescafe dan Milo adalah barang-barang yang saya anggap tidak termasuk takrif "barang-barang sangat perlu". Oleh itu selagi barang-barang yang lain macam beras yang dianggap sebagai barang yang perlu stable harganya, saya rasa keadaan inflasi yang dahsyat sebagaimana yang kita tahu berlaku dua tahun lepas itu mungkin tidak berbalik semula.

**Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberi penjelasan yang begitu panjang dan begitu kemas, barangkali pihak peniaga dan pedagang juga akan mengucapkan berbanyak terima kasih. Saya juga meng-

hargai jaminan beliau yang akan menimbang-kan segala usaha untuk mempertahankan kepentingan pengguna. Saya suka bertanya samada lebih elok atau sempurna atau lebih baik lagi daripada Yang Berhormat Menteri berdiri di hadapan Parlimen ini mempertahankan pihak peniaga, dibentukkan satu badan penimbang (price tribunal) yang membolehkan pihak yang berkenaan sendiri menjadikan peguam ataupun pembicaraannya sendiri untuk mengemukakan segala hujah-hujah mempertahankan segala langkah untuk menaikkan harga dan membenarkan orang ramai atau rakyat jelata menjadi hakimnya dan juga mengambil bahagian menyoal tentang segala langkah hendak menaikkan harga itu yang barangkali boleh meringankan beban rakan saya Yang Berhormat Menteri tadi, tidak payah beliau sendiri terpaksa berdiri menjawab soal sepertimana telah dikemukakan. Saya hendak bertanya adakah pihak Kementerian beliau akan menimbang-kan langkah semacam ini yang boleh meringankan beban Kementerian dan Kerajaan kita sendiri supaya pihak pengguna dan pihak yang menjual dapat bercakap dan memberi keterangan dengan perantaraan satu badan penimbang harga (price tribunal) yang sama tengah dengan segala perbicaraan itu terbuka kepada orang ramai.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, perkara penubuhan satu price tribunal ini, rasa saya telah dibangkitkan beberapa kali di dalam Dewan yang berbahagia ini, termasuk daripada Ahli Yang Berhormat. Perkara ini sudah dibuat kajian yang mendalam dan pihak Kementerian berpendapat bahawa tidak perlu diadakan price tribunal sebagaimana yang dicadangkan, oleh kerana buat masa ini kita ada badan-badan yang tertentu yang mewakili pihak consumers, pihak penjual di mana perkara harga barang-barang dan kenaikan harga barang-barang itu dapat dikaji dengan mendalam. Kita ada badan Price Review Committee di peringkat Kementerian, kita ada Consumers' Association di mana Ahli Yang Berhormat juga memainkan peranan yang sungguh penting di mana perkara-perkara semacam ini boleh ditimbulkan.

Kalau diizinkan, saya suka menyentuh perkara price tribunal ini. Saya mendapati bahawa di Australia dan lain-lain negeri juga yang telah menubuhkan badan yang sama

sekarang sudah mempunyai second thought, mendapati bahawa price tribunal ini adalah tidak langsung memberi menfaat, malahan membangkitkan berbagai-bagai masalaah.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan samada beliau sedar bahawa pihak para pengilang telah menaikkan harga gas masak dan minyak masak, Milo dan Nescafe tanpa mendapat kebenaran daripada Kementerian dan jika beliau sedar, samada Kementeriannya bercadang meluluskan satu Rang Undang-undang yang mewajibkan semua pengilang mendapat kebenaran daripada Kerajaan sebelum mereka dibenarkan untuk menaikkan harga barang-barang mereka.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya telah jelaskan dalam jawapan asal saya tadi berkenaan dengan minyak masak, sungguhpun barang ini adalah barang kawalan, kita tidak ada understanding dalam mana sebelum harga itu naik, mereka mesti berunding terlebih dahulu dengan Kementerian. Ini oleh kerana sebagaimana juga saya telah jelaskan minyak masak adalah cuma 1% daripada keperluan pengeluaran minyak. Jadi memandang kepada bilangan penggunaan ini cuma 1% dan harganya pada masa lepas adalah stabil, kita telah tidak mengadakan peraturan dalam mana sebelum dinaikkan harga minyak masa ini perlu pihak yang berkenaan, yang mengeluarkan itu menghubungi Kementerian lebih-lebih lagi meminta kebenaran. Keadaan yang sama adalah juga terkena kepada Nescafe. Nescafe yang sebenarnya tidak langsung diisytiharkan sebagai barang kawalan, kerana kita berpendapat bahawa barang ini kalau kita tidak meminumnya, rasa saya tidak menjadi mudarat kepada orang-orang yang meminumnya. Mungkin ada orang yang ketagih, tetapi rasa saya ini adalah minuman yang boleh tidak perlu diminum oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tentang pertanyaan Ahli Yang Berhormat samada diadakan Rang Undang-undang supaya dikawali harga dengan harga kawalan yang tertentu, suka saya menyatakan bahawa buat masa ini sekalipun kita memang ada undang-undang yang dinamakan Undang-undang Kawalan Harga (Price Control Act), suka saya menyatakan kita tidak jalankan kuatkuasanya kerana lazimnya undang-undang

ini cuma kita gunakan pada masa genting, iaitu pada masa diharurat dalam mana untuk mengawali perbekalan dan juga harga, kita kenakan undang-undang yang berkenaan. Tetapi dalam pada itu, suka saya menyatakan sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa kita ada understanding, persetujuan dengan pihak-pihak pengilang bahawa dalam perkara barang-barang yang kita telah isytiharkan sebagai barang kawalan, sebelum barang ini dinaikkan harga oleh pihak-pihak yang berkenaan itu, mereka perlu berunding dengan Kementerian dengan mendapat persetujuan daripada Kementerian sebelum harga barang-barang itu dinaikkan.

**Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit. Pada awal tadi Yang Berhormat Menteri menyebut, saya agak kalau tak salah berkenaan dengan gas masak yang kononnya 10% daripada energy ataupun minyak gas lain-lain, sekarang disebut pula minyak masak, barangkali keliru sedikit. Walau bagaimanapun, berkenaan dengan gas masak ini sungguhpun ia hanya 10% daripada keperluan segala energy, fuel, minyak kereta, minyak gas, minyak petrol dan sebagainya, tetapi kepada orang yang mesti masak menggunakan makanan tiap-tiap hari sudah terdapat keadaan di mana sebahagian besar, barangkali hampir 90% yang sekarang menggunakan gas masak ini. Oleh kerana itu samada Yang Berhormat Menteri rasa sudah sampai masanya untuk menjadikan gas masak ini sebagai satu bahan yang patut disenaraikan di bawah bahan-bahan yang dikontrol sebagaimana telah dilakukan ke atas 10 atau 12 jenis benda-benda yang mustahak. Saya harap dapat dijelaskan, sebab kepada orang ramai gas masak pada hari ini walaupun 10% daripada segala fuel sudah menjadi satu bahan keperluan tiap-tiap hari.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Yang saya sebutkan tadi gas masak, bukan minyak masak. Sungguhpun angka yang saya katakan tadi angka kegunaan ataupun supply cuma 1% iaitu selepas naik harga baru-baru ini, kita telah membuat kajian dan mendapati bahawa semakin ramai orang yang telah menggunakan gas masak untuk memasak barang makanannya dan oleh kerana itu, sebagaimana yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu, kita telah memasukkan barang ini sebagai barang



kawalan dalam mana sebelum harga dinaikkan, perlu diminta kebenaran daripada Kementerian.

### **PENYERTAAN 30% BUMIPUTRA**

**9. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Perdana Menteri menyatakan apakah usaha membahagikan 30% kekayaan negeri ini kepada bumiputra, (dengan tidak dimasukkiran yang dijalankan oleh Perbadanan-perbadanan Kerajaan) sehingga benar-benar mencapai kejayaan dan apakah bidang kejayaannya.

**Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, buku Rancangan Malaysia Ketiga memberi cukup maklumat tentang usaha Kerajaan melalui berbagai sekim untuk mencapai matlamat penyertaan Bumiputra dalam hakmilik dan penguasaan dalam ekonomi negara, termasuk hakmilik harta dan kekayaan. Sekim-sekim yang penting termasuklah:

- (a) Mensyaratkan supaya syarikat-syarikat yang menikmati galakan-galakan tertentu (seperti galakan perintis, pengecualian cukai dan lain-lain) ataupun yang ingin menyusun semula struktur ekuitinya hendaklah mengemukakan sekurang-kurangnya 30% dari saham mereka untuk Bumiputra.
- (b) Oleh kerana masaalah besar bagi Bumiputra ialah kekurangan modal yang menyebabkan sebahagian besar dari saham-saham yang diperuntukkan itu tidak diambil, maka Kerajaan telah mengadakan satu Kumpulan Wang Pelaburan Bumiputra dengan modal \$200 juta untuk mengambil saham-saham tersebut. Di samping itu Kerajaan juga memupuk perkembangan sekim-sekim mengembeling simpanan atau tabungan Bumiputra seperti Tabung Haji, Amanah Saham, Sekim Simpanan Peserta FELDA, Bank Simpanan Nasional, Syarikat Kerjasama dan Pertubuhan Peladang dan lain-lain.
- (c) Selain dari itu, Kerajaan juga memupuk perkembangan golongan pengusaha dan peniaga Bumiputra untuk menyertai usaha penyusunan semula ini. Di antara lain, Kerajaan memupuk perkembangan usahawan-usahawan

Bumiputra dengan mengadakan berbagai bantuan seperti kredit, khidmat nasihat dan bimbingan serta peraturan-peraturan pentadbiran, umpamanya dalam pemberian tender, untuk menolong mereka merebut peluang-peluang yang diujudkan.

Setengah-setengah daripada kesan-kesan berbagai sekim ini dapat diukur dengan angka peratusan penyertaan manakala kesan yang lain misalnya dalam membentuk dan mempengaruhi orientasi orang Bumiputra dalam aktiviti-aktiviti ekonomi moden tidak dapat disukat dengan angka-angka yang tetap. Seperti kita semua tahu, matlamat Dasar Ekonomi Baru keseluruhannya adalah matlamat jangka panjang. Kejayaan sepenuhnya hanyalah dapat dilihat menjelang tahun 1990. Namun begitu, Kerajaan sentiasa mengawasi trendnya untuk menentukan kejayaan dicapai.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana yang saya catitkan dalam soalan saya iaitu dengan tidak dimasuk-kirakan apa yang dijalankan oleh perbadanan-perbadanan Kerajaan itu yang saya hendak ketahui tentang kejayaan-kejayaan dalam usaha membahagikan 30% kekayaan negeri ini kepada bumiputra kerana apa yang kita nampak dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan laporannya menunjukkan bahawa sehingga ini hanya penyertaan bumiputra dalam bidang saham dan sebagainya tidak lebih daripada 2% sahaja. Jadi, apakah yang menyebabkan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerangkan berkaitan dengan penyertaan-penyertaan badan-badan Kerajaan dalam usaha memajukan bumiputra. Saya ingin meminta penjelasan berkait dengan bukan badan-badan Kerajaan seperti sehingga ini wujudnya usahawan-usahawan bumiputra yang telah berjaya dalam negeri ini jika dibandingkan dengan usahawan-usahawan yang bukan bumiputra. Misalnya, baru-baru ini saya dapat tahu daripada kenyataan seorang Timbalan Menteri tentang usahawan-usahawan dalam bidang perumahan begitu kecil bumiputra. Demikian juga dalam bidang-bidang yang lain yang terdapat kenyataan-kenyataan yang lain daripada beberapa punca yang boleh dipercayai. Perkara ini yang saya hendak tahu, apakah peranan yang dimainkan supaya pencapaian matlamat itu akan berjalan dengan tepat mengikut tahun 1990 yang akan datang.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya sebutkan tentang badan-badan Kerajaan yang ditubuhkan untuk menggalakkan penyertaan bumiputra, tujuannya serupa tetapi jikalau hendak bertanya tentang lain-lain usaha Kerajaan memangnya ada keyakinan bahawa melalui program-program latihan yang disediakan dan dilancarkan oleh berbagai agensi, syarikat-syarikat swasta dan juga Kerajaan, bilangan Bumiputra executive ataupun usahawan-usahawan boleh ditambah. Dengan menambahkan banyak lagi entrepreneur maka kaum bumiputra boleh mencapai matlamat itu dengan sepenuhnya.

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi penerangan iaitu selain daripada hakmilik, apakah kejayaan yang telah dicapai dalam bidang-bidang yang lain yang begitu juga pentingnya berkenaan dengan perkara ini iaitu pengurusan perkhidmatan profesional dan juga menambahkan agen-agen yang menjualkan barang-barang keluaran dalam negeri ini.

Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi pandangan berkenaan dengan sambutan dan kerjasama dari pihak swasta dalam perkara ini.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, bidang-bidang yang lain ini ialah bidang yang luas juga yang telah disebutkan dalam buku Rancangan Malaysia Ketiga. Jikalau saya hendak ulangsebut sekali lagi semua maklumat yang dicatitkan dalam buku itu barangkali mengambil masa yang panjang. Dasar Ekonomi Baru telah disambut oleh rakyat Malaysia dan saya tidak nampak ada halangan di mana pihak-pihak tertentu tidak memberi sokongan tentang dasar ini.

**Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya beliau sudi menerangkan takrif (definition) bumiputra khususnya berkenaan dengan syarikat-syarikat bumiputra. Apakah yang dianggap sebagai syarikat bumiputra khasnya kepada syarikat yang ada perkongsian bercampur bumiputra dan yang bukan bumiputra sekurang-kurangnya berapa peratus, berapa banyak saham yang mesti dipegang oleh bumiputra dan samada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa dalam amalan rancangan biasa ada

sungutan juga daripada beberapa syarikat yang menyatakan yunit penyertaan bumiputra dalam Kementerian yang berkenaan tidak selalu mengikut satu ukuran yang tetap, kadang-kadang syarikat yang mempunyai 51% saham bumiputra yang ada lebih pada setengah, katakan antara 3 orang pengarah, dua orang bumiputra, antara 3 orang pekerja, dua orang bumiputra. Itupun tidak dianggap sebagai bumiputra. Sebaliknya ada syarikat yang lebih lemah daripada itu di dalam penyertaan bumiputra diberi pula keutamaan kerana ada orang besar-besar, orang kenamaan ataupun orang yang istimewa diberi layanan lebih daripada syarikat yang ada penyertaan yang sebenar. Ini membangkitkan soal apakah yang ditakrif sebagai bumiputra. Patutkah kita takrif supaya 100% daripada saham, 100% daripada pekerja, 100% daripada pengarahnya bumiputra baru dianggap sebagai syarikat bumiputra?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut panduan yang dikeluarkan oleh Kerajaan syarikat-syarikat bumiputra boleh mendapat kemudahan-kemudahan keistimewaan seperti tender-tender dan sebagainya jika syarikat-syarikat berkenaan mempunyai 51% saham diperolehi oleh bumiputra, 51% pengurusan, 51% pekerjaan. Itulah definisi yang diamalkan sekarang ini.

**Tuan Sanusi bin Junid:** Tuan Yang di-Pertua, tidakkah Yang Berhormat Menteri terasa susah dan ragu-ragu apabila menjawab soalan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu tidak terbit daripada soalan asal ataupun jawapan soalan tambahan.

**Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri samada quota saham bumiputra itu setakat hari ini (up-to-date) telah betul-betul dapat dibeli dengan apa-apa bantuan pun terutamanya bantuan daripada apa yang Menteri sebutkan tadi, wang kumpulan pelaburan bumiputra kerana dahulu saya baca pada tahun 1975 masih ada beratus ribu saham dalam quota bumiputra ini yang tidak dibeli.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya berkehendakkan notis.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf saya turut campur di dalam soal jawab ini. Kalau kita memandang pada soalan ini, mengikut soalan ini ialah luas iaitu pembahagian 30% sebagaimana yang ada disebutkan di dalam Dasar Ekonomi Baru. Pertanyaan menyatakan apa usaha, iaitu sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat semua mengetahui usaha-usaha itu semua ada diterangkan di dalam buku Rancangan Malaysia Ketiga. Usaha-usaha itu boleh dikatakan kebanyakannya telah dijalankan di dalam tahun 1976. Bagi tahun 1977 kita belum ada angkanya lagi. Kalau hendak menjawab di sini tiap-tiap satu usaha itu tentulah panjang dan saya cuma mengesyorkan kepada Ahli Yang Berhormat jika ada berasa ragu-ragu berkenaan dengan usaha dan berapa banyak kejayaan yang telah dicapai sehingga setakat ini, hendaklah membaca buku Rancangan Malaysia Ketiga itu. Di dalam buku itu ada disebutkan progress report hingga hujung rancangan Malaysia Kedua. Di situlah kita dapat gambaran-gambaran pencapaian kejayaan dan kemajuan kita setakat ini di dalam Dasar Ekonomi Baru.

**Tuan Yang di-Pertua:** Eloklah baca sebagaimana yang dinasihatkan (*Ketawa*) oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalau ada ragu-ragu, bolehlah dibawa dalam usul menjunjung kasih atas Titah Ucapan Diraja.

### LAWATAN PERDANA MENTERI KE ASIA BARAT

**10. Tuan Hashim bin Ghazali** minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil lawatan beliau ke Negara-negara Asia Barat baru-baru ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telahpun menjawab soalan yang sama semasa menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang sebentar tadi.

### PENAGIH DADAH BAGI MURID-MURID

**11. Tuan Jaafar bin Hamzah** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) jumlah penagih dadah daripada kalangan murid-murid sekolah rendah dan sekolah menengah; dan

(b) apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasi dan menyekat supaya perkara ini tidak berlanjutan selain daripada meminta kerjasama ibu bapa/penjaga murid-murid.

**Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kejadian menyalahgunakan dadah di kalangan murid-murid sekolah Menengah dan Rendah Bantuan Penuh Kerajaan jangkamasa dari 1hb Julai-31hb Disember, 1975 ialah 183 orang. (Angka ini adalah termasuk mereka yang dalam peringkat mencuba, menggunakan sekali sekala dan mereka yang sering menggunakannya). Daripada angka itu bilangan penagih dadah (iaitu mereka yang bergantung kepada dadah secara jasmani dan rohani) adalah terlalu kecil sekali.

(b) Langkah-langkah yang perlu dan telah diambil untuk menyekat dan mengatasi perkara ini adalah:

1. Kementerian telah, sedang dan akan melatih pegawai-pegawainya dalam bidang Pelajaran Kesihatan dan perkhidmatan Panduan Pelajaran dan rundingcara (Counselling) untuk menyekat penyalahgunaan dadah di kalangan murid sekolah melalui pelajaran dan penerangan.

2. Kementerian Pelajaran telah menghantar surat-surat pekeliling ikhtisas di bawah ini kepada semua Guru-besar-gurubesar tentang:

- 2.1 Garis panduan berhubung dengan peraturan-peraturan yang harus diambil sekiranya seseorang murid telah dikesan sebagai seorang yang menyalahgunakan dadah.

- 2.2 Memberikan arahan berkaitan dengan masalah menghisap rokok di kalangan murid sekolah.

- 2.3 Memberikan pendekatan (approach) yang boleh digunakan dan yang seharusnya dielakkan dan yang tidak mendatangkan faedah langsung.

3. Sekiranya ada murid yang menyalahgunakan dadah, murid ini dirujuk melalui Pegawai Kebajikan Masyarakat untuk mendapatkan rawatan dan pemulihan dan ditolong untuk meneruskan pelajaran mereka selepas keluar dari pusat pemulihan. Walau bagaimanapun, seperti Yang Berhormat sedar, kerjasama ibubapa dalam hal ini adalah sangat mustahak.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan adakah cara-cara yang disusun oleh Kementerian Pelajaran masaalah untuk membasmi salahguna dadah ini boleh disesuaikan dengan cara-cara yang sedang dijalankan oleh PEMADAM yang pada hari ini sedang mencari penyesuaian hendak bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran.

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripada cara-cara ini mungkin boleh digunakan oleh PEMADAM tetapi kalau hendak supaya guru-guru di sekolah mengambil tindakan kepada orang yang di luar daripada sekolah itu adalah agak sukar sedikit.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Saya hendak minta satu garis panduan daripada Menteri berkenaan, bolehkah atau tidak usaha yang dijalankan oleh PEMADAM dapat disesuaikan dengan usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran.

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, boleh.

## METER TEKSI

**12. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa operator-operator teksi dalam kawasan bandaran di bandar-bandar besar seperti Ipoh dan Pulau Pinang tidak mahu menggunakan meter sewa apabila membawa penumpang-penumpang, sebaliknya mereka mengenakan bayaran sesuka hati mereka sahaja;
- (b) samada beliau telah menyiasat perkara ini; dan

- (c) jika ya, nyatakan berapa orangkah yang telah didakwa dan didapati bersalah dan samada lesen mereka telah digantung atau ditarik balik.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian saya sedar tentang adanya pengusaha-pengusaha teksi di dalam kawasan bandaran yang tidak mahu menggunakan meter.
- (b) Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa menyiasat pengaduan-pengaduan yang diterima bersabit dengan perkara ini dan mereka yang didapati bersalah adalah dihukum.
- (c) Dalam tahun 1976 sebanyak 110 pengaduan berkenaan kes di mana pemandu-pemandu teksi tidak menggunakan meter telah diterima dan kesemua mereka ini dapati bersalah dan digantung lesennya buat beberapa ketika mengikut berat kesalahan masing-masing.

## PENGARUH KOMINIS DI KEDUTAAN

**13. Tuan Haji Embong bin Yahya** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan nama Kedutaan Asing yang pegawainya terlibat dengan Abdullah Majid dalam mengembangkan pengaruh komunis. Setakat ini apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan terhadap masaalah ini.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah sedar dan mengetahui sepenuhnya penglibatan Yang Berhormat Abdullah Majid dengan kedutaan asing seperti yang diakui oleh Ahli Yang Berhormat itu sendiri baru-baru ini. Saya memberi jaminan bahawa Kerajaan sentiasa mengawasi perkara begini dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya dan sesuai terhadap mana-mana juga kedutaan asing yang telah atau yang menjalankan kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan tujuan diplomatik mereka yang asal yang boleh menjejaskan keselamatan negara kita. Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, untuk kepentingan keselamatan negara dan kepentingan antarabangsa tidaklah wajar untuk saya memberi penjelasan lebih lanjut kepada Dewan berhubung dengan tindakan-tindakan yang sedang dan/atau yang sudah diambil dalam perkara ini.

## BIASISWA PETROLIAM KEPADA BUMIPUTRA

**14. Tuan Haji Embong bin Yahya** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan bumiputra yang diberi latihan bagi membolehkan mereka menyertai bidang petroliam dan sebutkan jurusan latihan yang diberi.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, PETRONAS ada 2 rancangan latihan iaitu:

1. Mengeluarkan Biasiswa Pinjaman untuk mendapat diploma dan ijazah dari institusi-institusi pengajian tinggi dalam dan luar negeri.
2. Memberi latihan kepada pegawai-pegawai PETRONAS dalam bidang teknikal dan pengurusan.

Dalam rancangan Biasiswa Pinjaman, PETRONAS telah mengeluarkan sebanyak 67 biasiswa untuk beberapa kursus seperti berikut:

|                                                                |     |     |    |
|----------------------------------------------------------------|-----|-----|----|
| Kejuruteraan Awam                                              | ... | ... | 5  |
| Kejuruteraan Letrik                                            | ... | ... | 4  |
| Kejuruteraan Jentera                                           | ... | ... | 10 |
| Kejuruteraan Lombong                                           | ... | ... | 1  |
| Kejuruteraan Petroliam                                         | ... | ... | 13 |
| Kejuruteraan Kimia                                             | ... | ... | 5  |
| Jangkawas Perusahaan dan Kawalan (Control and instrumentation) |     |     | 2  |
| Kajibumi                                                       | ... | ... | 8  |
| Geophysics                                                     | ... | ... | 2  |
| Sains Computer                                                 | ... | ... | 1  |
| Ekonomi/Urusan Perniagaan                                      | ... | ... | 4  |
| Undang-undang                                                  | ... | ... | 2  |
| Sains (Kimia)                                                  | ... | ... | 1  |
| Akauntan                                                       | ... | ... | 1  |
| Kursus "A" Levels                                              | ... | ... | 8  |

---

67

---

Kebanyakan daripada Biasiswa Pinjaman ini adalah diberi kepada Bumiputra sesuai dengan dasar Kerajaan.

Dalam bidang latihan pula setakat ini PETRONAS telah menghantar pegawai-pegawainya untuk menjalani latihan-latihan dalam beberapa bidang seperti penapisan minyak (refinery), menganalisa minyak mentah (crude oil analysis), petrokimia, pasaran antarabangsa, pembekalan minyak ke

lapangan terbang dan juga latihan-latihan pengurusan di dalam dan juga di luar negeri seperti Kuwait, Jepun, Indonesia, Filipina, United Kingdom dan Romania.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga No. 35 adalah diberi di bawah ini).

## HARGA MINYAK PETROL/DISEL

**15. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau telah menerima permohonan-permohonan dari syarikat-syarikat minyak untuk menaikkan harga minyak dan disel dan nyatakan pendirian Kementerian beliau atas perkara ini.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Kementerian saya telahpun menerima permohonan-permohonan kenaikan harga minyak petrol dan disel daripada syarikat-syarikat minyak dan kajian mendalam sedang dibuat keatasnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian saya telah mengemukakan satu Kertas mengenai perkara tersebut kepada Kabinet untuk mendapat panduan-panduan-nya. Walau bagaimanapun oleh kerana masalah kenaikan harga bahan-bahan tersebut akan melibatkan terutamanya kepentingan rakyat jelata dan juga perkembangan pelaburan dan perusahaan serta perkembangan ekonomi negara seterusnya, Kabinet telah memutuskan supaya kajian lanjut dibuat di atas perkara tersebut oleh Jawatankuasa Sementara mengenai Harga Barang-barang Petroleum. Jawatankuasa ini adalah dianggotai oleh beberapa Kementerian/Jabatan Kerajaan, termasuklah wakil-wakil dari Kementerian saya: Perbendaharaan; Unit Perancangan Am dan Unit Kemajuan Petroleum; Jabatan Perdana Menteri; Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja; Bank Negara; dan Petronas. Jawatankuasa tersebut akan mengemukakan hasil kajiannya serta syor-syor kepada Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelaburan yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri untuk dipertimbangkan.

## LEMBAGA PENGURUS PENGUATKUASA AKTA PELAJARAN

**16. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada surat bertarikh 7hb Februari, 1977 yang dihantarkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Datuk Abdul Kadir bin Talib, ke Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Kuen Cheng dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) Lick Hung mengenai langkah-langkah yang sedang diambil untuk membubarkan Lembaga-lembaga Pengurusan/Gabenor di bawah Seksyen 26A Akta Pelajaran 1961 telah dihantarkan dengan kebenaran beliau; dan
- (b) memandangkan kepada fakta-fakta dan ciri-ciri istimewa Lembaga-lembaga Pengurusan dan sekolah-sekolah rendah China samada beliau akan memberi satu jaminan yang beliau tidak akan menguatkuasakan Seksyen 26A Akta tersebut untuk membubarkan Lembaga-lembaga Pengurus sekolah-sekolah rendah China.

**Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):**

- (a) Surat tersebut adalah urusan pentadbiran biasa yang tidak perlu mendapat persetujuan dari saya. Surat itu juga bukan hanya dihantar ke sekolah-sekolah yang disebutkan itu tetapi juga ke 15 buah sekolah rendah dan menengah yang lain.
- (b) Penguatkuasaan Akta Pelajaran Seksyen 26A, bukan hanya melibatkan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan sahaja tetapi juga Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah yang dibantu penuh. Seksyen ini merupakan satu "enabling provision" yang mungkin digunakan apabila beberapa syarat tertentu telah dipenuhi. Di waktu ini syarat-syarat tersebut tidak mungkin dipenuhi. Oleh itu pembubaran Lembaga-lembaga Pengurusan/Gabenor tidak akan dibuat. Sejak Seksyen ini diadakan belum ada satupun Lembaga yang dibubarkan. Jaminan supaya pihak-pihak tertentu dikecualikan dari peruntukan undang-undang yang sah tidak dapat diberi.

## BARISAN BERSATU PARTI KOMINIS MALAYA

**17. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar kedua-dua Y.B. Chian Heng Kai, Ahli Parlimen DAP bagi kawasan Batu Gajah dan Sdr Chan Kok Kit, Penolong Bendahari Kebangsaan DAP yang kini ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri di Kem Tahanan Kemunting tidak pernah melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti Barisan Bersatu Kominis ataupun mengakui yang mereka itu terlibat dalam usaha membantu Barisan Bersatu Kominis, dan juga menjelaskan mengapa Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar membayangkan yang kedua-dua mereka itu telah membuat pengakuan tersebut.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Sebelum ditangkap Kerajaan mendapat maklumat bahawa kegiatan mereka nampak terlibat di dalam usaha yang membantu Barisan Bersatu Kominis. Setelah ditangkap mereka telah mengakui bahawa mereka sedar apa yang mereka lakukan boleh membantu kegiatan Barisan Bersatu Parti Kominis Malaya.

## BEKAS PENGARAH YAYASAN SABAH—SIASATAN

**18. Tuan A. K. Aliuddin** minta Menteri Undang-undang menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Biro Siasatan Negara ke atas bekas Menteri Kewangan Sabah, dan bekas Pengarah Yayasan Sabah yang dikatakan melakukan pecah amanah semasa mereka menjawat jawatan masing-masing dahulu.

**Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof):** Berkenaan dengan bekas Menteri Kewangan Sabah, saya tidak dapat menjawabnya sebab bekas Menteri Kewangan Sabah adalah lebih dari seorang dan saya tidak dapat tahu yang mana bekas Menteri yang ditujukan oleh Ahli Yang Berhormat. Berkenaan dengan bekas Pengarah Yayasan Sabah, saya menyatakan perkara itu adalah dalam pengetahuan Biro Siasatan Negara Malaysia dan masih lagi dalam penyiasatan.

## PETROLIAM—PENGKALAN PEMBEKAL

**19. Tuan Lukman bin Abdul Kadir** minta Perdana Menteri menyatakan samada benar Kerajaan telah menetapkan bahawa pengkalan pembekal minyak (supply base) atau sebarang perusahaan yang berkaitan dengannya akan didirikan di kawasan Negeri Trengganu dan jika tidak, mengapa.

**Perdana Menteri** sebelum menjawab soalan Yang Berhormat ini, benarkanlah saya menjelaskan apakah yang dikatakan pengkalan pembekal (supply base) itu. Pengkalan pembekal ialah suatu pengkalan yang dibina khas untuk membantu usaha mencarigali petroliaam di tengah laut. Biasanya, pengkalan ini mempunyai jeti tempat perlabuhan kapal-kapal (supply boats) yang berulang-alek dari tengah laut, untuk mengambil bekalan kelengkapan yang berat seperti "casing", "tubulars", "drilling mud" dan sebagainya.

Kawasan pengkalan hendaklah letaknya di tepi laut yang airnya cukup dalam untuk menerima kapal-kapal (supply boats) itu. Oleh sebab itu, kawasan yang berhampiran dengan pelabuhan awam (port area) adalah sesuai bagi pengkalan pembekal. Lain-lain kemudahan yang diperlukan ialah satu kawasan lapang untuk menyimpan barang-barang besi jenis berat. Tempat simpanan ini terbahagi dua, iaitu kawasan terbuka dan kawasan tertutup (open storage and covered storage). Pengusaha-pengusaha pengkalan pembekal menjalankan juga kerja mengangkut barang dalam pengkalan itu (material handling) dan ini berkehendakkan "fork lift", "trucks", "mobil crane", "prime movers" dan lain-lain kenderaan berat.

Oleh sebab usaha mencari minyak di tengah laut berjalan sepanjang tahun tidak mengira masa, maka adalah mustahak sesuatu pengkalan pembekal itu hendaklah digunakan sepanjang tahun dan pada bila-bila masa sahaja tidak mengira musim. Jikalau pengkalan pembekal itu tidak dapat digunakan pada sepanjang tahun, disebabkan pelabuhan itu tidak dapat diguna oleh kapal-kapal (supply boats), maka usaha mencarigali dan mengeluarkan minyak akan tergendala.

Beberapa kajian berkenaan dengan perkara ini telah dan sedang dibuat oleh Kerajaan Trengganu, Pemas Mining dan PETRONAS, dan hasil kajian itu akan diteliti oleh saya sendiri dan keputusan yang sewajarnya akan dibuat tidak lama lagi. Begitu juga per-

usahaan-perusahaan yang berasaskan petroliaam seperti perusahaan-perusahaan penapis minyak (refinery), petrokimia dan baja urea adalah satu-satunya perusahaan yang memakan belanja yang besar. Oleh itu, sebelum perusahaan-perusahaan itu dijalankan, satu kajian yang teliti hendaklah diadakan. Kajian itu akan meneliti tentang beberapa faktor yang mustahak seperti soal adanya bahan-bahan mentah yang mencukupi, keadaan pasaran bagi keluaran perusahaan-perusahaan itu, dan faktor-faktor teknikal dan ekonomi. Samada patut atau tidak sesuatu perusahaan yang tersebut dijalankan dan di mana, adalah bergantung kepada faktor-faktor yang tersebut.

Bagi maksud menjalankan kajian itu PETRONAS telahpun melantik sebuah firma pakar dari Jepun iaitu C. Itoh untuk mengadakan satu Pelan Induk. Pelan Induk ini, di antara lain, akan membuat pengesyoran-pengesyoran tentang perusahaan petroliaam yang patut diadakan di seluruh Malaysia. Pelan Induk ini adalah dijangka siap pada akhir tahun ini.

Sebelumnya Pelan Induk ini siap disediakan, tidak dapatlah saya mengatakan dengan tepat atau muktamadnya, samada perusahaan-perusahaan yang berasaskan petroliaam dari pantai Negeri Trengganu akan dijalankan di Negeri itu. Dalam perkara ini saya suka hendak memberi jaminan bahawa kepentingan dan faedah Negeri Trengganu akan dijaga dan dipelihara.

Walau bagaimanapun PETRONAS telahpun menetapkan bahawa satu pusat penyelidikan petroliaam (petroleum research centre) akan diadakan di Negeri Trengganu. Kerajaan Negeri Trengganu telah bersetuju untuk mengadakan satu kawasan sebagai tapak pusat penyelidikan ini.

## PEMBELIAN BARANG-BARANG BUATAN PERANCHIS

**20. Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan, memandangkan kenyataan yang diperbuat oleh beliau dalam Dewan ini pada Penggal yang lalu bahawa beliau akan mendapatkan bantuan daripada semua Kementerian supaya memberhentikan pembelian barang-barang buatan Peranchis sebagai tindak balas atas sekatan yang dibuat oleh Negeri Peranchis terhadap barang-barang buatan Malaysia, samada telah ada apa-apa riaksi dari pihak

Kerajaan Peranchis untuk menarik balik setakan ke atas barang-barang buatan Malaysia. Jika tidak, apakah pula langkah selanjutnya yang beliau cadangkan hendak ambil.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Saya suka menyatakan iaitu saya tidak pernah mengesyorkan kepada Dewan ini supaya kita memberhentikan pembelian barang-barang buatan Peranchis sebagai tindakan balas ke atas negara tersebut. Apa yang saya nyatakan ialah Malaysia harus menghadkan pembelian barang-barang buatan dari negara Peranchis memandangkan bahawa negara tersebut telah tidak memberi kerjasama yang memuaskan di dalam usaha Malaysia mendapatkan kuota yang menasabah bagi mengeksport blouses ke negara berkenaan.

Saya telah berunding dengan T.Y.T. Duta Besar Peranchis ke Malaysia dan menyatakan rasa tidak puas hati Malaysia terhadap kuota yang telah diberikan. Oleh itu saya telah meminta supaya rundingan itu diadakan semula. Beliau telah berjanji untuk menyampaikan bantahan saya itu kepada Kerajaan-nya. Setakat ini saya belum lagi diberitahu mengenai perkara ini. Sekiranya jawapan yang memuaskan tidak diperolehi dalam sedikit masa lagi maka saya akan melapurkan kepada pihak Jumaah Menteri serta mencadangkan tindakan balas yang sesuai.

## JAWATANKUASA PENILAIAN DAN PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN

**21. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** meminta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kejayaan-kejayaan mengenai kajian yang telah dijalankan oleh Kerajaan atas Ijazah atau Diploma-diploma yang dikeluarkan oleh institusi-institusi teknik dari Australia dan New Zealand setakat ini, dan nyatakan pula bagaimanakah hasilnya kerja mengeluarkan senarai-senarai kelayakan yang kemas kini yang telah diiktirafkan oleh Kerajaan bagi pemegang-pemegangnya memasuki perkhidmatan awam.

**Perdana Menteri:** Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan dari masa ke semasa telah mengkaji Ijazah-ijazah dan Diploma-diploma yang dikeluarkan oleh institut-institusi pengajian tinggi di Australia dan New Zealand bukan sahaja dalam lapangan teknikal, tetapi juga dalam berbagai

bidang pengajian yang lain. Setakat ini boleh dikatakan kebanyakan daripada Ijazah-ijazah dalam bidang teknikal daripada universiti-universiti di Australia dan New Zealand telah diiktiraf oleh Kerajaan untuk melayakkan pemegang-pemegangnya dipertimbangkan untuk memasuki Perkhidmatan Awam.

Sekretariat Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan di Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan satu senarai lengkap kelayakan-kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan dalam tahun 1976 yang mana telah diedarkan secara terhad kepada Suruhanjaya-suruhanjaya perkhidmatan yang berkenaan dan Kementerian/Jabatan Kerajaan yang tertentu sahaja. Walau bagaimanapun, senarai-senarai tersebut ada disediakan di Jabatan Perkhidmatan Awam untuk rujukan orang ramai terutamanya pelajar-pelajar yang ingin mengetahui tentang taraf penilaian dan pengiktirafan sesuatu kelayakan untuk memasuki perkhidmatan Awam.

## PAS LAWATAN KEPADA PELAWAT ASING

**22. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan :

- (a) samada tempoh Pas Lawatan selama 6 bulan melalui "local sponsor" dapat dikurangkan tidak lebih dari 3 bulan.
- (b) adakah Kerajaan akan menyemak samada peraturan-peraturan Immigresen supaya :
  - (i) Visit Pass ke Malaysia tidak lebih dari 3 bulan,
  - (ii) Mereka tidak dibenarkan kahwin di Malaysia dengan tujuan mendapatkan kewarganegaraan secara "naturalisation",
  - (iii) Mengenakan "security deposit" sebanyak 3 kali ganda atau lebih daripada yang ada sekarang,
  - (iv) Tidak membenarkan pegawai luar samada bekerja dengan Kerajaan atau swasta membarui kontrak lebih daripada 5 tahun dengan harapan bahawa mereka itu tidak melebihi 8 tahun untuk memohon kerakyatan selepas tempoh tersebut.



- (c) adakah Kerajaan akan menetapkan dasar bahawa "stateless person" tidak mendapat tempat dalam negeri ini dan perkiraan dengan negeri-negeri asal mereka hendaklah dibuat untuk menghantar mereka balik supaya tidak menjadi ancaman kepada ketenteraman negeri ini.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:**

- (a) Pas Lawatan boleh dikeluarkan kepada pelawat asing dari satu hari hingga maxima setahun bergantung kepada keperluan seseorang itu berada di negeri ini dan tiap-tiap kes ditimbangkan mengikut meritnya. Adalah sukar untuk menghadkan tempoh tinggal seseorang pelawat itu kepada 3 bulan sahaja kerana ada kalanya lanjutan yang lebih terpaksa diberi atas sebab-sebab keuzoran dan sebagainya yang difikirkan ia perlu diberi lanjutan. Walau bagaimanapun Kerajaan tidak pernah membenarkan seseorang itu tinggal lebih dari yang diperlukan.
- (b) (i) Seperti yang diterangkan di atas dan soal ini tidak timbul lagi.
- (ii) Tidak ada undang-undang yang boleh menahan seseorang dari berkahwin di negeri ini tetapi dengan berkahwin di negeri ini bukanlah boleh melayakkan seseorang itu memohon kerakyatan negeri ini. Seseorang lelaki asing yang berkahwin dengan wanita warganegara tidak layak dipertimbangkan taraf tinggal tetap untuk melayakkan ia memohon kerakyatan. Sebaliknya pula seorang lelaki warganegara tidak perlu berkahwin di negeri ini saja malah boleh berkahwin di mana-mana negeri dan membawa isterinya pulang ke negeri ini. Isteri ini selepas 2 tahun, mendapat taraf tinggal tetap barulah layak memohon kerakyatan.
- (iii) "Security Deposit" diambil ialah bagi tujuan menentukan seseorang asing yang dibenarkan melawat negeri ini tidak terlantar dan juga bagi menentukan supaya ia menunaikan syarat-syarat yang dikenakan bagi pengeluaran Pas Lawatan itu. Jadi cagaran yang diambil dari seseorang pelawat itu adalah jumlah taksiran wang meliputi tambang

kapal terbang balik ke negeri asal, wang sara hidupnya semasa ia berada di sini dan wang ini akan digunakan untuk menghantar ia pulang jika perlu. Oleh itu cagaran yang dikenakan sekarang adalah memadai.

- (iv) Pegawai-pegawai Dagang yang bekerja secara kontrek dengan Kerajaan atau swasta adalah atas Pas Lawatan atau Pas Penggajian yang dibaharui dari semasa ke semasa dan berapa lama pun mereka tinggal di negeri ini tidak akan melayakkan mereka memohon kerakyatan oleh kerana tempoh masa mereka berada atas pas itu tidak dianggap tempoh kemastautinan bagi tujuan memohon kerakyatan.
- (c) Orang-orang "stateless" yang telah ber taraf penduduk tetap di negeri ini tidaklah boleh diusir tanpa sebab oleh kerana kedudukan mereka ini terjamin di bawah undang-undang negeri dan tidak ada negeri yang hendak dihantarkan.

**PENGURUSAN SEKOLAH BANTUAN PENUH**

**23. Dr Tan Chee Khoo** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar terlebih dahulu sebelum surat-surat untuk menamatkan Lembaga Pengelola dan Pengurus Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) telah dihantarkan kepada sebahagian sekolah di Kuala Lumpur pada 7-2-1977 dan Lembaga tersebut akan diganti oleh Jawatankuasa Pengelola dan Pengurus. Mengapa Lembaga Pengelola dan Pengurus sekolah tersebut akan diperkemaskan.

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Sebagai menjawab soalan Yang Berhormat dari Kepong, saya suka membetulkan sangkaan salah yang mungkin telah didapati melalui laporan-laporan dalam akhbar baru-baru ini mengenai pembubaran Lembaga-lembaga Pengurusan Sekolah-sekolah Bantuan Penuh.

Sebenarnya Kementerian Pelajaran telah bercadang hendak membuat kajian mengenai pengurusan Sekolah Bantuan Penuh jika sekiranya Seksyen 26A Akta Pelajaran, 1961 dikuatkuasakan. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkara seperti ini adalah semata-mata satu perkara pentadbiran dan oleh

yang demikian Surat-surat Pekeliling yang menjadi soal itu tidak perlu mendapatkan kelulusan saya terlebih dahulu sebelum ianya dikeluarkan.

### TARIAN SINGA

**24. Dr Tan Chee Khoo** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa Tarian Singa tidak dibenarkan ditunjukkan dari satu rumah ke satu rumah menurut tradisi orang-orang keturunan China.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tarian Singa memang dibenarkan dengan syarat-syarat yang tertentu dan hanya tidak dibenarkan pertunjukan secara perarakan dari satu rumah ke satu rumah.

Syarat yang dikenakan itu bertujuan menjaga ketenteraman awam kerana ada didapati persaingan antara kumpulan-kumpulan Tarian Singa dalam usaha memungut derma pada hari yang sama dan ini boleh menimbulkan perkelahian.

### KAD PENGENALAN

**25. Tuan Alex Pang Sui Chee** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) samada Kerajaan sedar bahawa ada sebilangan besar rakyat Sabah yang mempunyai surat beranak yang tiada bernama mendapat kesusahan untuk membaharui kad pengenalan dan paspot mereka sungguhpun telah ada akuan daripada Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di Dewan ini pada 4-11-75 iaitu kepada mereka yang mempunyai surat beranak seperti yang dinyatakan boleh membaharui kad pengenalan tanpa kesusahan tetapi malangnya telah tidak diendahkan oleh pegawai-pegawai Pendaftaran yang berkenaan, berkenaan dengan jawapan di Parlimen itu;
- (b) samada Kerajaan sedar bahawa pemegang-pemegang surat-surat beranak seperti ini apabila mereka hendak membaharui kad pengenalan mereka, mereka akan mendapati kad pengenalan barunya berwarna merah jambu (pink), tidak berwarna seperti kad pengenalan yang mula-mula dikeluarkan kepada mereka;

(c) apakah tindakan yang akan diambil untuk membetulkan perkara ini memandangkan perkara ini adalah mustahak dan segera kepada mereka yang berkenaan; dan

(d) adakah jawapan Menteri atau Timbalan Menteri dalam Dewan ini habis begitu sahaja dan tidak dituruti oleh arahan atau surat pekeling kepada Jabatan-jabatan yang berkenaan supaya selaras dengan aspirasi kedaulatan Dewan ini.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:**

(a) Soalan ini adalah umum kerana lapuran yang diterima menunjukkan bahawa mereka ini tidak menghadapi kesusahan untuk mendapat Kad Pengenalan. Arahan telah diberi kepada Pegawai-pegawai Pendaftaran di Sabah supaya mengeluarkan Kad Pengenalan yang sesuai kepada mereka yang berkenaan. Malahan mereka yang tidak memiliki Surat Beranak sekalipun diberi kemudahan untuk mendapatkan Kad Pengenalan yang sesuai.

Begitu juga mereka ini tidak akan menghadapi kesulitan untuk mendapat Paspot dengan syarat mereka mengemukakan selain daripada Surat Beranak tersebut keterangan-keterangan lanjut bagi mengesahkan taraf Kewarganegaraan mereka.

Walau bagaimanapun jika ada kes-kes yang tertentu bolehlah dibawa ke pengetahuan Kementerian ini.

- (b) Semenjak 1-6-72 Jabatan Pendaftaran Negara Sabah mengeluarkan Kad-kad Pengenalan berwarna biru, merah dan hijau bergantung kepada taraf Kewarganegaraan atau taraf Kemastautinan seseorang itu sebagaimana yang dijalankan di Semenanjung Malaysia dan Sarawak. Semenjak tarikh tersebut juga Kad Pengenalan jenis lama yang berwarna perang (tangerine) tidak dikeluarkan lagi.
- (c) Perkara sijil-sijil beranak yang tiada bernama itu telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Sabah dengan cadangan supaya peruntukan di bawah Seksyen 11 (ii) Ordinan Beranak dan Mati (Cap. 123) Sabah dipinda selaras dengan

peruntukan Seksyen 15 Ordinan Pendaftaran Beranak dan Mati, 1957 yang dikuatkuasakan di Semenanjung Malaysia. Cadangan ini masih lagi dalam kajian Kerajaan Negeri Sabah dan jika ianya dipersetujui akan dapat mengatasi masalah yang ditimbulkan itu.

- (d) Soalan ini tidak berbangkit memandangkan jawapan-jawapan yang diberi pada (a), (b) dan (c) di atas.

### RANCANGAN PERAIRAN MUDA

**26. Tuan Shamsuri bin Md. Saleh** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa pesawah-pesawah padi di Rancangan Perairan Muda kebanyakannya tidak memiliki tanah sendiri sebaliknya terpaksa menyewa dari tuan-tuan tanah dengan harga yang tinggi;
- (b) langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengawal kadar sewaan itu bagi mengelakkan petani-petani jadi mangsa penindasan; dan
- (c) samada Kerajaan bercadang untuk menjalankan reformasi tanah (land reform) untuk faedah petani-petani.

**Menteri Pertanian (Datuk Ali bin Haji Ahmad):**

- (a) Kementerian ini tidak ada mempunyai perangkaan yang tepat mengenai penyewa-penyewa dan tuantanah-tuan-tanah di kawasan Perairan Muda tetapi daripada survey yang dijalankan oleh Universiti Sains Malaysia di kawasan DII jajahan Kubang Pasu melibatkan hanya 34.6% sahaja yang menyewa sepenuhnya. Dalam penyiasatan yang dijalankan oleh Pegawai-pegawai Bahagian Penguatkuasa Akta Penanam Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan), 1967 menunjukkan bahawa pesawah-pesawah yang menyewa tidaklah membayar sewa yang begitu tinggi. Mengikut jadual 2 Akta Penanam Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan), 1967 tiap-tiap penyewa cuma dikehendaki membayar 140 gantang bagi tanah kelas 1 seekar pada musim pertama dan 30% pada musim kedua.
- (b) Akta Penanam Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan), 1967 telahpun dikuatkuasakan di Kedah yang

mana tujuan utama Akta ini ialah untuk menyelaraskan kadar sewaan dan juga untuk melindungi penyewa-penyewa daripada ditindas oleh tuantanah.

- (c) Akta Penanam Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan), 1967 ini adalah di antara salah satu usaha untuk menuju ke arah matlamat reformasi tanah.

### OPERASI DAOYAI-MUSNAH

**27. Tuan Haji Zakaria bin Haji Ismail** minta Menteri Luar Negeri menyatakan benarkah tuduhan yang dibuat oleh Belok Kominis (Hanoi) bahawa gerakan bersama Pasukan Keselamatan Malaysia/Thai yang dinamakan DAOYAI-MUSNAH baru-baru ini dibantu oleh Amerika Syarikat; jika benar, samada ini akan menjejaskan kedudukan ASEAN yang inginkan Rantau ini aman dan berkecuali.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj):** Operasi bersama Pasukan Keselamatan Malaysia/Thai yang dinamakan DAOYAI-MUSNAH tidak dijalankan dengan bantuan Amerika Syarikat ataupun dengan bantuan sesuatu negara ketiga yang lain seperti yang disiarkan oleh beberapa akhbar-akhbar Kominis. Operasi ini dirancang dan dijalankan oleh Malaysia dan Thailand sahaja untuk menentang pengganasan-pengganasan kominis di kawasan sempadan Malaysia-Thai.

Kedutaan-kedutaan kita di Hanoi dan Vientiane telahpun membuat protes dan menerangkan perkara ini.

Kita telahpun menerangkan beberapa kali iaitu walaupun ASEAN bukanlah satu perikatan yang bercorak ketenteraan, ini tidak bermakna negara-negara ASEAN tidak boleh menjalankan kerjasama duahala dalam bidang keselamatan untuk mempertahankan keselamatan negara masing-masing. Operasi Daoyai-Musnah ialah semata-mata satu perkara dalam negeri di antara Malaysia dan negeri Thai dan tidaklah bertentangan dengan tujuan ASEAN untuk mencapai satu kawasan aman, bebas dan berkecuali bagi Asia Tenggara.

### WANG GANJARAN BAGI ANGGOTA TENTERA

**28. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta Menteri Pertahanan menyatakan samada beliau sedar bahawa pembayaran wang ganjaran bagi anggota tentera lain-lain

pangkat sekarang ini tidak memuaskan, memandangkan harga barang yang kini meningkat terutama barang makanan. Yang demikian kalau dengan gaji anggota tentera yang dibayar sekarang ini mereka tentu tidak dapat menyimpan wang yang cukup untuk masa depan mereka apabila mereka tamat tempoh berkhidmat dari angkatan tentera. Jika sedar, adakah Kementerian akan mengkaji semula bayaran wang ganjaran sekarang ini ke jumlah yang menasabah supaya apabila mereka tamat berkhidmat hidup mereka terjamin.

**Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan (Datuk Hussein bin Onn):** Seperti yang diketahui umum Kerajaan adalah sedang dalam proses mengkaji semula tanggagaji, elaun serta skim perkhidmatan anggota-anggota tentera kita. Faedah-faedah persaraan dan ganjaran tamat perkhidmatan adalah termasuk di dalam kajian ini.

### FILEM TEMPATAN

**29. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian mengapa Kementerian tidak memberi sokongan dan bantuan kepada Pengusaha-pengusaha filem tempatan di dalam perusahaan filem-filem Melayu. Bolehkah Kementerian membantu pengusaha tempatan memimpin mereka secara apa jua pun agar filem-filem mereka mendapat pasaran antarabangsa dan tidakkah Kementerian ini sedar bahawa perindustrian filem dapat meninggikan taraf ekonomi dan imej negara.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Adalah tidak benar menyatakan bahawa Kementerian saya tidak ada memberi apa-apa sokongan dan bantuan kepada pengusaha-pengusaha filem tempatan terutama sekali penguasa-penguasa filem Bumiputra. Kementerian saya telah memberi taraf perintis kepada 4 permohonan filem tempatan dan juga secara pentadbiran telah membantu pengedar-pengedar filem Bumiputra mendapatkan waktu tayangan yang baik di pawagam-pawagam. Juga Kementerian saya telah meminta kerjasama Kerajaan-Kerajaan Negeri supaya menggalakkan penubuhan pawagam-pawagam untuk Bumiputra.

Walau bagaimanapun, bantuan dan sokongan yang boleh diberi oleh Kementerian saya adalah terhad memandangkan bentuk industri perfileman yang ada di negara ini sekarang. Memandangkan keadaan ini, Kementerian saya sekarang ini sedang menyelesaikan pembentukan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional yang dijangka akan memberi berbagai-bagai pertolongan dan bantuan kepada industri perfileman tempatan.

### IKLAN DI TV MALAYSIA

**30. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** bertanya kepada Menteri Penerangan adakah beliau sedar bahawa terlalu banyak iklan disiarkan di T.V. dan ianya membosankan penonton, begitu juga T.V. Malaysia terlalu banyak mengimpot filem-filem bercorak "aggressive" seperti MOD SQUAD, N.Y.P.D., CARIBE, dan sebagainya, dan bahawa tayangan seumpama ini menggalakkan masyarakat terutama kaum belia mengikuti jejak teori dan teknik yang ditonton dan secara tidak langsung mempengaruhi fikiran masyarakat kaum belia.

**Menteri Penerangan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud):** TV Malaysia tidak menyiarkan terlalu banyak iklan jika dibandingkan dengan stesyen talivisyen yang lain. Selain dari rancangan-rancangan yang ditaja khas seperti Kuiz, Sukan dan yang bercorak muzik, TV Malaysia tidak menayangkan iklan ditengah-tengah rancangan cerita (feature film) dan drama walaupun ini sudah lama diamalkan oleh stesyen-stesyen talivisyen di seluruh dunia. Ada stesyen-stesyen talivisyen memasukkan sebanyak 5 segment dan tiap-tiap rancangan satu jam serta satu segment sebelum rancangan dimulakan dan satu lagi selepas tamat rancangan. Berdasarkan kepada 2 minit tiap-tiap segment, ini bermakna stesyen-stesyen lain menyiarkan iklan berjumlah 14 minit bagi tiap-tiap jam. Tetapi TV Malaysia menayangkan pada hitung panjangnya 5½ minit bagi tiap-tiap jam.

Jadual TV Malaysia adalah disusun mengikut selera penuntun tetapi tidak melupai kehendak-kehendak dan dasar nasional dan dibahagi kepada beberapa bidang tertentu yang mempunyai quota-quota tertentu—seperti hiburan, drama, detektif, rencana, sukan dan lain-lain. Semua filem-filem yang bercorak "aggressive" atau "violence" yang

dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, telah ditapis terlebih dahulu oleh pihak Lembaga Penapis Filem sebelum ditayangkan untuk tuntutan umum.

### **TABUNG KHAS BAGI NELAYAN**

**31. Tuan Haji Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) dengan banyaknya kejadian nelayan hilang sewaktu menjalankan pekerjaan mereka di tengah lautan, adakah Kerajaan bercadang hendak menubuhkan suatu tabung khas bagi nelayan-nelayan yang mendapat kemalangan ini supaya keluarga mereka terjamin bagi masa hadapan mereka, juga dimasa waktu tengkujuh dimana mereka tidak dapat mencari rezeki maka mereka boleh dibantu melalui tabung ini; dan
- (b) beberapa ramaikah nelayan yang hilang dilautan kita sewaktu menjalankan pekerjaan mereka pada tahun 1976 dan apakah pandangan Kerajaan kepada mereka yang kurang bernasib baik ini; adakah dengan membiarkan begitu sahaja.

**Datuk Ali bin Haji Ahmad:**

- (a) Buat masa ini tidak. Sebenarnya kejadian nelayan hilang tidak banyak.

Bagi menentukan pendapatan waktu tengkujuh pula, nelayan-nelayan seperti di Pantai Timur Semenanjung, dibenarkan menangkap udang. Selain daripada itu mereka adalah digalakkan dan dibantu menjalankan pekerjaan lain seperti bercucuk tanam dan berternak.

- (b) Jumlah nelayan yang hilang dalam tahun 1976 ialah 4 orang. Kerajaan memang bersimpati dengan keluarga mereka yang tinggal. Mereka boleh meminta bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jika mereka memerlukan bantuan bercucuk tanam, ternakan atau peralatan untuk ke laut maka Kementerian boleh menimbangkan seberapa yang boleh.

### **TALIPON DI SEMPORNA**

**32. Tuan Mohd Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah** bertanya kepada Menteri Perhubungan:

- (a) bilangan kawat talipon di Semporna dan bilangan yang boleh digunakan untuk panggilan luar dari Semporna.

- (b) bilangan permohonan untuk mendapatkan perkhidmatan talipon di Semporna yang masih dalam senarai menunggu dan adakah rancangan untuk menambahkan saluran talipon di Semporna memandangkan bilangan penduduk yang semakin bertambah dari masa ke semasa dengan cepatnya.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):**

- (a) Ibusawat Semporna ialah sebuah ibusawat otomatik dengan muatan 200 talian dan ibusawat tersebut ada 8 talian cawang untuk membolehkan panggilan luar daripada bandar Semporna.
- (b) Bilangan pemohon yang sedang menunggu perkhidmatan talipon di bandar tersebut ialah 54 dan mengikut cadangan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, ibusawat tersebut akan dibesarkan dengan 150 talian lagi, yakni meningkat 350 talian kesemuanya. Kerja pembesaran ini sedang dijalankan dan dijangka siap pada awal tahun 1978.

Talian-talian cawang juga akan ditambahkan lagi dalam penggal kedua Rancangan Malaysia Ketiga.

### **TOPI KELEDAR**

**33. Tuan Mohd Salleh bin Datuk Panglima Abdullah** bertanya kepada Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam:

- (a) bilakah pemakaian topi keledar oleh penunggang-penunggang motosikal akan dikuatkuasakan di Sabah;
- (b) jumlah kemalangan motosikal yang berlaku di Sabah pada tahun 1976 dan adakah Kerajaan sedar kiranya penggunaan topi keledar dikuatkuasakan di Sabah sudah tentu kecederaan kepada penunggang-penunggang motosikal dapat dikurangkan; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang hendak menguatkuasakan penggunaan topi keledar di Sabah apabila telah ada industri yang mengeluarkan topi keledar di Sabah, kiranya tidak, mengapa dilambatkan penguatkuasaannya.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):**

- (a) Saya telah difahamkan oleh Kementerian Perhubungan dan Kerjaraya Sabah bahawa buat masa ini negeri Sabah masih belum hendak mengadakan undang-undang pemakaian topi keledar tersebut.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kuasa untuk mengadakan peraturan-peraturan lalulintas di Sabah masih di dalam kelolaan negeri Sabah sendiri. Saya telah diberitahu jua undang-undang topi keledar ini bolehlah ditimbangkan untuk dilaksanakan sebaik sahaja kuasa di bawah Ordinan Lalulintas Jalan 1958 Semenanjung Malaysia dipanjangkan ke negeri tersebut pada masa jangka pertengahan tahun 1978 ini.

- (b) Dalam tahun 1976 sejumlah 161 motosikal dan skuter telah terlibat dalam kemalangan jalanraya di Sabah. Ini mengakibatkan 9 orang penunggang dan penumpang motosikal dan skuter telah terkorban dan 85 orang tercedera. Ya, Kerajaan memang sedar bahawa undang-undang topi keledar itu boleh mengurangkan kematian dan kecederaan tersebut.

- (c) Tidak, Kerajaan tidak perlu menunggu sebuah indastri topi keledar didirikan di Sabah terlebih dahulu sebelum undang-undang tersebut diadakan kerana kemungkinan keperluan topi keledar di negeri tersebut boleh didapati dari Semenanjung Malaysia dan seperti yang saya telah terangkan tadi soal mengadakan undang-undang tersebut adalah terpulang kepada pihak berkuasa di negeri Sabah.

**SYARIKAT PENGANGKUTAN  
SRI JAYA**

**34. Tuan S. Samy Vellu** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar bahawa lebih dari 120 orang pekerja Syarikat Pengangkutan Sri Jaya diberikan persaraan (retirement) awal, dan akibatnya menyebabkan pekerja-pekerja itu menghadapi kesulitan hidup tanpa pekerjaan di peringkat umur mereka sekarang. Jika sedar, apakah tindakan yang dicadangkan oleh Menteri yang berkenaan untuk membaiki keadaan ini.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon):** Sepanjang yang diketahui oleh Kementerian ini, senarai 96 orang pekerja-pekerja dari syarikat Sri Jaya Kumpulan Berhad dan Syarikat-syarikat tunjagannya, telah diberhentikan kerja (retrenchment) dalam tempoh 3 bulan yang lepas.

Dengan bantuan pegawai-pegawai dari Kementerian ini, satu penyelesaian telah dicapai dan ditandatangani pada 16hb Mac, 1977 di antara pihak pengurusan dan Kesatuan Pekerja-pekerja Pengangkutan Persekutuan Tanah Melayu, di mana faedah perberhentian kerja mengikut lama tempoh perkhidmatan, akan dibayar kepada Pekerja-pekerja yang terlibat.

Berkenaan dengan mereka yang mencari pekerjaan, mereka telah dinasihatkan supaya mendaftarkan diri di Pejabat Pekerjaan dan segala usaha akan dijalankan untuk membantu mereka.

**HOSPITAL DESA DI SUNGAI SIPUT**

**35. Tuan S. Samy Vellu** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau akan menimbangkan pembinaan Hospital Desa di Sungai Siput, sebagaimana yang dicadangkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga sebagai suatu keperluan segera, setidak-tidaknya sebelum akhir tahun 1977.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa projek Hospital Desa di Sungai Siput telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Pada masa sekarang pihak Kementerian Kesihatan sedang mengambil tindakan mencari tanah yang paling sesuai untuk projek tersebut.

**RANG UNDANG-UNDANG  
DIBAWA KE DALAM  
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG  
KUMPULANWANG ANTARABANGSA  
(PENGESAHAN PINDAAN KEDUA  
KEPADA PERKARA-PERKARA  
PERJANJIAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi mengesahkan pindaan-pindaan kepada Perkara-perkara Perjanjian Kumpulanwang Antarabangsa menurut Ketetapan No. 31-4 yang

diterima oleh Lembaga Pengelola Kumpulanwang Antarabangsa pada 30hb April, 1976 dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Kumpulanwang Simpanan Perkerja, 1951; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG BANK SIMPANAN NASIONAL (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Bank Simpanan Nasional, 1974; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1975 DAN 1976)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1975 dan 1976 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG SETEM (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Ordinan Setem, 1949; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG HARTA PESAKA KECIL (PEMBAHAGIAN) (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian), 1955; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-undang; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PROBET DAN PENTADBIRAN (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Probet dan Pentadbiran, 1959; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Undang-undang; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PENYELARASAN PERINDUSTRIAN (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG PEMAJU-PEMAJU PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta PemaJU-pemaJU Perumahan (Kawalan dan Pelesenan), 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

#### **RANG UNDANG-UNDANG INSTITIUT PIAWAIAN DAN PENYELIDIKAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA (PERBADANAN) (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Institiut Piawaiian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Perbadanan), 1975; dibawa ke dalam Mesyuarat

oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat yang akan datang.

## USUL

### JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya, selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui, dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju arah ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Parlimen hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kema-juan Perkampungan (Datuk Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya, selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui, dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju arah ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Parlimen hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

## USUL

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

3.45 ptg.

**Tuan Chin Hon Ngian (Renggam):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi pihak penyokong-penyokong Kerajaan dalam Dewan yang mulia ini untuk mohon mencadangkan usul yang berikut:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya—

‘Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Ketiga Parlimen Yang Keempat.”

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa amat bangga dan sukacita pada masa dan saat yang berbahagia ini oleh kerana saya telah diberi peluang untuk mencadangkan usul ini. Peluang yang diberi kepada saya ini ialah satu penghargaan dan penghormatan yang tertinggi bukan sahaja bagi diri saya sendiri tetapi juga bagi kawasan Parlimen saya iaitu kawasan Parlimen Renggam, Negeri Johor. Saya tidak akan lupa hari yang istimewa ini.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia telah menyentuh tentang perkara yang sangat penting kepada kita di dalam sejarah negara kita ketika ini iaitu kita semua hendaklah berganding bahu bagi melaksanakan tugas untuk mencapai kemajuan sosial dan ekonomi dan mencapai matalamat-matalamat nasional kita. Dukacita dinyatakan bahawa dalam masa 4 atau 5 tahun yang lepas kebanyakan orang ramai dapat melihat bahawa perasaan kepuasan diri telah menjalar masuk hampir ke setiap peringkat jentera Kerajaan. Banyak aduan-aduan telah dibuat oleh orang awam terhadap ketidakcekapan dalam jabatan-jabatan Kerajaan, penangguhan-penangguhan yang tersangat



lama dialami oleh orang-orang kebanyakan di dalam urusan mereka dengan pegawai-pegawai Kerajaan. Kegagalan yang seringkali berlaku di dalam memberi perkhidmatan kepada orang ramai dan banyak lagi aduan-aduan yang lain. Sebenarnya kesimpulan am ialah hasil kerja di sektor awam dan Jabatan-jabatan Kerajaan tidaklah memuaskan. Ini sungguh malang terutamanya di saat-saat kepentingan untuk mencapai kemajuan dan pembangunan yang ditinjau di dalam Rancangan Malaysia yang Ketiga dan matlamat-matlamat sosio-ekonomi di dalam Dasar Ekonomi Baru. Dasar ini telah disebutkan sebagai perkembangan iaitu perkembangan di dalam ekonomi, di dalam usaha memperbanyakkan pekerjaan, di dalam daya penghasilan dan sebagainya. Melainkan kepentingan tugas ini disadari oleh semua yang berkenaan, perkembangan yang diperlukan bagi melibatkan semua perkara-perkara yang saya sebut tadi adalah di luar genggamannya kita. Ini bermakna bahawa tujuan-tujuan negara kita tidak akan dapat tercapai oleh kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mesti menyangkal bahawa kita mempunyai ramai kakitangan Kerajaan yang dedikasi yang telah mengorbankan ganjaran ringgit yang mana sektor swasta boleh menawarkan kepada mereka, tetapi mereka tetap berkhidmat kepada negara dengan jujur. Saya memberi tabik hormat kepada mereka yang dedikasi itu. Saya fikir Kerajaan patut mengakui sumbangan-sumbangan yang besar yang telah dan sedang mereka lakukan dan memberi ganjaran yang sesuai kepada mereka, jika tanpa mereka keadaan mungkin akan menjadi lebih buruk. Tetapi ada di antaranya yang telah mewujudkan bayaran yang buruk terhadap perkhidmatan awam kita. Mereka berlagak seolah-olah rakyat diberi layanan dengan kejian yang mana sepatutnya menyedari faktor bahawa mereka di situ adalah untuk berkhidmat kepada rakyat. Melainkan sesuatu dibuat dengan segera dan tegas semua jentera akan terhenti.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah melebih-lebihkan. Kita mendengar aduan-aduan mengenai hal ini pada tiap-tiap hari daripada penanam-penanam modal luar dan tempatan di dalam surat-suratkhbar dan orang-orang kebanyakan. Adakah kita lamakelamaan menerima keadaan ini sebagai satu cara hidup di dalam negara kita ini? Tidak. Banyak yang perlu kita capai tetapi kita tidak

mempunyai masa yang banyak untuk melaksanakannya. Kejayaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga memerlukan usaha-usaha semua, terutama mereka di sektor awam. Kita tidak mampu atau bersabar terhadap ketidak-cekapan, kepuasan diri sendiri dan kelalaian. Orang-orang tidak boleh digajikan semata-mata kerana terpaksa menggaji mereka. Negara tidak mampu menyokong ketidak-cekapan dan mereka yang tidak bersedia untuk mengerjakan bahagian tugas tanggungjawabnya. Saya harap dengan gaji baru yang ditawarkan oleh Kerajaan pekerja-pekerja Kerajaan akan menggandakan usaha-usaha mereka bagi mempercepatkan lagi roda jentera.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam Titah Baginda telah menyebutkan betapa mustahaknya sektor pertanian dan keperluan bagi pembangunan yang lebih berkesan dan teratur. Pertanian telah dan masih lagi menjadi sektor ekonomi yang unggul dalam keadaan kita yang terburu-buru untuk mencapai taraf perusahaan kita janganlah lupa bahawa pembangunan yang cepat di sektor ini adalah perlu untuk pencapaian matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Ini telah nyata terkandung di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Misalnya, dalam tahun 1975 sektor ini telah menyumbangkan 45.5% dari pendapatan pertukaran luar asing atau foreign exchange earnings. 29.8% daripada hasil kasar tempatan dan menggajikan lebih kurang 1.9 juta pekerja atau 49.3% daripada jumlah tenaga pekerja. Adalah diramalkan bahawa dalam jangka masa Rancangan Malaysia Ketiga hasil pertanian akan bertambah sebanyak 7.3% setahun menjadikan bahagian yang besar pada Hasil Kasar Tempatan (Gross Domestic Product). Ia akan terus menjadi punca pekerjaan yang paling besar dan menyediakan lebih kurang 125,900 kerja-kerja baru atau 17% daripada jumlah pekerjaan baru di negara ini. Sementara kita mesti bertindak ke arah perusahaan untuk persaingan dengan negara-negara yang telah maju kita mestilah ingat bahawa sektor pertanian mesti dimajukan dan akan terus menjadi penting kepada kita dari segi ekonomi untuk jangka masa yang lama. Setiap usaha hendaklah dilaksanakan bagi memodenkan cara berladang dan penghasilan pertanian. Pembetulan dan pembaikan hendaklah dibuat

bagi membolehkan mencapai hasil yang lebih banyak. Rancangan-rancangan tanah seperti yang diusahakan oleh FELDA, FELCRA dan RISDA hendaklah diselaraskan dengan sepatutnya dan dilaksanakan supaya faedah-faedah maksima akan dinikmati oleh penduduk-penduduk dan peserta-peserta.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan ini, saya ingin mengemukakan satu perkara yang menyentuh penyertaan oleh orang-orang bukan Melayu di rancangan-rancangan ini. Rancangan Malaysia Ketiga menunjukkan bahawa sementara orang-orang Melayu digalakkan mencari pekerjaan di sektor-sektor lain seperti di sektor pembuatan barang-barang atau manufacturing, perlombongan, pembinaan dan lain-lain supaya mencapai matlamat pekerjaan bagi rakyat keturunan bukan Melayu mereka sepatutnya lebih ramai bekerja di sektor pertanian. Pada ketika ini penyertaan rakyat keturunan Tionghua di sektor ini tidak dipentingkan. Apa yang lebih mendukacitakan ialah penyertaan mereka di rancangan tanah Kerajaan tidaklah dapat dilaungkan. Rancangan-rancangan tanah seperti ini pada masa ini kebanyakannya diduduki oleh rakyat keturunan Melayu. Matlamat yang telah diatitkan untuk rakyat bangsa lain tidak akan dapat dicapai melainkan Kerajaan membuat usaha-usaha bersama yang ikhlas untuk membetulkan ketidakseimbangan ini.

Saya tidak faham mengapa apabila rancangan tanah dibuka setiap usaha tidak dibuat untuk menentukan bahawa penyertaan-penyertaan rakyat keturunan Tionghua ada bersama. Bukanlah satu jawapan yang baik untuk diberi setiap kali issue ini dibangkitkan dengan menyatakan bahawa rakyat keturunan Tionghua tidak mahu menyertainya atau response tidak bagus. Sekiranya kita ingin membetulkan ketidak-seimbangan, sekiranya kita bermaksud untuk menghapuskan pengenaln bangsa bagi fungsi ekonomi (identification of race with economic function) maka satu penyelidikan hendaklah dibuat untuk mengetahui semua sebab-sebab, dengan anggapan bahawa ada terdapat sebab-sebabnya. Kita sepatutnya lebih yakin di dalam usaha kita untuk menyelesaikan masalah ini. Kita patut menyakinkan rakyat bahawa Rancangan Malaysia Ketiga adalah untuk semua golongan rakyat dan mengusir semua keraguan yang masih menguasai fikiran ramai untuk mengetahuinya samada perkara ini benar.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini ada terdapat berbangkitnya perasaan bimbang dan tidak tenang di kalangan rakyat keturunan bukan Melayu, terutama apabila mereka merasa bahawa peluang mereka untuk pelajaran yang lebih tinggi akan lenyap. Kerajaan patut menentukan bahawa pembahagian tempat-tempat yang lebih adil di dalam Universiti-universiti di mana semua mereka yang mempunyai kelulusan yang sesuai tidak dinafikan peluangnya. Kita tidak boleh menegaskan kekurangan tenaga bagi sebelah pihak untuk melaksanakan pembangunan kebangsaan sementara di satu pihak lagi peluang-peluang tidak diberi kepada mereka yang boleh dilatih untuk menampung keperluan tenaga rakyat. Terdapat juga hari ini banyak tujuan di negara-negara yang telah maju yang telah mengurangkan bilangan pelajar-pelajar luar yang belajar di negara-negara ini. Kita tentunya menumpukan perhatian bukan kerana kita merasa bahawa negara-negara yang telah maju itu tidak melakukan perkara yang betul tetapi kerana institusi-institusi pelajaran tinggi kita sepatutnya berusaha sedaya upaya mereka untuk menempatkan seberapa banyak pelajar supaya bilangan keluar negeri akan jadi lebih minima. Keputusan bahawa ramai pelajar-pelajar pergi ke seberang laut bukan kerana taraf pelajaran kita ini rendah tetapi kerana peluang pelajar adalah terbatas. Dengan tujuan yang diistiharkan oleh setengah Kerajaan luar negeri yang bermaksud untuk meninggikan lagi bayaran di tahun akademi yang akan datang, itulah semua masalah-masalah yang Kerajaan patut atasi dengan menyediakan lebih peluang-peluang pelajaran di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak telah diperkatakan tentang mustahaknya pelaburan di sektor swasta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Ini memang benar, apabila seseorang menimbangkan bahawa dari jumlah pelaburan yang diramalkan iaitu \$44.2 billion, \$26.8 billion atau lebih kurang 60% mestilah datangnya dari sektor swasta. Lebih penting lagi, dari jumlah \$26.8 billion, lebih \$23 billion mestilah datangnya dari pelaburan tempatan kita. Apabila angka ini diperhatikan, seseorang boleh memahami sepenuhnya dan menghargai peranan penting yang boleh dan mesti dimainkan oleh sektor swasta di dalam perkembangan ekonomi. Tetapi syarat-syarat yang perlu dipenuhi terlebih dahulu ialah kehadiran keadaan pelaburan yang sesuai ketika ini.

Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah menyatakan bahawa pelabur-pelabur mestilah mengakui bahawa Kerajaan terpaksa mengawal perkembangan ekonomi supaya tidak akan terdapat ketidak-seimbangan dibidang sosial dan ekonomi yang akan mengancam kestabilan dan keamanan negara. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah berjaga-jaga supaya kita tidak seperti kata pepatah: "Membunuh angsa yang memberikan telur-telur emas" (Kill the goose that lays the golden eggs). Saya tidak mencadangkan walau sedikit pun bahawa kita tunduk kepada kehendak-kehendak pelabur-pelabur setiap masa. Saya setuju bahawa kepentingan negara adalah lebih utama dan hendaklah dilindungi setiap masa. Tetapi melainkan kita seimbangkan desakan tujuan sosial dan ekonomi kita dengan lebih berpraktik, kita tidak akan berjaya di dalam mencapai tujuan-tujuan yang sama ini.

Misalnya banyak telah diperkatakan dan dilaporkan tentang Akta Penyelarasan Perindustrian (Industrial Coordination Act) dan perubahan-perubahan yang dicadangkan oleh kedua-dua pihak Kerajaan dan sektor swasta. Sementara ada di antara perubahan-perubahan yang dicadangkan oleh Kerajaan, dalam anggaran saya, akan mencari jalan untuk menghapuskan kebimbangan, masih lagi terdapat keraguan samada sektor pembuat barang-barang (manufacturers) patut atau tidak begitu banyak dikawal oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Di samping perubahan-perubahan yang dicadangkan, Menteri akan terus mempunyai kuasa kebijaksanaannya.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sektor pembuat barang-barang adalah disangka menunjukkan atau mendaftarkan kadar perkembangan yang paling cepat dimana sektor ini akan menjadi lebih penting lagi di dalam menimbulkan dan memperbanyakkan hasil dan pekerjaan di dalam negara. Ini hanya boleh disedari sekiranya kita wujudkan keadaan-keadaan bagi sesuatu sektor itu untuk berkembang. Kerajaan hendaklah meneliti dengan lebih mendalam akan sungutan-sungutan para pelabur-pelabur. Saya yakin bahawa dengan perasaan muhibbah dikedua belah pihak, satu perdamaian boleh dicapai yang mana akan memuaskan semua yang berkenaan. Para pelabur swasta mestilah diberi dorongan sekarang dan semua mesti mula bergerak sekiranya matlamat Rancangan Malaysia Ketiga hendak dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah penagih dadah di negara ini telah bertambah, lebih-lebih lagi gambaran Malaysia di luar negeri telah menjadi buruk disebabkan oleh beberapa orang warganegara Malaysia yang telah berlagak sebagai pencedar. Kebimbangan kita ialah kejadian menghisap dadah di kalangan pemuda-pemuda kita. Sekiranya keadaan ini tidak diperiksa dengan segera kekuatan moral pemuda-pemuda kita akan hancur. Ejensi-ejensi penguatkuasaan undang-undang kita hendaklah menambatkan penjagaan mereka dan menghapuskan ancaman ini daripada masyarakat kita. Kemudahan-kemudahan yang lebih banyak hendaklah disediakan supaya pemuda-pemuda boleh menggunakan masa dan tenaga mereka sepenuhnya. Masalah-masalah kekurangan perumahan bagi peringkat pertengahan dan miskin masih lagi ada pada kita. Walaupun Kerajaan telah melancarkan rancangan-rancangannya memberi pinjaman dengan kadar faedah yang rendah tetapi untuk meringankan keadaan banyak lagi yang perlu dibuat.

Hampir kesemua bandar dan bandaraya mempunyai masalah setinggian. Usaha bersama yang lebih lagi patut dibuat untuk menyediakan perumahan yang lebih baik dan murah bagi mereka. Penduduk-penduduk kampung-kampung baru laparkan tanah dan rumah. Lebih banyak lagi kawasan patut dibuka untuk orang-orang ini bagi mengerjakan dan mengusahakan tanah itu. Pengeluaran hak milik tanah kepada penduduk-penduduk ini hendaklah dipercepatkan supaya mereka merasa mempunyai sesuatu hak (a sense of belonging), kemudahan-kemudahan sosial dan kesihatan patutlah disediakan. Inilah satu cara yang baik untuk melahirkan "kehidupan yang baik" (the good life) kepada rakyat dan memenangi hati dan fikiran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dasar luar negeri kita adalah berdasarkan kepada Perisytiharan Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Declaration) yang mana telah menubuhkan dan memelihara hubungan yang baik dengan negeri-negeri yang ingin berbaik dengan kita. Negara kita percaya kepada dasar tidak campur tangan dan dalam keadaan yang sama, kita tidak akan menanam sabar terhadap sebarang campur tangan di dalam hal ehwal dalam negeri kita. Saya berasa gembira bahawa baru-baru ini negara kita telah mencapai persefahaman dengan negara Thailand mengenai operasi bersama menentang Kominis di sepanjang sempadan kita yang sama. Ini satu penghormatan kepada pandangan jauh dan saling

memahami bagi kedua-dua Kerajaan mengenai keselamatan umum mereka. Keadaan keselamatan di dalam negara akan menjadi stable. Ini adalah disebabkan kerana usaha-usaha kekuatan pasukan keselamatan kita dan kerjasama serta sokongan yang diberikan orang-orang kita, tetapi banyak lagi yang perlu dibuat. Kebebasan kita, cara kehidupan kita dan perinsip-perinsip yang kita pegang seperti yang terkandung di dalam Rukunegara, adalah patut diperjuangkan dan menggadai nyawa kita untuknya. Semua orang-orang kita patutlah berjaga-jaga mempertahankan kebebasan kita. Tetapi, kita tahu bahawa kominis dan anasir-anasir anti-nasional berazam menimbulkan perasaan tidak puas hati rakyat bagi keuntungan mereka sendiri. Sementara rakyat perlu tahu akan bentuk penipuan ini, kita di pihak lain hendaklah menentukan bahawa anasir-anasir ini tidak diberi peluang memilih issue-issue ini untuk tujuan mereka sendiri. Kominisma adalah asing bagi kehidupan kita. Ianya berlawanan dengan apa yang kita percaya dan amalkan. Kominisma tidak akan berjaya bertapak di negara kita ini, sekiranya kita berjaya memberi perasaan kepunyaan (a sense of belonging) kepada semua rakyat kita, tidak mengira asal bangsa dan kebudayaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh-sungguh gembira mengetahui bahawa Kerajaan telah memutuskan untuk menambah gaji bagi Angkatan Bersenjata. Ini adalah perlu kerana keselamatan negara berada di dalam tangan mereka yang berjuang dan yang memper-taruhkan nyawa dan anggota badan mereka untuk mempertahankan kepercayaan dan cara hidup kita. Mereka sepatutnya diberi ganjaran yang cukup kerana menjalankan tugas yang mulia ini. Tetapi keselamatan negara ini hanya boleh dilindungi dan dipertahankan sepenuhnya sekiranya semua rakyat kita memainkan peranan mereka. Dalam hal ini, saya suka menyebut tentang ketidak seimbangan yang tidak sihat di dalam Perkhidmatan Polis dan Angkatan Bersenjata. Setiap usaha hendaklah dijalankan untuk membetulkan keadaan ini. Negara ini adalah negara yang berbilang kaum dan kita sekarang sedang mencuba untuk menghapuskan ketidak seimbangan bangsa di mana-mana yang didapati. Pemuda-pemuda Tionghua juga tersangat ingin seperti bangsa lain untuk berkhidmat kepada negara sekiranya mereka diberi peluang. Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah jawapan yang baik untuk menyatakan bahawa sambutan

(response) tidak ada. Sekiranya ada kemahuan dan keazaman untuk membetulkan ketidak seimbangan, penyelesaian masalah ini boleh didapati.

Tumpuan dan tujuan utama kita ialah mengujudkan penyatuan kebangsaan di mana semua di dalam negara ini hidup sebagai satu, dan perbezaan-perbezaan perkauman tidak timbul. Proses untuk mencapainya akan melibatkan masa, kesabaran dan fahaman terhadap semua yang berkenaan. Ini bermakna bahawa tiada sesiapa atau bahagian rakyat kita akan dibiarkan merasa perasaan kehilangan atau ketinggalan (a sense of loss or deprivation). Saya ingin merayu kepada semua yang berkenaan, terutamanya pelaksana-pelaksana dasar-dasar dan rancangan Kerajaan supaya memberi perhatian kepada amanat ini. Mereka mesti melaksanakan dasar-dasar tanpa sebarang kegentaran, pilih kasih atau diskriminasi atau simpati, terutama kepada golongan muda kerana pemuda-pemuda ini "grow up" sebagai orang yang bebas dan saksama. Mereka yang mengimplimentasikan dasar-dasar Kerajaan bukan sahaja mesti adil tetapi juga mesti nampak keadilannya kepada semua tidak mengira bangsa atau taraf sosial. Kalau tidak, Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak akan sedar menyemaikan benih-benih yang tidak baik dan tidak dipercayai dan ini akan menewaskan tujuan atau matlamat-matlamat utama yang kita cari iaitu mengujudkan perpaduan kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

4.20 ptg.

**Tuan Leo Moggie anak Iroke (Kanowit):**

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul di atas nama Ahli Yang Berhormat dari Renggam di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Untuk memulakan ucapan saya, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih terhadap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah bertitah kepada Dewan ini pada hari kelmarin.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin memberi ucapan dalam bahasa Inggeris di samping berucap dalam Bahasa Malaysia.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya izinkan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sarawak.

**Tuan Leo Moggie anak Iroke:** Saya ingin juga mengalu-alukan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana dalam pandangan saya sendiri Titah Duli Yang Maha Mulia itu menyentuh segala aspek penting dari segi hal-hal yang berbangkit dari masa-masa menghadapi kepentingan orang ramai di seluruh negara. Yang kedua, Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia telah menyebutkan langkah-langkah yang telah dijalankan dan akan dijalankan oleh Kerajaan untuk mengkokohkan perpaduan di kalangan rakyatnya, untuk menyatukan keamanan dan kemakmuran negara tanpa mengira darjat dan kedudukan mereka kaum dan warna kulit mereka dan seterusnya. Di atas semua ucapan itu, saya memberikan penghargaan yang tinggi dan saya berharap bahawa semua rakyat di negara kita ini menerima dengan baik penghargaan itu. Negara kita sekarang ini yang mana ada begitu banyak masalah rumit dengan adanya kepercayaan dan sokongan kepada Kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri kita adalah diharapkan akan dapat menghadapi semua masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, sesudah menyebutkan itu, suka saya sekarang menyentuh atas perkara-perkara lain dengan satu persatu. Yang pertama yang saya hendak menyentuh ialah saya hendak menyokong sikap Kerajaan dan dasar luar negeri yang sekarang ini mempunyai satu dasar yang diharap-harapkan dapat memberi kehormatan kepada negara kita untuk menyatukan rantau ini, rantau yang aman, bebas dan berkecuali mengikut Pengisytiharan Kuala Lumpur. Sejak ASEAN ditubuhkan perhubungan negara kita dengan negara jiran telahpun bertambah baik. Kepentingan ASEAN telahpun membawa kehormatan daripada negara-negara lain. Saya ingin menyentuh pada ASEAN sebagai satu bentuk berekonomik untuk memajukan pengeluaran-pengeluaran asas daripada negara-negara anggota supaya pengeksport-pengeksport daripada negara anggota ASEAN dapat memainkan peranan dan taraf yang sama di pasaran sedunia, tiap-tiap anggota ASEAN mengeluarkan kurang lebih sama barang-barang mentah dari segi untuk menentukan pasaran dan harga yang baik di pasaran dunia, maka perlulah kumpulan ini menyatukan aktiviti-aktiviti supaya tiap-tiap kehendak satu-satu negara anggota mesti diberi kepentingan oleh tiap-tiap anggota yang lain. Negara-negara anggota ASEAN mengeluarkan 15% getah di pasaran dunia, 62% bijih timah, 90% kayu-kayan, 85% minyak

kelapa sawit dan berbagai eksport yang lain. Ini bermakna bahawa rantau ini mengeluarkan begitu banyak bahan-bahan mentah untuk negara-negara perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita merupakan sebuah negara yang membangun selepas sahaja keluar perintah penjajahan, negara-negara anggota ASEAN begitu juga. Dahulu negara kita di bawah penjajahan British semua keluaran eksport adalah diaturkan oleh negara Barat. Kini kita patut mencari cara berlainan, pintu cara mana yang dapat kita gunakan untuk menentukan pasaran untuk bahan-bahan mentah dan barang-barang impot ke rantau ASEAN daripada negara-negara se dunia. Langkah yang saya maksudkan ialah pasaran bersama ASEAN ataupun dalam bahasa Inggeris ASEAN common Market. Saya percaya bahawa pasaran bersama ASEAN harus membawa kebaikan kepada kita bersama. Koperasi cara berekonomik di antara anggota-anggota ASEAN dapat memainkan dua peranan—yang pertama extra-ASEAN dan yang kedua intra-ASEAN iaitu satu peranan di antara negara-negara anggota dan satu perhubungan di antara anggota ASEAN dan negara-negara luar ASEAN. Saya beri dua contoh di sini bagaimana koperasi di antara anggota ASEAN dapat menentukan kepentingan bersama. Satu ialah menerusi ASEAN Shipping Council untuk berunding dengan Far Eastern Freight Conference supaya jangan menambahkan timbang kepada barang-barang pengeluaran anggota ASEAN ataupun jika tindakan yang saya sebutkan tadi tidak berjaya mungkin ada keperluan negara ASEAN mencabut getah daripada Far Eastern Freight Conference General Tariff seperti yang kita telah buat dengan kayu-kayan dan minyak kelapa sawit yang mana disalurkan ke pasaran dunia melalui perjanjian perkapalan yang lain.

*(Dengan izin)* Tuan Yang di-Pertua, the need for regional co-operation among ASEAN member nations is particularly pertinent in the field of international trade. Trade between ASEAN countries, endowed as we are except for Singapore, with similar climate and resources, is minimal. The relative insignificance of intra-ASEAN trade is overshadowed by the predominance of extra-ASEAN trade, particularly with Japan.

All these argue for the wisdom of economic co-operation between member nations of ASEAN in their relationship with non-ASEAN countries. If this is entrenched, the ASEAN countries including Malaysia may derive one main advantage and that is to strengthen the bargaining strength of ASEAN countries, and in so doing, increasing the chances of more stable and equitable prices for our primary commodities in the international market.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh dalam hal mengawal keselamatan negara kita telah mendapat kerjasama yang baik dari negara-negara jiran kita iaitu Indonesia, Singapura dan Thailand. Baharu-baharu ini satu perjanjian kerjasama sempadan—kerjasama Malaysia/Thailand telah ditandatangani membuka ke arah perhubungan yang rapat di antara dua negara untuk mengawal musuh di sempadan besar. Saya suka mengalu-alukan peristiwa ini iaitu satu peristiwa yang menunjukkan negara kita dan negara jiran ingin keamanan dan kemakmuran di mana rakyat yang bebas mencari kehidupan masing-masing. Di samping itu juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pemimpin-pemimpin kita dan pemimpin di negara jiran kerana memandang jauh untuk menentukan keamanan di rantau ini. Saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada perajurit-perajurit kita yang bertugas di sempadan untuk mengawal musuh. Saya berdoa semoga tugas mereka di sempadan ini berjaya dan supaya mereka akan lekas dapat pulang daripada kawasan operation. Saya juga ingin menyebutkan bahagian saya kepada mereka yang telah terkorban dalam peperangan dengan musuh. Musuh negara kita bukan hanya berada di sempadan Malaysia/Thailand bahkan ada juga musuh yang bersembunyi dalam negara.

Di negeri Sarawak pula telah diadakan satu operation kawasan yang dinamakan Rejang Security Command (RASCOM) yang bertujuan untuk mengawal kawasan itu daripada musuh yang ingin menggunakan kawasan itu untuk mengancam keamanan penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Sekarang RASCOM telah diusahakan lebih kurang 6 tahun dan bersamping dengan Operasi Sri Aman di Sarawak di bawah syarat mana telah memberi peluang kepada pengganas kominis untuk menukar cara hidup mereka supaya balik ke pangkuan masyarakat. Nampaknya kedua-dua operasi

ini telahpun berjaya tetapi saya ingin menyeru supaya diadakan kepentingan operasi ini ke jangka panjang, iaitu dari segi kita menambah keselamatan penduduk-penduduk di kawasan RASCOM, khas kepada penduduk-penduduk yang telah dikumpulkan ke satu tempat dari kawasan-kawasan kecil di kawasan RASCOM. Penduduk yang telah dikumpulkan di satu kawasan di kawasan RASCOM untuk memotong saluran kepada pengganas kominis telah melibatkan penduduk-penduduk itu di satu keadaan yang di bawah mana mereka tidak berpuas hati dan jikalau tidak ada kajian semula diadakan untuk menentukan cara yang lebih baik dan berkesan, ada kemungkinan bahawa tindakan ini hanya merugikan penduduk yang terlibat dan merugikan Kerajaan sendiri.

Saya menyeru kepada Kerajaan supaya diadakan kajian semula di RASCOM ini supaya penduduk yang ditempatkan di kampung baru akan dapat menjadi model, contoh kepada kawasan-kawasan lain yang mana Kerajaan bertujuan untuk mengumpulkan penduduk-penduduk dari kawasan yang terpencil ke satu kawasan yang besar untuk menentukan keselamatan mereka.

Dari segi keselamatan juga intelligence gathering ada satu cara yang perlu untuk kita menentukan keadaan musuh di tiap-tiap kawasan. Untuk menentukan perasaan penduduk yang tinggal jauh di kawasan pedalaman apakah tindakan ini masih berkesan di negeri Sarawak. Dahulunya Pengakap Sempadan (Border Scouts) telah diadakan di tiap-tiap tempat untuk membuat tindakan itu bahawa pengakap-pengakap ini terdiri daripada kawasan di mana mereka bertugas dan menggunakan bahawa yang digunakan oleh penduduk amnya. Pasukan ini telah berjaya dalam kerja untuk menentukan keselamatan dan saya ingin menyeru di sini supaya pasukan ini tidak ditinggalkan semata-mata bahkan mengikut konsepnya sendiri perlu ditambahkan lagi.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh perkara pelaburan. Negara kita ini telah mengalami suasana yang baik untuk pelaburan-pelaburan dari luar negeri, baikpun dari dalam memainkan peranan yang besar dalam ekonomi negara. Dewan ini telah diberitahu bahawa Kerajaan akan bertindak teguh tetapi sedia untuk menerima seruan, teguran dan rayuan daripada pelabur-pelabur untuk menentukan

suasana yang baik terus berada di negara kita ini. Saya ingin menyebut di sini bahawa tindakan dan dasar Kerajaan begitu adalah berpatutan dengan keadaan dan kehendak serantau tetapi saya juga berharap bahawa pelabur-pelabur di luar negeri yang datang ke negara kita untuk menanam modalnya supaya mengambil kepentingan rakyat di sini dan juga kehendak-kehendak Kerajaan untuk menubuhkan satu masyarakat yang berdikari dan bersatu-padu. Kepentingan dan kehendak tiap-tiap keturunan di negara kita patutlah dimajukan supaya tidak ada pihak ataupun kumpulan yang merasai ketinggalan di dalam pembangunan negara.

Saya menyeru juga kepada pihak swasta supaya jangan mengambil kesempatan di atas gaji baru kakitangan awam untuk menaikkan harga barang-barang keperluan. Dengan pelancaran sekim gaji baru ada bertambah wang di pasaran. Ini akan melibatkan harga barang-barang melambung tinggi. Saya minta supaya kakitangan Kerajaan juga akan menerima sekim gaji baru dan tunggakan supaya berawas-awas dalam cara membelanjakan wang itu supaya jangan menggalakkan inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, while the Government is trying to hold the lead on price increases, especially on petrol, diesel and kerosene prices, we hear the oil companies arguing—the latest price increases of Middle East oil and the higher transportation cost have led them to argue for increases. But surely for us, Sir, the increases in the volume of business should somehow provide compensation for the price increase. Dalam sidang Parlimen yang sudah saya telah mencadangkan bahawa Kerajaan mengadakan dasar pendapatan dan harga barang. At the last session of Parliament I proposed a prices-and-income policy. Saya telahpun mendengar bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan telahpun mengatakan bahawa dasar adalah dalam kajian sekarang dan saya berharap akan dasar ini disegerakan untuk kita mengelakkan negara kita jatuh pada suasana inflasi.

While public servants have shown great realism in accepting the Cabinet Committee's Report, we hope also that the industrial sector would not take advantage by increasing their prices. A sense of social responsibility and integrity must always be considered when it comes to pricing.

Fourthly, Tuan Yang di-Pertua, suka saya sentuh di sini atas the need for help by the Federal Government towards the States that need more help. Rancangan Malaysia Ketiga telahpun dialu-alukan oleh penduduk negara bahawa satu daripada dasar itu ialah untuk membantu negara-negara yang kurang maju dan mundur. Saya ingin menyebutkan di sini bahawa Rancangan Malaysia Ketiga sekarang masuk ke tahun yang kedua. Di dalam rancangan ini negeri Sarawak misalnya yang mundur dan masih dalam segi pembangunan telahpun disediakan peruntukan yang istimewa dan ini kita akan memberi terima kasih. Ini adalah berasas kepada kehendak bahawa permohonan di tiap-tiap negeri boleh menggambarkan pembangunan yang menyeluruh di negara kita. Saya ingin mengalu-alukan dasar ini dan saya berharap bahawa dalam masa kita menyemak semula Rancangan Malaysia Ketiga akan dikaji semula samada peruntukan yang telah disediakan kepada negeri-negeri yang mundur ini ada mencukupi. Saya menyentuh di sini bahawa negeri Sarawak sebagai satu di antara negeri-negeri yang mendapat bantuan istimewa telah diperuntukkan \$1.6 billion, bermakna 8.9% daripada peruntukan untuk seluruh Malaysia.

Negeri Sarawak yang kita tahu di mana bilangan rakyat baru meningkat 1 juta adalah negeri yang luas dan berkurangan infrastruktur asas. Jalan-jalanraya dari satu kawasan ke satu kawasan masih begitu sukar. Pada penghujung tahun 1975 Sarawak kenaikan 1,420 batu jalanraya sahaja dibandingkan dengan 11,885 batu jalanraya di Semenanjung. Tanah Sarawak luasnya lebih kurang sama besar dengan Semenanjung tetapi adalah dalam keadaan yang mundur dan kebelakang dalam semua lapangan pembangunan. Perhubungan di antara rakyat adalah penting dan perhubungan ini hanya disalurkan menerusi jalan-jalanraya yang baik dan sungai-sungai. Sebab itu saya memohon akan dikaji semula supaya ditambahkan lagi peruntukan untuk membina jalan-jalanraya di Sarawak supaya dapat menggalakkan integrasi di kalangan rakyat. Pembangunan adalah dua corak, iaitu fizikal dan moral. Di samping kita membangunkan negeri, kepentingan rakyat mesti sentiasa berada bila kita merancangkan supaya bila diadakan pembangunan nanti rakyat tidak merasa kesal jika pembangunan itu tidak dapat memberi faedah yang langsung kepada mereka. Satu pembangunan yang begitu diperlukan di Sarawak ialah pembangunan



tanah dan perumahan. Pembangunan tanah untuk menempatkan penduduk dari kawasan yang mundur di mana kehidupan mereka berasas kepada hanya kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang supaya penduduk dapat merasai kehidupan yang boleh menyenangkan hati mereka supaya anak-anak mereka yang baru keluar daripada bangku sekolah ingin agar tinggal di kampung halaman mereka dan bekerja di kampung dan tidak semuanya mereka turun ke bandar untuk mencari pekerjaan.

Sekarang adalah diketahui ramai bahawa keadaan di bandar bertambah bilangan penduduknya dari kawasan luar bandar. Ini adalah buruk dan sebagai tugas Kerajaan kita mesti mengelakkan keburukan itu. Telah bertambahnya penduduk di bandar ini mengakibatkan keadaan perumahan begitu sukar. Perumahan-perumahan di bandar adalah kurang dan saya memohon agar Kerajaan Pusat akan menolong Kerajaan Negeri di lapangan ini.

Saya menyentuh juga kepada cadangan Kedorong Port Authority di Bintulu dan projek L.N.G. (Liquefied Natural Gas) di Sarawak. Kedua-dua cadangan ini adalah begitu penting kerana kita tengok daripada rakyat dari Sarawak iaitu akan memberi peluang pekerjaan, latihan dan penyambung teknologi daripada pakar luar kepada penduduk tempatan. Projek ini akan memainkan peranan yang besar dan juga atas ekonomi negara kita. Oleh sebab yang demikian, saya memohon supaya projek ini tidak terganggu lagi bahkan dilancarkan segera kerana ini satu projek yang paling besar di rantau kita ini.

Projek L.N.G. ini bukan hanya akan memberikan faedah kepada negeri Sarawak sendiri bahkan faedah yang besar kepada seluruh negara dan dalam segi itu, saya menyeru kepada Kerajaan Pusat supaya di masa akan datang bila diadakan permohonan dari negeri Sarawak bahawa permohonan itu diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Saya menyentuh juga atas contoh di mana simpati Kerajaan Pusat akan memang diminta. Ianya tentang exemption of export duty on palm oil. Oleh kerana bahan ini adalah baru dan perusahaan kelapa sawit adalah perusahaan yang baru di negeri Sarawak, saya menyeru pertimbangan diberi terhadap perusahaan ini supaya tidak diganggu oleh tindakan cukai dan lain-lain tindakan yang mungkin menekan perusahaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia ketahui cukai ekseptor mula dikenakan di Semenanjung Malaysia dalam tahun 1950. Kadarnya hanya 5% sahaja dan ini dinaikkan kepada 7½% dalam tahun 1956. Keadaan ini berterusan hingga tahun 1967 di mana cukai penuh telah dikenakan. Negeri Sabah telah diberi pengecualian penuh selama 15 tahun dari tahun 1958. Tempoh pengecualian ini telah ditambah lagi untuk tahun 1973 dan 1974. Ini bermakna bahawa negeri Sabah telah diberi pengecualian selama 17 tahun berbanding dengan pengecualian-pengecualian di atas negeri Sarawak hanya mendapat pengecualian penuh untuk satu tahun sahaja iaitu bagi tahun 1975. Untuk tahun 1976 dan hingga pertengahan tahun 1977 Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak diberi pengecualian 50% sahaja dan pada tahun-tahun selepasnya cukai ekseptor penuh akan dikenakan. Jikalau pengecualian cukai ekseptor yang saksama tidak diberi kepada negeri Sarawak maka perusahaan kelapa sawit di negeri itu mungkin akan gagal dari segi kewangan kerana kerugian faedah.

Tuan Yang di-Pertua, permintaan yang dibuat oleh Kerajaan Sarawak dan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak bolehlah disenaraikan seperti berikut:

- (i) Pengecualian penuh bagi tahun 1975 dan 50% bagi tahun 1976 tidaklah mendatangkan menafaat pada Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak. Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak telah mula mengeluarkan buah kelapa sawit dalam tahun 1975 sementara kilang kelapa sawitnya hanya siap dibina pada bulan Oktober, 1976. Oleh yang demikian, Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak tidaklah dapat menekmati dengan sepenuhnya pengecualian yang diberi kepadanya.
- (ii) Kos pembangunan, penyenggaraan, pengeluaran dan perkapalan adalah lebih tinggi di Sarawak jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia. Di samping itu terdapat di Sarawak beberapa kesulitan dari segi pengangkutan, tenaga dan kemudahan-kemudahan pelabuhan. Memandangkan hal ini, saya rasa perusahaan kelapa sawit tidak akan berkeupayaan melainkan ianya dikecualikan dari pembayaran cukai ekseptor.



(iii) Pada masa ini terdapat 280 orang pekebun-pekebun kecil. Mereka mempunyai luas kawasan kelapa sawit berjumlah 1,400 ekar yang menjual buah kelapa sawit mereka ke kilang kelapa sawit Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak. Ini bermakna bahawa sebarang pengecualian yang diberi atau akan diberi kepada Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak akan juga menguntungkan pekebun-pekebun kecil tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak sentuh iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak telah menerima dua pinjaman dari Kerajaan Persekutuan berjumlah \$28.1 juta di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan \$26.1 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Lembaga itu belum lagi menerima apa-apa pemberian secara langsung daripada Kerajaan Pusat.

Di dalam ucapan perbelanjaannya pada bulan Disember, 1976 Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah mengemukakan kepada beberapa buah agensi di bawah Kementeriannya yang berjumlah seperti berikut:

| <i>Agensi</i>                         | <i>Peruntukan</i> | <i>Pemberian</i> |
|---------------------------------------|-------------------|------------------|
| FELDA ...                             | \$310,887,600     | \$113,607,600    |
| Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara ...  | 114,350,420       | 94,009,420       |
| Lembaga Kemajuan Johor Tengah ...     | 75,986,580        | 60,441,580       |
| Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah ... | 19,107,620        | 17,390,000       |
| FELCRA ...                            | 27,599,260        | 9,200,000        |

Berbanding dengan apa yang dikemukakan di atas peruntukan bagi Lembaga Kemajuan Tanah di Sarawak hanyalah pinjaman sebanyak \$16.4 juta bagi tahun 1977 tanpa pemberian dan keadaan Lembaga itu bertambah buruk lagi jika kita ambil kadar faedah yang dikenakan kepada Lembaga bagi pinjaman Persekutuan.

Kita ketahui bahawa FELDA dan FELCRA dikenakan kadar faedah sebanyak 6.8% per annum dan 6½% per annum respectively. Sebaliknya pula pihak Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak dikenakan kadar 7½% annual interest. Saya rasa adalah kurang menyenangkan sekiranya peneroka-peneroka kita di Sarawak dikehendaki membayar kadar yang lebih tinggi dari apa yang

dibayar oleh peneroka-peneroka di Semenanjung Malaysia lebih-lebih lagi apabila kita sedar bahawa kos pembangunan di Sarawak adalah lebih tinggi.

Apa yang saya cadangkan tadi ialah examples of where some review could be made in that the help and sympathy towards States that need help should also be considered in a sympathetic light.

Saya ingin membuat kenyataan di sini walaupun kita sekarang ada kestabilan politik dalam negara, saya percaya telah menjadi satu kenyataan sekarang ini baik di peringkat Pusat mahu pun di peringkat seluruh Negeri-negeri kita, tetapi walau bagaimanapun ini adalah cuma perkara asas dan pokoknya, jika kita bandingkan dengan pohon kayu, akar tunjangnya telah dapat kita suburkan tetapi kita harus lebih giat lagi menentukan supaya batang dan dahannya tegap dan daunnya menghiu. Kita tidak mahu misalnya dahan yang sebelah sahaja dapat menikmati cahaya matahari sedangkan dahan yang sebelah lain tidak, kerana ini sudah tentu akan membawa kesan yang buruk kepada pokok tadi. Demikian juga negara Malaysia ini, kenyataan yang ada pada hari ini semuanya menunjukkan kemunduran yang lebih yang mungkin juga di negara-negara lain yang tertinggal dari kemajuan, walaupun perkiraan pendapatan per capita negeri-negeri itu tinggi seperti negeri Sarawak jika dibandingkan dengan banyak negeri-negeri lain. Kita tahu bahawa keadaan sebenarnya adalah jauh berbeza. Walaupun potensi Sarawak besar, misalnya dari segi hasil kayu kayan dan kemungkinan minyak mentah serta gas bumi. Namun keadaan yang ada sekarang ini adalah jauh dari memuaskan.

Kebanyakan daripada kita terutama dari Semenanjung malangnya tidak berapa kenal dengan keadaan di Sarawak, misalnya kita sebutkan masalah kaum bumiputra masih ada lagi yang saya percaya yang menganggap seluruh kaum bumiputra Sarawak seolah-olah juga serupa kedudukannya dengan kaum Melayu di Semenanjung. Saya bukanlah bertujuan hendak mengasingkan kaum bumiputra supaya berpuak-puak. Itu tidak. Tujuan saya akan lebih jelas dilihat jika kita ambil satu misal dalam satu projek rancangan pembangunan yang biasa kita jayakan masa kini. Di Semenanjung juga di Sarawak salah satu cara untuk mengatasi masalah

kemiskinan di kalangan petani adalah melalui mengadakan rancangan pembukaan kawasan pembangunan tanah seperti yang dijalankan oleh FELDA atau Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak. Persoalan yang timbul di Sarawak yang mungkin tidak timbul langsung di Semenanjung ialah apakah rancangan seperti itu paling sesuai bagi petani bumiputra Sarawak. Kebanyakan masih hidup berkelompok di rumah panjang dan ada lagi yang masih belum menetap langsung. Sebahagian dari petani-petani di Sarawak hidup di dalam day-to-day and hand-to-mouth living dan pada umumnya mereka diam di rumah-rumah panjang yang terpencil dan terasing sehingga begitu susah dan tinggi perbelanjaannya jika hendak dimajukan, lebih-lebih lagi jalan-jalan raya. Apa yang saya sudah nyatakan tadi dan kemudahan infra-struktur yang ada di Sarawak adalah begitu jauh ke belakang dan tidaklah lengkap. Dan ingin saya jelaskan di sini adalah salah bagi seseorang untuk menganggap bahawa masalah kemiskinan yang menjadi masalah yang timbul dalam memajukan rakyat, adalah didapati serupa di seluruh negara iaitu kemiskinan. Dengan demikian langkah-langkah serta konsep projek-projek yang disusun dengan mudahnya boleh dipindah dari satu kawasan di Semenanjung kepada satu kawasan di Sarawak. Ini membangkitkan beberapa issue. Terutama adalah tidak wajar, misalnya jika peruntukan kewangan bagi pembangunan ekonomi di bawah rancangan pembangunan dibuat berasaskan apa yang dianggap sebagai potensi masa hadapan sesebuah negara ataupun potensi kedudukan kewangan negeri tersebut semata-mata, tanpa menimbangkan kenyataan yang lain dan lagi jika dikaitkan hanya dengan secara peruntukan mengikut bilangan peruntukan tanpa dikira tingkat perkembangan masyarakat atau sosial level, sudah tentulah peruntukan yang dibuat tidak ada setaraf dengan keperluan sebenar untuk kemajuan rakyat. Dengan hal yang demikian, saya ingin sekali lagi mendapatkan simpati Kerajaan Pusat serta kerjasama untuk menimbangkan semula dan menambah lagi peruntukan bagi negeri kami apabila Rancangan Malaysia Ketiga dikaji semula kelak. Ini adalah penting dan perlu jika negeri Sarawak hendak mencapai kadar pembangunan yang setaraf dengan apa yang dicapai di seluruh negara amnya.

Saya bukan hendak membawa kata di sini bahawa adalah Kerajaan tidak pernah menolong kami, ini kita memang memberi

terima kasih, tetapi apa yang saya umumkan di sini untuk mendapat pertimbangan yang sepeenuh lagi akan diberi bila kita mengkaji semula Rancangan Malaysia Ketiga kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka hendak menyentuh sedikit atas dasar pertanian kita di mana negara kita akan mengadakan banci pertanian pada tahun ini untuk menentukan keadaan physical di seluruh negara dari segi negara kita untuk membangunkan kawasan luar bandar. Saya mengalu-alukan tindakan Kerajaan ini dan menyeru supaya diadakan selepas banci itu, satu kajian semula terhadap dasar pertanian. Dasar pertanian kita selama ini, where it deals with the smallholders' group berasaskan kepada diversification of crops. Nampaknya Kerajaan telah membelanjakan peruntukan begitu banyak ke arah pertanian itu tetapi yang dikesalkan ialah bahawa faedah tindakan ini belum lagi dirasai oleh rakyat jelata. Mungkin ini disebabkan terlalu tipis aktiviti yang berbagai corak itu. Jika saya diizinkan memberi satu contoh iaitu di kawasan pendalaman tiap-tiap petani dan pekebun kecil adalah digalakkan untuk menanam sayur, menternak ayam dan daging, menanam getah, kelapa sawit, lada hitam dan sebagainya, tetapi kerana tidak ada keistimewaan terhadap satu atau dua di antara penanaman yang banyak itu diadakan, telah timbul masalah bahawa semuanya kegiatan itu tidak berjaya.

Saya menyeru agar sikap itu ditukarkan. Saya meminta supaya dasar itu dikaji semula dan satu dasar yang baru diisytiharkan supaya kita dapat menukar nasib rakyat menggunakan perbelanjaan yang besar yang disalurkan pada tiap-tiap tahun kerana dasar yang sekarang ini hanya menambahkan bilangan miskin untuk tinggal di bawah paras kemiskinan. Saya fikir tibalah masanya sekarang untuk kita menukar dasar itu. Satu sikap yang saya cadangkan di sini ialah di mana tanah yang disuburkan untuk jenis tanaman biarlah penduduk di sana melibatkan diri dalam penanaman jenis itu sahaja dan sekiranya tanaman padi baik untuk tanaman di sana, biarlah padi sahaja ditanam di tempat itu. Bila sudah ada emphasis on specialised crop, kita terus mengadakan dasar pasaran koperatif atau cooperative marketing supaya menggalakkan orang tengah mengambil kesempatan jika ada keluaran pergerakan koperatif ladang macam ini boleh digalakkan dan diberi perlindungan oleh

Kerajaan supaya mereka dapat menjual barang-barang pengeluaran itu terus kepada rakyat dengan mengikut harga yang betul dan memberi keuntungan kepada mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, I have dwelt on some aspects of the Royal Address and in that discussion, have attempted to highlight some of the issues that were raised in that Address. I would like to summarise the points that I have tried to raise.

Firstly, I welcome the adherence of the policy of regional co-operation among ASEAN nations. This is significant, particularly in international trade. This will increase our bargaining strength and in so doing allow for more stable and equitable prices of our primary commodities.

Secondly, we need to keep watch on the price spiral, especially in the wake of the Government revised pay scale, and this condition would argue for the implementation of the incomes and prices policy which is now under examination.

Thirdly, the peculiar and genuine needs of less developed States throughout Malaysia for more development funding as well as specific incentives should be accorded priority in our review of the Third Malaysia Plan. We all know that the State Government has limited tax base to raise its financing and has to rely on Federal funding where a large part of Federal revenue is, in fact, derived from State sources. I have given an example with regard to the conditions pertaining to the Lembaga Kemajuan Tanah in Sarawak where a more sympathetic consideration on the request of the Lembaga for the exemption of export tax on palm oil would help the Lembaga to achieve its objective.

Fourthly, on security, I have attempted to express the critical need to obtain timely and reliable intelligence. In the case of Sarawak the Border Scouts were set up to meet this need and this Unit should be given its proper place and if need be expanded in the context of security requirements.

Fifthly, with regard to agricultural policy in terms of its criticality for our strategy for rural development. A case may be made to argue for a review of the present agricultural subsidy scheme and instead concentrate on specialisation of crops and arrangement for

co-operative marketing machinery so that the primary products of the farmers can have a better chance of obtaining equitable prices from the buyers.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul menjunjung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada kelmarin.

5.03 ptg.

**Puan Chow Poh Kheng (Selayang):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengucapkan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah menyampaikan titah ucapannya yang paling comprehensive dan bernas di dalam Dewan yang mulia ini. Duli Yang Maha Mulia telah menarik perhatian kita untuk berfikir dengan mendalam terhadap negara dan tugas-tugas yang menjadi tanggungjawab kita bersama.

Mula-mula sekali wanita-wanita bukan Islam di dalam negara ini ingin menyampaikan tahniah kepada Kerajaan terhadap pemikiran progresif dan timbang rasanya yang telah berjaya meluluskan "Marriage Reform Bill" di dalam Parlimen, dan dengan bangganya dinyatakan bahawa Rang Undang-undang itu telahpun dibahas dalam bulan Disember, 1975, dan kemudiannya diwartakan dalam bulan April, 1976. Tetapi setakat ini masih belum dilaksanakan sebagaimana yang diharap-harapkan.

Oleh itu adalah menjadi harapan utama saya sebagai Ahli Parlimen tunggal yang bukan Islam, mengingatkan Kementerian Undang-undang bahawa wanita-wanita bukan Islam di negara ini yang telah lama bersabar amat berharap melihat dan mengalu-alukan Rang Undang-undang itu dilaksanakan.

Tidak ada perkara yang boleh dijadikan ukuran terhadap penderitaan yang tersembunyi di kalangan wanita-wanita yang hidup di bawah sistem adat perkahwinan yang ada sekarang. Rang Undang-undang ini akan dapat mengawal wanita-wanita bukan Islam, walaupun terdapat beberapa "loopholes" di sana sini. Rang Undang-undang ini akan memberikan keyakinan dan kepercayaan yang lebih berkesan dalam perkahwinan. Janda dan anak-anak yatim akan lebih terjamin di bawah undang-undang ini, dan mereka yang

menjadi janda tidak akan berasa curiga, kerana di satu hari kelak mereka akan mendapat tahu yang mereka adalah isteri-isteri yang tidak sah, di sebaliknya.

Perkahwinan-perkahwinan yang telah hancur akan membawa rumah-tangga yang porak-peranda, dan akibatnya anak-anak juga yang menjadi mangsa dalam kekecohan itu. Kanak-kanak yang membesar tanpa kasih sayang ibubapa yang tidak mampu mendapatkan pelajaran yang sempurna akan tetap menjadi tanggungjawab negara dan bangsa. Oleh kerana kita semua berpendapat bahawa "Prevention is better than cure", maka adalah sesuai kiranya kita mengambil langkah-langkah permulaan untuk mengelakkan akibat-akibat seumpama itu.

"Marriage Reform Bill" bolehlah dianggap sebagai salah satu langkah ke arah tujuan yang tersebut. Dengan sesungguhnya saya amat berharap sekiranya Kerajaan dapat menyahut harapan yang telah lama ditunggu-tunggu ke arah pelaksanaan "Marriage Reform Bill" bagi wanita-wanita bukan Islam.

Sebagai seorang wanita dan seorang ibu, saya berpendapat punca yang menyebabkan problem-problem yang dihadapi oleh belia-belia kita hari ini, punca utamanya ialah kegagalan dan keporak-perandaan, saya ulangi, kegagalan dan keporak-perandaan perkahwinan, dan tidak syak juga kegagalan mempertahankan nilai-nilai tradisi sosial dan kebudayaan yang diwarisi dari orang-orang tua kita.

Sistem pelajaran kita hendaklah dimasukkan ke dalam kurikulum persekolahan satu masa yang dikhaskan untuk pelajaran akhlak, sekurang-kurangnya seminggu sekali kelas ini akan dapat menolong meninggikan taraf kebudayaan tradisi, patriotism, kesedaran sivik dan budi pekerti yang mulia di kalangan generasi muda kita. Kita hendaklah memikul tanggungjawab sendiri dari melmparkan kesalahan ke atas pengaruh-pengaruh barat, kerana kita hanya akan berjaya melentur sebatang pokok semasa ia masih muda.

Undang-undang untuk mengawal dan mengeksploitasi wanita-wanita muda hendaklah diketatkan, terutamanya sekali bagi mereka di bawah umur yang bekerja sebagai "dance hostess" dan "bar girls". Rumah-rumah urut haram jangan dibiarkan menjalankan

perniagaan mereka. Pekerjaan budak-budak suruhan (errand boys) di bawah umur janganlah dibenarkan, dan apabila dilaporkan budak-budak itu hendaklah dengan serta-merta dimasukkan ke sekolah-sekolah atau ke pusat-pusat latihan vocational.

Perkara lain yang ingin saya kemukakan ialah problem peminta sedekah yang didapati bersama-sama dengan beberapa orang kanak-kanak kecil berkeliaran ke sana sini. Adalah kurang sihat dan menjolok mata kepada masyarakat moden kita. Saya fikir sebuah projek yang berfaedah, umpamanya, menyediakan rumah-rumah bagi janda-janda pengemis yang tidak dapat mencari pekerjaan disebabkan anak-anak mereka haruslah diberikan keutamaan. Di samping itu mereka hendaklah menolong dengan apa jalan juga bagi membolehkan mereka menjaga rumah masing-masing. Inipun adalah langkah permulaan yang memerlukan usaha membesarkan anak-anak kita dengan pemeliharaan kasih sayang ibu. Tidak syak bahawa bantuan ada diberikan oleh Kementerian Kebajikan Am, tetapi tanpa tempat-tempat tinggal yang sesuai untuk melindungi keluarga-keluarga pengemis itu, maka usaha penuh ke arah memberikan pertolongan kepada mereka yang miskin itu akan terluar dari maksudnya.

Inilah sebahagian dari cadangan-cadangan saya hari ini dan sekali lagi saya menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia di atas Titah Ucapannya yang bernas.

*5.12 ptg.*

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, tahun ini merupakan ulang-tahun ke 20 Malaysia sejak kemerdekaan pada tahun 1957. Tetapi issue-issue pokok mengenai pembinaan negara masih belum lagi diatasi.

Tanda soal besar yang masih belum lagi dijawab dengan memuaskan terjamin atau tetap ialah apakah jenis negara yang kita sedang membina.

Terdapat ramai orang lagi yang mahu menerima realiti dan hakikat yang Malaysia ialah sebuah negara yang berbilang bangsa, berbilang bahasa, berbilang kebudayaan dan berbilang ugama dan jika lunas-lunas pembinaan negara lain digunakan ianya hanya akan mendatangkan perpecahan, disintegrasi dan keruntuhan.

Terdapat ramai lagi orang yang hanya memikirkan dalam ertikata bangsa menyamakan bangsa dengan negara dan tidak menghiraukan hakikat yang Malaysia adalah sebuah negara yang mengandungi berbagai-bagai kaum dan mereka tidak nampak atau sengaja tidak mahu nampak bahawa dasar pembinaan negara yang viable dan boleh berjaya ialah satu dasar yang mencipta perpaduan dari diversity kaum, ugama, bahasa dan kebudayaan. Tetapi mereka mahu mengenakan uniformity melalui conformity penuh melalui seluruh aspek kehidupan kebangsaan kita.

Diversity Malaysia merupakan identitynya yang unique dan untuk menghilangkan diversity tersebut dengan cara uniformity ianya akan mengakibatkan Malaysia menghilangkan identitynya yang unique itu.

Pemimpin-pemimpin national yang diamanahkan dengan tugas membina negara mesti mempunyai vision yang lebih panjang dan bukan mempunyai vision sehingga pilihanraya umum akan datang sahaja. Kita mesti sentiasa mempelajari dari ujian-ujian yang berlaku di masyarakat-masyarakat plural yang lain, umpamanya, di Kanada di mana masalah Quebec, Perancis sedang menjadi kian hebat. Dan juga di United Kingdom sebuah negara yang mempunyai sejarah beratus-ratus tahun pergerakan Scottish separatist movement kini menjadi satu tenaga yang kuat.

Saya tidak mahu disalahfahamkan sebagai memperjuangkan separatism atau secession di Malaysia tetapi kita hanya rugi jika kita tidak mempelajari daripada masalah-masalah yang menimpa masyarakat-masyarakat plural yang lain supaya dapat kita mengelakkan "pitfalls" pembinaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia samada pemimpin-pemimpin ataupun daripada lain-lain lapisan masyarakat hendaklah menyedari aspirasi-aspirasi dan harapan-harapan besar seluruh golongan di negara kita dan menggabungkannya menjadi perpaduan Malaysia.

Tidak sesuatu pun patut dibuat yang akan menjejaskan aspirasi-aspirasi dan harapan-harapan sah ini kerana sekiranya ini berlaku perpaduan kebangsaan dan pembinaan negara akan mengalami kerugian besar.

Dalam konteks inilah saya hendak merujuk kepada sepucuk surat Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Datuk Abdul Kadir bin Talib, menulis pada 7hb Februari yang telah mengujudkan akibat-akibat yang leluasa.

Surat ini yang dihantarkan kepada sekolah-sekolah termasuk Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China Kuan Cheng dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China Lick Hung bertajuk: "Peraturan Kewangan Sekolah Akibat dari Pembubaran Lembaga Pengurus/Pentadbir Sekolah". Perenggan pertama dan kedua surat tersebut yang ada bersabit, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya bacakan:

"Sebagaimana yang tuan/puan sedia maklum semua Lembaga Pengurus Pentadbir Sekolah yang menerima bantuan penuh Kerajaan akan dibubarkan mengikut Seksyen 26A Akta Pelajaran 1961. Tarikh pembubaran Lembaga-lembaga tersebut akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran kelak apabila segala masaalah yang timbul akibat pembubaran Lembaga-lembaga ini dapat diatasi.

Tujuan surat ini ialah untuk meminta kerjasama tuan/puan agar membolehkan pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran melawat dan meninjau beberapa aspek pentadbiran sekolah termasuk akaun kewangan dengan harapan satu peraturan dapat disediakan bagi semua sekolah apabila pembubaran Lembaga-lembaga itu dibuat."

Seksyen 26A Akta Pelajaran 1961 telah dengan jelasnya mengatakan bahawa Lembaga-lembaga Pengurus akan dibubarkan, hak harta mereka dan pengawalan mereka akan dilucutkan. Ini adalah sebenarnya mengapa pindaan ini kepada Akta Pelajaran yang dikemukakan dan diluluskan di Parlimen pada bulan Januari, 1972 yang telah mendapat sokongan penuh dari semua Ahli-ahli Parlimen dan Menteri-menteri pihak Kerajaan, ditentang oleh pihak Parti DAP pada masa itu dengan hebat.

Saya ketika menentang Rang Undang-undang ini di dalam Dewan Rakyat pada 10hb Januari, 1972 telah berkata:

(Dengan izin) "The Boards of Management had been the foster-mother and the lifeblood of Chinese schools and education. It is no exaggeration to say that if there

had not been any Board of Management, there would not be a single Chinese school today. Thus it is widely feared and apprehended that the abolition of Boards of Management, as this Bill seeks to do, will lead to the closure and death of Chinese primary and secondary schools. This is a legitimate fear and apprehension which it is bounden on the elected Government and Parliament to take into serious account in our deliberations today”.

Kerajaan harus menghormati kehendak-kehendak mereka yang terlibat yang tidak mahu lembaga-lembaga pengurusan sekolah-sekolah rendah China dibubarkan kerana peranan yang lembaga tersebut telah main bukan sahaja dalam sejarah tetapi juga pada masa sekarang dan mereka yang mengatakan demikian ialah lembaga-lembaga pengurusan, organisasi-organisasi guru dan Persatuan-persatuan Ibubapa, Guru-guru Sekolah-sekolah Rendah China sendiri.

Surat bertarikh 7hb Februari dari Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran yang bertindak menurut Seksyen 26A Akta Pelajaran adalah mengejutkan.

Apa yang dikehendaki oleh Lembaga-lembaga Pengurusan sekolah-sekolah China, guru-guru dan Persatuan-persatuan Ibubapa-ibubapa ialah satu jaminan dari pihak Kerajaan bahawa Lembaga-lembaga Pengurusan Sekolah-sekolah China tidak akan dibubarkan dan jaminan ini hendaklah termaktub dalam Akta Pelajaran.

Jaminan yang diberi secara mulut yang mengatakan tidak benar Menteri Pelajaran tidak berniat membubarkan Lembaga Pengurusan Sekolah-sekolah Rendah China adalah tidak mencukupi kerana tercatat dengan jelasnya dalam Seksyen 26A Lembaga-lembaga Pengurusan yang wujud sekarang dibubarkan dan Menteri berkenaan mungkin dari masa ke semasa menubuhkan “sebuah Lembaga atau Jawatankuasa” yang tidak sama dengan Lembaga Pengurus kerana Perlembagaan dan fungsi lembaga atau jawatankuasa tersebut akan ditentukan oleh Menteri.

Selagi tiada jaminan disyaratkan melalui undang-undang yang mengatakan Lembaga-lembaga Pengurusan sekolah China tidak

akan dibubarkan, maka di bawah Seksyen 26A pembubaran Lembaga-lembaga tersebut hanya menunggu waktu sahaja dan ini bergantung kepada keadaan politik yang amat mujur.

Selepas surat bertarikh 7hb Februari ini dihantar oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran, MCA Selangor dan pemimpin-pemimpin MCA di beberapa tempat yang lain telah cuba melagakkan diri mereka sebagai penentang seksyen 26A malahan ada orang-orang pemimpin MCA khasnya di Melaka dan di lain tempat yang cuba mencari keuntungan dalam issue ini. Beliau telah berkata bahawa MCA memerlukan sokongan politik orang-orang China supaya dengan demikianlah MCA akan dapat mempengaruhi pengubalan undang-undang tersebut dan ketika merujuk kepada seksyen 26A Akta Pelajaran beliau berkata peruntukan ini hendaklah dimansuhkan tetapi oleh kerana MCA tidak begitu kuat dalam ertikata suara undi Parlimen maka MCA tidak dapat memansuhkan seksyen tersebut.

Ingatan rakyat, Tuan Yang di-Pertua, tidak begitu singkat dan rakyat tidak akan lupa bahawa seksyen 26A Akta Pelajaran diluluskan pada bulan Januari 1972 dengan sokongan penuh Ahli-ahli Parlimen dan Menteri-menteri MCA termasuk Presiden MCA dan juga Timbalan Menteri Pelajaran sekarang. Saya rasa rakyat dan Parlimen berhak mengetahui apakah “double-game” ini yang dimainkan oleh MCA—satu lagu di luar Parlimen dan satu lagi lagu di dalam Parlimen dan Kerajaan. Oleh kerana selepas menyokong penuh enakmen seksyen 26A di dalam Parlimen untuk membubarkan Lembaga-lembaga Pengurusan Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan, MCA kini menuntut mereka berkehendakkan sokongan daripada kaum China untuk memansuhkan seksyen 26A ini. Mengapakah MCA menyokong seksyen 26A pada awalnya dan apakah mereka ini secara jujur berpendapat bahawa seksyen 26A hendak dimansuhkan ataupun akankah mereka berlagak seperti Ahli-ahli Parlimen dan Menteri-menteri MCA seperti yang berlaku pada bulan Oktober, 1975 di mana mereka telah menentang dengan sekeras-kerasnya usul yang dicadangkan oleh saya untuk memansuhkan seksyen 21 (2) Akta Pelajaran untuk membatalkan kuasa Menteri untuk menukarkan Sekolah-sekolah Rendah China dan Tamil ke Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan. Terdapat satu kolokialism yang

amat sesuai untuk digunakan dalam perkara ini ialah "manusia pun mereka, hantu pun mereka"—kolokialism China.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada apa-apa keperluan bagi sesiapa pun untuk memohon maaf kerana hendak membangkitkan soal pelajaran China dalam Parlimen ini. Malahan terdapat satu keperluan besar untuk Parlimen memahami secara penuh soal pelajaran China di Malaysia dan soal ini bukanlah seksyenal ataupun satu masalah sesuatu golongan sahaja tetapi sebaliknya ia merupakan sebahagian daripada masalah Malaysia. Malahan, pengertian dan penghargaan tepat tempat dan sumbangan pelajaran China di Malaysia merupakan satu kunci ke arah kejayaan dalam pembinaan sebuah bangsa Malaysia dari berbagai-bagai kaum. Adalah menjadi satu sikap biasa yang wujud di beberapa golongan bahawa pelajar-pelajar keluaran Sekolah-sekolah China mempunyai potensi untuk tidak taat setia ataupun mereka itu adalah bercorak ke fahaman komunis. Jika sekiranya prasangka buruk dan salah faham ini tidak dihapuskan ataupun jika ia dibenarkan untuk mempengaruhi dasar-dasar pembinaan negara maka Malaysia tidak akan menjadi sebuah negara yang bersatu padu.

Sekolah-sekolah China adalah setanding dengan sekolah-sekolah lain dalam membentuk kelakuan orang-orang Malaysia dengan kesedaran identity dan ketaatsetiaan Malaysia. Oleh yang demikian, sekolah-sekolah hendaklah diberi tempat sewajarnya dalam "mainstream" sistem pelajaran kebangsaan dan bukan bertoleransi sehingga masa dan keadaan yang sesuai untuk bertindak terhadap sekolah-sekolah tersebut. Oleh kerana tiada orang pun yang menyoal ketaatsetiaan seseorang Ahli Parlimen atau pemimpin politik yang membangkitkan hal atau berucap mengenai masalah kemiskinan, seumpamanya orang-orang Melayu begitulah juga seseorang tidak boleh menyoalkan ketaatsetiaan seseorang pemimpin atau Ahli Parlimen yang membangkitkan atau berucap mengenai masalah-masalah yang dihadapi mengenai pelajaran China. Ini hendaklah ditegaskan kerana adalah jelas alasan utama mengapa, antaranya Yang Berhormat Ahli Parlimen DAP bagi kawasan Batu Gajah, Saudara Chan Kok Kit dipilih untuk ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, ditahanan Kemunting, Taiping, ada berkait dengan hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, ketika Saudara Chian Heng Kai dan Saudara Chan Kok Kit ditangkap pada 3hb November bersama-sama dengan dua orang bekas Timbalan Menteri, Yang Berhormat Datuk Abdullah Ahmad, Yang Berhormat Abdullah Majid dan Pengerusi PSRM, Saudara Kassim Ahmad dan Setiausaha Eksekutif MCA Tan Ken Shen . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat telah dua tiga kali mengulangi hal ini, dalam sidang mesyuarat yang lalu pun sudah bercakap juga.

**Tuan Lim Kit Siang:** Masa itu tidak dibenarkan bercakap, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ada bercakap.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak dibenarkan dan usul saya cuba kemukakan pun ditolak dan masa ini. . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Duduk dahulu! Usul yang ditolak itu kerana tidak diterima atas sebab-sebab alasannya. Jangan dibangkitkan lagi perkara yang telah dikalahkan, tidak dibenarkan di Parlimen ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ini ada berkaitan. Ini perkara yang baru, oleh kerana apa yang saya akan bangkitkan adalah mengenai perkembangan baru-baru ini. Ini bukan cerita lama atau lagu lama.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah bercakap dahulu dalam perkara ini juga. Saya lupa dalam Bill mana, tetapi ada bercakap mengenai perkara ini juga. Jadi sekarang ini dibangkitkan lagi. Saya masih ingat lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tentulah boleh periksa, saya tidak akan memberi apa-apa hal atau mengulangi apa-apa yang telah saya katakan dan tentulah akan tunjuk perkara-perkara yang akan saya kemukakan adalah semua perkara-perkara yang selepas persidangan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Kalau perkara baru, tidak apa.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tentu perkara baru. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Pada masa itu terdapat satu kenyataan daripada pihak Polis bahawa mereka ditahan untuk interrogation berkenaan dengan kegiatan-kegiatan mereka dalam Barisan Bersatu Kominis pada 3hb November, 1976. Dalam ucapan Ketua Polis Negara dalam bulan Februari, dalam siaran TV pada 4hb Februari, Tan Sri Haniff Omar cuba mempertahankan alasan-alasan penahanan mereka. Di sini saya hanya merujuk khasnya tentang kes Saudara Chian Heng Kai dan Saudara Chan Kok Kit. Dalam ucapan Ketua Polis Negara ada dua bahagian yang kena mengena. Pertama, pada permulaan ucapan beliau jelas berkata dengan satu perenggan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Panjangkah?

**Tuan Lim Kit Siang:** Tidak, tidak panjang.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya benarkan ini kerana kedua-duanya Yang Berhormat bangkitkan seolah-olah—Bila Tuan Yang di-Pertua bercakap, kena duduk, Standing Order tidak dipinda lagi.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Perkara ini telah dicatit sebagai pertanyaan, tetapi kedua-dua soalan itu tidak sempat dijawab hari ini, satu perkara pelajaran dan satu lagi perkara yang baru sebentar disebutkan. Ini tidak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, maka dengan sebab itu boleh diteruskan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Saya quote daripada ucapan di TV oleh Ketua Polis Negara.

“Saya percaya masih ada yang tertanya-tanya apakah sebenarnya sebab-sebab beberapa orang tokoh yang dahulunya menduduki tempat yang agak berpengaruh di dalam bidang dan organisasi masing-masing ditahan tidak beberapa lama seperti—

- (a) Samad Ismail
- (b) Samani Mohd. Amin
- (c) Datuk Abdullah Ahmad
- (d) Abdullah Majid
- (e) Tan Ken Shen
- (f) Kassim Ahmad
- (g) Chan Kok Kit
- (h) Chian Heng Kai

“Mereka ini sebenarnya telah ditahan kerana penglibatan mereka di dalam kegiatan-kegiatan Barisan Bersatu Kominis ataupun sekurang-kurangnya kegiatan-kegiatan yang boleh disifatkan sebagai membantu kemajuan Barisan Bersatu Kominis samada secara langsung atau tidak langsung, samada dengan sengaja atau tidak sengaja.”

Lagi satu bahagian pada penutup kenyataannya ialah—

“Berkenaan dengan 6 orang yang ditahan pada 2hb dan 3hb November, 1976 iaitu Datuk Abdullah Ahmad, Abdullah Majid, Chian Heng Kai, Kassim Ahmad, Chan Kok Kit dan Tan Ken Shen, 5 daripada mereka telah mengakui terlibat di dalam kegiatan-kegiatan membantu Barisan Bersatu Kominis.”

“Dari 5 orang itu 3 telah melahirkan keinginan mereka untuk membuat kenyataan di TV Malaysia, 2 tidak mahu mengaku secara terbuka kerana masih ingin meneruskan kegiatan politik mereka tatkala dibebaskan nanti dan seorang lagi masih berpegang kepada pengajaran “Marx-Lenin-Mao.””

Tuan Yang di-Pertua, jelaslah bahawa “dua tidak mahu mengaku secara terbuka” yang dirujuk ini adalah Saudara Chiang Heng Kai dan Saudara Chan Kok Kit.

Kesimpulan sebulat suara yang dibuat ialah Saudara Chian Heng Kai dan Saudara Chan Kok Kit telah secara diam-diam mengakui penglibatan mereka dalam kegiatan-kegiatan Barisan Bersatu Kominis ini, tetapi sebagai seorang pengecut (coward) tidak mahu buat secara terbuka kerana mereka masih mahu meneruskan kegiatan mereka tatkala dibebaskan.

Sebenarnya, kesimpulan ini boleh disaksikan daripada tajuk-tajuk utama dalam surat-surat khabar tempatan. Umpamanya, Utusan Malaysia: “5 daripadanya mengakui terlibat”; New Straits Times “I confess—by five of these” dengan gambar-foto enam orang yang ditahan pada 2hb dan 3hb November, 1976; Nanyang Siang Pau pula “Lima Orang Politikus Ditangkap Tahun Lepas Mengaku Terlibat dalam Barisan Bersatu Kominis.”

Tuan Yang di-Pertua, isteri-isteri Saudara Chian Heng Kai dan Saudara Chan Kok Kit ada berjumpa suami masing-masing di



tempat tahanan di Kemunting, dan kedua-dua suami mereka menafikan di depan mereka bahawa langsung tidak pernah mengaku penglibatan dalam kegiatan Barisan Bersatu Komunis.

Pada 23hb Februari, 1977 saya telahpun menerima sepucuk surat daripada Saudara Chian Heng Kai bertarikh 7hb Februari, di mana beliau menafikan sehabis-habisnya ia dan Saudara Chan Kok Kit tidak pernah terlibat dalam apa-apa kegiatan Barisan Bersatu Komunis, ataupun pernah membuat pengakuan serupa ini. Saya yakin bahawa salinan surat ini sudahpun di dalam simpanan fail Cawangan Khas.

Dalam suratnya Yang Berhormat Chian Heng Kai berkata bahawa semasa dalam tahanan beliau menegaskan kepada pegawai-pegawai Cawangan khas bahawa beliau bukanlah ahli Parti Komunis Malaya atau penyokong atau sympathiser, ia langsung tidak pernah menerima apa-apa bahan publisiti daripada pihak komunis, dan segala ucapan dan tindak-tanduknya bukanlah ditujukan untuk menolong komunis.

Pada 3hb Mac, 1977 saya telah berjumpa dengan Ketua Polis Negara, Tan Sri Haniff Omar untuk meminta beliau jelaskan kenyataan beliau di dalam TV. Ketua Polis Negara menafikan bahawa beliau telah menyatakan atau implied Saudara Chian Heng Kai dan Saudara Chan Kok Kit telah mengakui kepada Cawangan Khas bahawa kedua-dua mereka ini pernah terlibat dalam kegiatan Barisan Bersatu Komunis.

Kalaulah ini keadaannya, maka apakah sebabnya Saudara Chian Heng Kai dan Saudara Chan Kok Kit ditahan. Atau dengan menggunakan kata-kata Ketua Polis Negara. "... kegiatan yang boleh disifatkan sebagai membantu kemajuan Barisan Bersatu Komunis samada secara langsung atau tidak langsung; samada sengaja atau tidak sengaja."

Sudahkah, Tuan Yang di-Pertua, kita sampai ke satu peringkat di mana Ahli-ahli Dewan Rakyat atau pemimpin-pemimpin politik boleh hilang kebebasan dan hak-hak sivil mereka kerana mereka bukan terlihat dalam kegiatan-kegiatan komunis (communist United Front) tetapi kegiatan-kegiatan yang boleh disifatkan sebagai membantu kemajuan Barisan Bersatu Komunis samada secara langsung atau tidak langsung; samada sengaja atau tidak sengaja?

Seseorang yang mengamalkan korupsi misalnya mengikut tafsiran ini boleh digolongkan di dalam kategori sebagai terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang boleh disifatkan sebagai membantu kemajuan Barisan Bersatu Komunis samada tidak langsung atau tidak sengaja. Dan sebaliknya seorang yang mengkeritik korupsi pun boleh digolongkan di dalam takrif tafsiran ini sebagai membantu Barisan Bersatu Komunis secara tidak sengaja atau tidak langsung.

Begitu pula sesiapa yang mengkeritik Kerajaan kerana salah pengurusan ekonomi, kemiskinan yang bermaharajalela, salahgunaan kuasa, penindasan pekerja-pekerja atau kaum petani, juga sangat mudah dimasukkan ke dalam lingkungan ini sebagai kegiatan-kegiatan membantu kemajuan Barisan Bersatu Komunis secara tidak langsung atau tidak sengaja (unknowingly).

Ternampak bahawa penglibatan seseorang dalam kegiatan Barisan Bersatu Komunis adalah tidak dibuktikan dengan objective evidence. Apa yang cukup sekarang ialah subjective belief dari pihak pegawai-pegawai Special Branch bahawa tindakan itu unknowingly boleh membantu pihak Komunis United Front, bukan beliau hendak adanya membantu Komunis United Front. Beliau tidak tahu, betul tidak tahu. Tetapi Special Branch ada bukti cukup. Apa rule of law ini? Apakah sudah sampainya keadaan di mana seorang wakil rakyat boleh hilang hak-haknya dalam keadaan ini?

Tuan Yang di-Pertua, adakah ini menunjukkan penghormatan terhadap undang-undang negara kita, sebagai sebuah negara yang berhukum sebagaimana selalunya diteriak-teriak dan dilaung-laungkan oleh Barisan Nasional baik di dalam negara ataupun di forum-foram antarabangsa.

Jika kita mengkaji alasan-alasan untuk menahan kedua-dua mereka sepertimana yang dilemparkan oleh Cawangan Khas terhadap kedua-dua mereka tersebut, ternyata bahawa mereka kedua-dua ini tidak langsung dituduh sama sekali baik secara langsung atau sengaja terlibat dalam kegiatan-kegiatan Komunis United Front.

Dalam Facts of Allegation atau butir-butir tuduhan yang disediakan oleh Cawangan Khas untuk menyokong dan mengadili Grounds of Detention mereka terhadap Saudara Chian Heng Kai dan Saudara Chan

Kok Kit sebenarnya adalah ucapan-ucapan kedua orang itu yang dilafazkan di rapat umum, di mesyuarat-mesyuarat, di perjumpaan-perjumpaan parti kami.

Sebahagian daripada tuduhan-tuduhan itu adalah langsung tidak berasas sama sekali atau sudah diputar belitkan menunjukkan dengan jelasnya bahawa kesemua ini hanya semata-mata berasaskan kepada lapuran-lapuran yang dibuat oleh police informers dan spies yang dihantar menghadiri mesyuarat-mesyuarat parti sendiri dan sebahagian besar butir-butir tuduhan ini adalah berkaitan dengan perkara issue-issue pelajaran China, yang dibuat di antara tempoh tahun 1971 hingga 1976 di mana issue-issue ini di dalam lingkungan undang-undang dan Perlembagaan negara kita.

Memandangkan tuduhan-tuduhan yang dilemparkan terhadap kedua-dua mereka berasaskan kepada apa yang mereka katakan dalam tempoh 1971 dan 1976 dan jika sekiranya apa yang mereka katakan ini telah melebihi had undang-undang (limits of law and Constitution) maka haruslah mereka dihadapkan di mahkamah. Langkah ini juga akan mencegah police informers dan spies dan mencipta lapuran-lapuran yang tidak betul mengenai ucapan-ucapan yang dilafazkan untuk mendapat upahan.

Satu alasan pokok yang diberikan oleh Kerajaan untuk mempertahankan dan membela Akta Keselamatan Dalam Negeri yang mengizinkan penahanan tanpa perbicaraan adalah menjadi sukar untuk mendapatkan saksi-saksi untuk memberi keterangan terhadap pejuang-pejuang yang memperjuangkan kegunaan kekerasan dan keganasan dan oleh sebab itulah ISA perlu oleh kerana saksi takut datang ke mahkamah untuk memberi keterangan. Tetapi dalam perkara ini ISA digunakan sebagai pengganti undang-undang biasa kerana ianya selesa dan expedient. Sangat nyata power corrupts dan absolute power corrupts absolutely.

Jelaslah bahawa kedua-dua telah dijadikan mangsa politik, bukan kerana kedua-dua mereka ini telah melanggar undang-undang ataupun Perlembagaan ataupun terlibat dalam Barisan Bersatu Komunis tetapi adalah kerana, pertama, mereka terus-menerus dan tidak berhenti-henti membangkitkan hal-hal berkenaan dengan pelajaran China tetapi

mengikut garisan undang-undang dan Perlembagaan negara kita. Yang kedua, mereka adalah dijadikan mangsa dalam perebutan kuasa dan kekecohan dalam parti UMNO.

Pada hakikatnya saya tidak fikir bahawa adanya apa-apa kegiatan yang paling sesuai untuk disifatkan sebagai "pembantu kema-juan Barisan Bersatu Komunis, samada secara langsung atau tidak langsung, secara sengaja atau tidak sengaja" daripada tindakan-tindakan Kerajaan yang mahu melenyapkan suara pembangkang, mahu mengugut-ugut dan menekan parti pembangkang yang memperjuangkan matlamatnya mengikut sisi Perlembagaan Malaysia. Ini sebenarnya merupakan satu contoh yang terbaik sekali untuk membuktikan penyalahgunaan kuasa oleh pihak polis dengan sewenang-wenangnya dalam penahanan dua-dua mereka ini. Akibat tindakan Kerajaan yang sewenang-wenangnya ini ialah sokongan terhadap Communist United Front akan kian bertambah kuat kerana makin lama makin ramainya rakyat akan hilang kepercayaannya terhadap proses demokrasi sebagai alat untuk mendatangkan perubahan dan pembaharuan. Adakah Ketua Polis Negara dan pihak Cawangan Khas akan bertindak untuk meletakkan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang bertanggungjawab untuk penangkapan ini yang tidak adil dan sewenang-wenangnya di bawah ISA?

Saya menyeru pihak Kerajaan membebaskan saudara Chian Heng Kai dan saudara Chan Kok Kit dengan serta-merta. Perlulah disedari bahawa setiap hari mereka kedua-dua ini berada dalam tempat tahanan perlindungan mengingatkan rakyat penyalahgunaan kekuasaan oleh pihak polis dan juga sebagai hari kenangan terhadap bagaimana Kerajaan bertindak untuk mencero buhi hak-hak demokratik dan kebebasan kemanusiaan hanya bagi kepentingan segelintir orang sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa persoalan adakah Malaysia ini akan menjadi sebuah negara komunis ini masih berkisar pada fikiran rakyat Malaysia atau pemerhati-pemerhati politik luar negeri dan orang-orang asing yang berminat sungguhpun soalan ini tidak lagi merupakan satu persoalan yang begitu hangat diperkatakan selepas tahun 1975 di mana pihak komunis memperolehi kejayaan di Indo-China.

Keadaan yang dihadapi oleh negara jiran kita Thailand hanya sekadar menimbulkan satu perasaan ketidak setabilan dan tidak diserangi yang lebih kuat. Adakah Malaysia akan dijadikan sebuah negara komunis atau tidak ini adalah hanya bergantung pada bagaimana rakyat yang berbilang bangsa ini dapat bersatu-padu atau sebaliknya dipecah-belahkan. Satu keperluan yang sangat mendesak ialah dasar-dasar pembinaan negara kita seperti di bidang ekonomi, pelajaran, pekerjaan, politik, kebudayaan dan lain-lain perlu ditinjau semula dengan menyeluruh dan sehabis-habisnya.

Kerajaan seharusnya bertindak dengan segera untuk memberhentikan brain-drain yang tidak berhenti-henti bukan sahaja daripada perkhidmatan Kerajaan tetapi yang lebih seriusnya ialah brain-drain ke seberang laut. Bolehkah masalah brain-drain profesional ini diatasi dengan hanya menuduh kaum profesional ini sebagai tidak taat setia. Adakah seorang doktor adik kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia yang telah berpindah ke seberang laut ini dicap sebagai tidak taat setia atau sebagai anasir anti-nasional? Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran boleh memberi satu penjelasan.

Kerajaan khasnya Kementerian Kesihatan nampaknya seolah-olahnya sudah kehilangan ketabahan atau capacity untuk bertindak secara tegas bagi mengatasi masalah doktor brain-drain daripada Kerajaan dan negara ini.

Sungguhpun banyak telah diperkatakan tentang kajian-kajian yang dibuat tetapi tindakan yang kongkrit dalam hal ini jarang diambil seumpamanya hanya terdengar suara tangga tetapi tidak nampak orang turun. Doktor-doktor kian hari kian ramai yang tinggalkan negara kita sehingga capacity dan pertunjukan hospital pun terjejas dengan seriusnya.

Saya sudah mencadangkan di mesyuarat Dewan tahun lepas bahawa sebuah Suruhanjaya Perkhidmatan Perubatan adalah perlu ditubuhkan untuk memutuskan perkara-perkara yang berkenaan dengan perlantikan, kenaikan pangkat dan lain-lain urusan yang berkaitan dengan hal ehwal kakitangan di dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai langkah-langkah yang berkesan untuk memujuk mereka tetap dalam perkhidmatan. Pegawai-pegawai Perubatan dalam Kemen-

terian Pertahanan yang selain daripada Kementerian Kesihatan menggaji doktor-doktor yang ramai perlu diletakkan di bawah tanggungjawab Suruhanjaya Perkhidmatan Perubatan yang dicadangkan ini.

Sekarang, pegawai-pegawai perubatan dari pihak Kementerian Pertahanan tidak dibenarkan menganggotai Cawangan Perubatan Persatuan Perubatan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan. Sungguhpun, peranan utamanya doktor-doktor dalam perkhidmatan tentera ialah untuk menyediakan perlindungan dan layanan perubatan kepada pasukan tentera dan ahli-ahli keluarganya, tetapi mereka juga memberi perubatan kepada orang ramai melalui kerja sivik mereka, sebagai satu contoh yang baik ialah Hospital Tentera Trendak, Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat satu keperluan segera supaya isi kandungan program TV Malaysia, mencerminkan kenyataan masyarakat yang berbilang bangsa. Tak dapat dinafikan bahawa program TV Malaysia sudah gagal untuk mencerminkan ciri-ciri masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa ini.

Program TV di Sabah adalah lebih teruk lagi. Sebenarnya, ketiadaan satu pun program Kadazan atau China. Program China di Radio Sabah hanya dihadkan 5 minit sahaja untuk berita tiga kali sehari.

Kesemua ini menentang kenyataan kehidupan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa ini, khasnya di Sabah. Saya tak nampak apa-apa alasan mengapa program China dan Kadazan tak dapat dimasukkan dalam TV Sabah, atau apakah sebabnya program Radio Sabah yang dahulunya mengadakan program China selama tiga jam seperti lagu-lagu, perbualan dan lain-lain program tidak boleh dipulihkan. Saya difahamkan ini ialah satu perjanjian pilihannya yang dibuat oleh Berjaya, tetapi sampai hari ini janji tersebut belum ditunaikan.

Tuan Yang di-Pertua, korupsi hari ini adalah lebih bermaharajalela daripada 20 tahun yang lepas. Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri yang pertama, dalam pojuk mingguan STAR pada minggu yang lepas telah menulis tentang penyalahgunaan kuasa di negeri-negeri yang kaya di mana "all kinds of applications for land came from important persons". Beliau sangat memuji pentadbir-pentadbir British

pada zaman penjajahan, mereka yang Tunku katakan: "had the colonial tradition of honesty, and a high standard of administrative integrity and ability which they maintained as proud and loyal servants of their imperial masters. What's more, they kept aloof from local fortune-hunters and shady characters".

Sebenarnya, di mana-mana sahaja kita pergi, cerita-cerita mengenai alienasi tanah kepada segelintir pemimpin-pemimpin politik ini tidak habis-habis dihiikayatkan oleh rakyat kita, baik di Melaka, Perak, Pahang, Sarawak atau Sabah.

Dalam pilihanraya umum yang diadakan di Sabah baharu-baharu ini ada dikatakan lebih kurang \$30 juta dianggar telah dibelanjakan. Angka ini tentulah sudah melebihi had perbelanjaan pilihanraya yang ditetapkan oleh undang-undang. Sesiapa yang melaburkan \$30 juta ini tentu berharap satu keuntungan (dividend) yang berlipat-ganda daripada investment itu. Inilah di mana korupsi mula bertapak dan ianya akan memakan inti sistem politik negara kita.

Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman mencadangkan supaya Dewan Rakyat harus meminda undang-undang berkenaan dengan kuasa-kuasa Kerajaan Negeri dalam membahagikan tanah-tanah, baik tanah untuk lombong, kayu-balak atau lain-lain. Beliau sangat kesal bahawa semasa beliau menjadi Perdana Menteri beliau tidak berbuat demikian untuk mencegah dan memberhentikan penyalahgunaan kuasa ini.

Menurut hemat saya, masalah ini bukanlah satu masalah yang sangat berkaitan dengan pindaan undang-undang, tetapi adalah mengenai kejujuran dan integriti pemimpin-pemimpin politik yang berjawatan tinggi kerana merekalah yang terlibat dalam perkara ini.

Pindaan undang-undang ini tidak mungkin melahirkan satu Kerajaan yang jujur dan bersih tetapi akan pindah sahaja "locust of corruption" daripada Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Pusat.

Kita ada Biro Siasatan Negara tetapi malangnya Biro tersebut tidak ada kuasa yang sepenuh, tidak begitu bebas untuk menjalankan tugasnya. Apa yang kita perlu ialah satu Biro Siasatan Negara yang bebas yang tidak perlu mendapat kebenaran daripada sesiapa baikpun seorang Menteri atau seorang

Perdana Menteri untuk menjalankan tugas-tugas untuk mendakwa untuk charge sesiapa yang ada kaitan, terlibat dalam korupsi tidak kira bagaimana tingginya jawatan yang beliau pegang. Itulah apa yang mustahak kalau kita mahu membasmi korupsi-korupsi di negara kita.

Dalam beberapa minggu yang sudah, Kerajaan telah membenarkan harga barang-barang pengguna melambung naik dengan tidak membuat apa-apa percubaan pun untuk mengawal kenaikan harga barang-barang tersebut. Malahan, jurucakap-jurucakap Kerajaan dan Menteri-menteri nampaknya lebih berminat membela dan menjelaskan mengapa harga barang-barang tersebut terpaksa naik dan bukan melindungi atau membela kuasa pembelian orang-orang miskin.

Seorang Timbalan Menteri telah berkata kenaikan harga barang-barang ini adalah disebabkan oleh kerana dugaan yang Kerajaan akan membayar gaji baru kepada pegawai-pegawai Kerajaan di bawah Lapuran Jawatankuasa Kabinet. Jika kita perhatikan kenaikan harga barang-barang, tambahan gaji yang akan diperolehi oleh pegawai-pegawai Kerajaan di bawah Lapuran Kabinet hanya akan cukup untuk menahan purchasing power mereka. Ini bermakna walaupun "on paper" pegawai-pegawai Kerajaan akan mendapat beberapa ringgit yang lebih tetapi dalam erti kata purchasing power, pegawai-pegawai Kerajaan tidak akan perolehi apa-apa yang lebih. Mereka akan bernasib baik jika mereka tidak rugi. Apakah Kerajaan akan membuat untuk menghentikan satu lagi siri kenaikan harga barang-barang apabila wang tunggakan dan gaji dibayar? Keadaan pekerja-pekerja dalam sektor swasta, petani-petani dan nelayan-nelayan akan bertambah buruk kerana kuasa pembelian mereka akan dikurangkan dengan tiada apa-apa compensation diberi. Orang yang akan beruntung ialah pengilang-pengilang dan peniaga-peniaga besar yang menjadi tulang belakang kewangan parti-parti Barisan Nasional. Pada akhirnya orang-orang kaya akan tambah kaya dan orang-orang miskin akan bertambah miskin. Rakyat dari golongan berpendapatan rendah petani-petani, nelayan-nelayan dan pekerja-pekerja hendakkan suatu Kerajaan yang bersikap tegas terhadap kenaikan harga barang-barang yang tidak patut dan adil.

Lapuran Kabinet telah mencipta beberapa anomalies. Laporan tersebut menafikan pekerja-pekerja dalam kumpulan berpangkat rendah dan buruh kasar yang telah bersara di antara 1-8-68 dan 31-12-75 dan semua pegawai-pegawai awam yang telah bersara di antara 1-1-70 dan 31-12-75 apa-apa penyelesaian semula pencen dan ganjaran mereka.

Kerajaan tidak boleh membuang masa lagi dan hendaklah meluaskan faktor pencen 1/600 yang dinikmati oleh pekerja-pekerja Kerajaan Tempatan sejak tahun 1970 akibat Laporan Suruhanjaya Harun kepada semua pesara-pesara yang kini menikmati faktor pencen 1/800, dan ini hendaklah dikebelakangkan ke tahun 1970. Ini adalah perkara yang patut dan adil yang hendak dibuat dengan segera dan dengan tidak membuang masa lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ramai bekas perajurit yang sedang berkhidmat dalam jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun di seluruh negara tidak puas hati dengan tanggagaji mereka sekarang. Mereka tidak puas hati kerana diberikan gaji yang minima bila memulakan perkhidmatan di jabatan-jabatan yang berkenaan. Gaji mereka adalah jauh lebih rendah dari gaji terakhir yang mereka menerima semasa berkhidmat dalam Angkatan Tentera. Bekas-bekas perajurit ini bukanlah berkhidmat dalam jawatan-jawatan tinggi, tetapi bekerja sebagai kerani, pemandu, pengawal keselamatan dan lain-lain.

Setelah berkhidmat selama 10 tahun dalam Angkatan Tentera dan umur masing-masing pun sudah 30 tahun, mereka diberikan jawatan-jawatan tersebut dengan gaji yang minima. Misalnya seorang bekas perajurit yang bertugas sebagai pegawai kerani diberi tanggagaji permulaan \$220 x 25 iaitu sama seperti lain-lain kerani baru. Ini adalah tidak adil jika kita mengambil kira perkhidmatan yang diberi oleh bekas perajurit ini. Saya menyeru Kerajaan mengeluarkan satu arahan yang perlu untuk menentukan bahawa semua bekas perajurit diletakkan dalam tanggagaji maxima sebagai mengenang jasa dan perkhidmatan mereka kepada negara.

Saya hendak membangkitkan soal Rancangan FELDA Kemendore di Melaka. Keluarga peserta-peserta di rancangan tersebut kurang puas hati kerana walaupun mereka telah menjelaskan pinjaman wang mereka kepada pihak FELDA lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan, mereka dibayar kurang daripada \$400-\$600 setiap peserta. Mengapakah ini berlaku? Walaupun peserta-peserta telah berusaha mendapat penjelasan mengapa mereka ini "under paid" seorang sebanyak \$400 ke \$600 dalam rancangan itu, mereka tidak boleh dapat apa-apa sambutan atau jawapan. Saya berharap Menteri yang berkenaan boleh siasat perkara ini dan beri satu jawapan yang memuaskan hati dan membayar balik peserta-peserta berkenaan yang di "under paid".

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, Hospital Besar Melaka yang telah menerima publisiti yang buruk sekali lagi menjadi satu problem hospital sekarang. Perkara kali ini ialah mengenai alat pengatur oksigen yang dipasang kepada tangki oksigen untuk mengatur pengaliran oksigen.

Sejak bulan Januari, kebanyakan daripada regulators oksigen dan flow-meters untuk mengukur kuantiti oksigen yang diberi di beberapa wad di hospital tersebut telah rosak. Regulator itu ada masanya perlu digunakan dengan spanner dan akibatnya pesakit-pesakit kadangkala tidak dapat oksigen pun.

Saya difahamkan bahawa terdapat sekurang-kurangnya satu kes kematian yang boleh dikesan kepada kerosakan atau "mal-functioning" flow-meters atau regulator tersebut di mana oksigen yang diperlukan dengan segera tidak sampai ke pesakit berkenaan.

Lebih seriusnya lagi, saya difahamkan anesthetic machine dalam bilik pembedahan (operating theatre) yang membekalkan oksigen yang memberi nyawa dan juga pain-relieving nitrous oxide yang digunakan di bilik pembedahan tidak diserviskan oleh ajen-agen tempatan alat-alat tersebut, mengakibatkan perkara-perkara yang sangat merbahaya.

Machine anesthetic mempunyai regulator oksigen untuk mengurangkan pressure dan flow-meter untuk mengukur oksigen dan

nitrous oxide yang dibekalkan dan kalau kedua-dua mesin itu rosak oleh kerana diservis oleh orang yang tidak tahu servis machine yang sangat mustahak itu, pesakit-pesakit yang sedang dioperate, tidak ada harapan untuk hidup sungguhpun ada surgeons yang handal sekali.

Saya diberitahu perkara "malfunctioning" "flow-meters" tangki-tangki oksigen bukan sahaja berlaku di Hospital Besar Melaka tetapi juga berlaku di hospital-hospital yang lain di tanahair kita.

Saya sangat hairan kenapa perkara mustahak ini boleh berlaku dan saya harap Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengambil pandangan berat dan tindakan segera atas perkara ini dan janganlah trifle dengan nyawa-nyawa rakyat jelata. Dan diharaplah tindakan yang sewajarnya akan diambil dalam perkara ini dengan tidak dilambatkan lagi.

6.00 ptg.

**Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk melahirkan perasaan gembira dan ucapan terima kasih saya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terhadap Titah Ucapan Baginda yang sungguh bernas kepada kedua-dua buah Dewan pada 21hb Mac, 1977.

Saya yakin dari Titah Ucapan Baginda, Kerajaan Seri Paduka telah meletakkan kebajikan rakyat dan kemajuan negara di atas segala-gala yang lain.

Ucapan Di Raja Seri Paduka Baginda telah menimbangkan setiap aspek kemajuan untuk diberikan perhatian dan dirumuskan dalam satu bentuk bangsa Malaysia yang bersatu dengan segala kejayaan dan kemakmuran. Dalam tahun ke dua-puluh kita merdeka kita telah meningkat ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga ke arah pencapaian prinsip-prinsip yang ditaja dalam Polisi Ekonomi Baru, yang mana kita harap akan dapat mencapai dan membentuk satu bangsa yang mempunyai taraf keadilan dan peluang-peluang yang sama bagi setiap rakyat di negara ini. Kita berharap akan dapat mengikis kemiskinan dan menghapuskan keadaan ekonomi yang tidak seimbang yang telah wujud di kalangan beberapa golongan keturunan dalam tahun 1990.

Kita mempunyai Kerajaan yang stable di masa ini, dan kita hendaklah dengan perlahan-lahan mengatasi inflasi yang telah menggoncang dunia di satu ketika dahulu. Ini hanya akan dapat dilakukan menerusi pemimpin-pemimpin yang berkebolehan di bawah pimpinan Perdana Menteri kita yang dikasihi Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn. Saya gembira menyatakan bahawa dengan kemelesetan ekonomi dan keciciran, Kerajaan kita telah dapat menyelesaikan problem kajian semula gaji-gaji kakitangan perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangga memastikan bahawa Kesatuan-kesatuan Pekerja di dalam negeri ini telah dapat memahami tujuan ikhlas Kerajaan yang telah bersetuju menerima sekim gaji yang disemak semula dengan beberapa pindaan di sana sini. Saya mesti mengucapkan tahniah kepada Timbalan Perdana Menteri kita, Yang Amat Berhormat Dr Mahathir Mohamad tentang cara-cara dan langkah-langkah yang diambilnya ke arah penyelesaian tuntutan gaji ini. Dia telah terbukti sebagai seorang pemimpin yang berani dan terpuji. Saya yakin kakitangan Kerajaan di dalam negeri ini akan terus memberikan khidmat baktinya ke arah cita-cita dan tujuan murni negara.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi harapan murni saya bahawa orang yang memperjuangkan hak asasinya mestilah bertanggungjawab dan menyedari fungsi-fungsi kegiatannya kepada negara, kerana dengan kenaikan gaji yang melambung adalah diduga bahawa barang-barang keperluan akan turut melambung sama. Oleh itu saya meminta Kerajaan supaya mengawasi kegiatan mereka yang cuba menaikkan harga barang-barang keperluan, dan juga meyakinkan orang ramai terhadap harga-harga yang stable dapat dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya gembira menyatakan bahawa Kerajaan kini telah memasuki ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda telah meminta setiap individu yang berkenaan supaya mempergiatkan usahanya bagi membolehkan Rancangan Malaysia Ketiga berjalan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga adalah menitikberatkan sektor-sektor perkembangan pertanian dan saya berbangga

menyatakan bahawa Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah ke arah mempergiatkan kemajuan pertanian. Dalam hubungan ini Agency Kerajaan FELDA telah meneroka banyak projek-projek seumpama itu di seluruh negara. Tetapi saya dukacita menyatakan bahawa walaupun usaha mereka telah dijalankan, namun beribu-ribu permohonan yang diluluskan sedang menunggu peruntukan masing-masing hingga ke masa ini. Banyak di antara mereka telah menunggu lebih dari dua tahun. Saya khuatir sekiranya semasa mereka diberikan tanah-tanah itu, mungkin banyak di antara mereka telah hilang initiative dan stamina. Saya harap dengan peruntukan yang diberikan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga FELDA akan dapat menyiapkan tugas mereka, dan seterusnya saya berharap FELDA akan dapat projek khas untuk mengisi keperluan pemohon-pemohon yang menanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meminta Kementerian yang berkenaan menimbangkan peluang-peluang yang lebih banyak kepada rakyat Malaysia keturunan India di dalam Sekim FELDA yang kini kedapatan peratus penyertaan mereka dalam FELDA dibiarkan sahaja. Sebagaimana yang dicadangkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga bahawa peluang-peluang yang lebih banyak kepada pekerja-pekerja estet menyertai sekim pertanian akan diberikan, saya fikir adalah sesuai untuk kita menimbangkan penyertaan mereka dari sekarang, dengan demikian tujuan dan objek-objek polisi ekonomi baru akan betul-betul dapat dilaksanakan dalam tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kerajaan kita memberikan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan, maka di samping menghargai tindakan itu, saya juga ingin membawa perhatian Dewan ini bahawa banyak di antara belia-belia yang lahir di dalam negara ini yang tidak mempunyai Permit Kerja dan Kerakyatan adalah sentiasa menderita disebabkan peraturan yang tersebut. Di sini saya ingin merayu kepada Kerajaan, supaya dapat meringankan peraturan permit kerja itu hanya kepada mereka yang lahir di sini dan mempunyai kelayakan memperolehi kerakyatan di bawah Peruntukan Undang-undang yang ujud sekarang. Seterusnya saya

berharap, sekiranya ini tidak dibolehkan, pilihan yang lain ialah mempercepatkan pengeluaran Sijil Kerakyatan kepada mereka yang lahir di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bandingkan dengan sebahagian negara-negara membangun yang besar di dalam Tenggara Asia ini saya merasa bangga melihat negara Malaysia kita telah menjadi sebuah negara yang mempunyai rekod dalam Pembangunan Perindustrian. Tuan Yang di-Pertua, di samping menghargai pertumbuhan yang pesat ini, saya juga ingin menegaskan bahawa usaha menempatkan perindustrian-perindustrian seumpama itu di seluruh Malaysia Barat tidaklah diberi pertimbangan yang saksama. Kemajuan perindustrian hanya dipusatkan kepada sektor-sektor dan kawasan-kawasan dalam bandar yang mustahak, di mana ahli-ahli politik yang terkenal tinggal di kawasan-kawasan yang tersebut. Adalah amat mendukacitakan sekali bahawa setelah dua dekad kita merdeka, tidak ada satu pun perindustrian yang dapat menampung keperluan pekerjaan ditempatkan di dalam Kawasan saya Sungai Siput. Di manakah terletaknya keadilan, Tuan Yang di-Pertua? Apakah yang akan terjadi kepada 20,000 orang Bumiputra dan juga 20,000 orang bukan Bumiputra yang sedang mengharapkan perhatian Kerajaan di dalam kawasan saya? Taraf hidup peniaga-peniaga di Sungai Siput tidak ada menampakkan kemajuan sejak 20 tahun yang lampau. Begitu juga keadaannya dengan kaum bumiputra, walaupun berjuta-juta ringgit telah dibelanjakan, namun tidak ada peluang-peluang pekerjaan di dalam Sektor Perindustrian di dalam kawasan saya. Ini disebabkan tidak ada perindustrian yang ujud sekian lama mengingati hakikat ini.

Tuan Yang di-Pertua, sukaiah saya mencadangkan supaya Kerajaan dapat memperluaskan lokasi perindustrian ke kawasan-kawasan luar bandar. Ini amatlah mustahak di segi keutuhan perpaduan rakyat Malaysia yang sentiasa menumpukan taat setia yang tidak berbelah kepada negara yang kita cintai. Sekiranya kita gagal dalam perkara ini kita mestilah bertanggungjawab terhadap keciciran rakyat luar bandar, dan juga kita akan terpaksa membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk mengelakkan penghijrahan penduduk-penduduk luar bandar ke bandar-bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya peruntukan perindustrian hendaklah dijalankan mengikut peringkat kawasan-kawasan di seluruh Semenanjung Malaysia, kerana dengan cara demikian peluang-peluang yang sama dapat dinikmati oleh setiap rakyat, tanpa mengira samada mereka tinggal di dalam bandar atau di kawasan pendalaman luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, saya telah difahamkan oleh pengundi-pengundi saya bahawa mereka yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar adalah sentiasa menyokong dan berdiri teguh di belakang Kerajaan Barisan Nasional. Oleh itu telah sampailah masanya bagi rakyat-rakyat luar bandar diberikan peluang pekerjaan di dalam sektor-sektor perindustrian yang membolehkan mereka menukar cara hidup mereka kepada satu sistem hidup yang lebih terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara samsu haram saya sungguh gembira melihat pihak berkuasa Kastam dan Polis dengan tindakan tegas mereka dalam usaha mereka membendung kegiatan-kegiatan haram penjenayah-penjenayah yang merosakkan sistem hidup rakyat jelata di negara ini. Tetapi malangnya, pihak Polis dan Kastam hanya akan bertindak selepas sesuatu kejadian berlaku, seolah-olah kejadian-kejadian itu akan terus berlaku walaupun pihak berkuasa terus menjalankan tugas masing-masing. Ini bererti apabila sesuatu kejadian dilaporkan, barulah pihak-pihak yang berkenaan menjalankan tindakan mereka. Saya fikir telah sampailah masanya bagi kita memikirkan satu cara yang lain untuk membolehkan pihak berkuasa menggiatkan usaha mereka dari membiarkan kejadian buruk berlaku dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan penubuhan Tabung Pusingan, tetapi saya fikir proses perlaksanaannya hendaklah dipercepatkan. Berkenaan pihak pekerja, Kerajaan bersama-sama dengan sekimnya hendaklah menitikberatkan kepada pekerja-pekerjanya untuk mengujudkan satu sekim pekerja-pekerjanya. Saya sedar bahawa pekerja-pekerja sedang cuba melaksanakan projek-projek kecil perumahan sendiri, tetapi menghadapi kesukaran mendapatkan kelulusan dari pihak yang berkuasa, disebabkan undang-undang perancangan yang ketat. Oleh itu sukalah saya mencadangkan supaya Kerajaan memperkenalkan satu undang-undang baru yang lebih longgar, dan pihak berkuasa negeri hendaklah menubuhkan Jawatankuasa

khas untuk menggalakkan pelaksanaan sekim perumahan untuk pekerja-pekerja mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara "foreign policy" saya bangga menyatakan bahawa Missi kita ke Bangsa-bangsa Bersatu telah dapat menjalankan tugas mereka dengan kemudahan-kemudahan terhadap yang mereka perolehi. Saya ingin mencadangkan bahawa missi kita hendaklah diperbesarkan, dengan demikian kita akan dapat menjalankan peranan yang lebih besar ke arah pencapaian dan memperolehi lebih banyak kerjasama dan bantuan dari pihak Bangsa-bangsa Bersatu untuk kemajuan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya suka melafazkan ucapan terima kasih saya kepada ke bawah Duli Yang Maha Mulia yang telah menyentuh tajuk perpaduan bangsa Malaysia yang sebenarnya, dengan konsep Rukun Negara dalam Sebaran Am Radio dan TV, yang mana mengikut titah Duli Yang Maha Mulia bahawa sebaran am itu akan dapat memainkan besar terhadap perpaduan. Tetapi pihak jabatan yang berkenaan tidak menjalankan peranannya ke arah cita-cita yang tersebut, terutama sekali rancangan-rancangan Bahagian Tamil, yang boleh dikatakan telah dimansuhkan dan tidak memberikan kepuasan selera penuntun-penuntun Tamil pada ketika ini. Saya tidak meminta sesuatu yang berlebihan, tetapi saya hanya meminta sesuatu yang telah diberikan di masa yang lepas, umpamanya di masa yang lepas di dalam satu saluran kita mempunyai banyak rancangan, tetapi dengan adanya dua saluran rancangan-rancangan telah dimansuhkan. Apabila TV mula menjalankan perhidmtannya sepuluh tahun yang lepas, kita mempunyai berita dalam Tamil, Drama Mingguan Tamil yang berlatarbelakangkan konsep Malaysia, tarian mingguan, rancangan lagu-lagu Tamil, tumpuan mingguan dan wayang gambar Tamil, tetapi hari ini tidak ada lagi rancangan-rancangan itu di TV, melainkan Filem Tamil, Warta Berita dan Tumpuan Mingguan sahaja. Setakat mana berhubung dengan Radio saya telah difahamkan bahawa satu kempen besar-besaran sedang diatur oleh anasir-anasir yang tertentu untuk menghapuskan lagu-lagu dan rancangan-rancangan yang berbentuk ugama.



Tuan Yang di-Pertua, selama beratus-ratus tahun, walaupun Islam sebagai agama rasmi negara ini, namun orang-orang Islam keturunan bumiputra diakui mempunyai pemikiran yang waras; mereka menerima agama-agama lain dipraktikkan oleh penganut-penganut mereka. Pada masa ini, saya berani menyebutkan di dalam Dewan ini bahawa dengan adanya pengertian agama di kalangan orang-orang India, maka mereka tidak dapat dipengaruhi oleh fahaman komunis di dalam negara ini. Oleh itu saya minta Kerajaan, supaya dapat mengekalkan hak dan kepentingan kaum minoriti, sebagaimana yang tercatat di dalam Perlembagaan Negara kita. Saya minta Kerajaan menimbangkan semula polisi pejabat yang berkenaan yang telah menghapuskan rancangan-rancangan kaum India, terutama sekali pihak TV, dan Kerajaan hendaklah menyiasat propaganda yang disebarkan oleh anasir-anasir yang tertentu yang cuba menghapuskan kepercayaan agama di kalangan orang-orang India sebagaimana yang diperuntukkan di dalam prinsip-prinsip Rukunegara kita.

6.16 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada petang semalam dan saya berpendapat Titah Ucapan baginda itu amatlah padat dan meliputi segala aspek terutama keselamatan.

Saya suka menitikberatkan atas apa yang disuarakan oleh ketua Pembangkang iaitu wakil dari Kota Melaka yang menyatakan ada di antara ahli partinya yang ditangkap oleh Kerajaan. Di sini kita faham bahawa Kerajaan kita tidak memilih bulu bukanlah semata-mata ahli parti Pembangkang yang kena tangkap, bahkan siapa sahaja yang pada pandangan Kerajaan akan merosakkan keselamatan negara, Kerajaan terpaksa menangkap dahulu hendak diasas, kerana itu hak Kerajaan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan dan apa yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada petang semalam dengan menyuarakan:

"Beta merakamkan terima kasih dan penghargaan Beta . . . ." adalah kena pada tempatnya. Tetapi sebagai manusia, kita percaya khasnya parti Pembangkang tidak pernah menerima kebenaran. Walhal tentulah dia membaca akhbar, bukan dia

seorang sahaja yang kena tangkap bahkan dari parti Kerajaan sendiri yang pernah menjadi Menteri Kabinet kena tangkap. Saya dukacita seolah-olah Pembangkang tadi tak baca akhbar, seolah-olah dia tak tahu apa yang berlaku dalam Dewan, kerana dia sebut orang dia sahaja yang kena tangkap. Ini saya amat dukacita.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi kita memperjuangkan kedaulatan negara, tentu kita tak boleh nafikan beberapa perkara yang mustahak seperti keselamatan, kebahagiaan dan kemakmuran. Walau bagaimana matlamat perbuatan kita, samada industri, keselamatan dan sebagainya, agak saya terlinkung dalam tiga kalimah: kebahagiaan, kemakmuran dan keamanan. Pendek kata, kalau tak bahagia, tak aman, tak makmur, tentulah kita susah hidup. Kalau ada kemakmuran tetapi tak aman, menjadi kepayahan juga kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai keselamatan, agak saya kalau saya sebutkan selalu di Perlis tidaklah keterlaluan walau pun negeri Perlis sebuah negeri yang kecil, tetapi namun sama-sama kita tahu Perlis adalah sebuah negeri di utara Malaysia yang penting sebagai pintu masuk dari utara. Walaupun Perlis kecil, tetapi Perlis adalah permulaan pintu masuk bagi negara Malaysia di utara negara kita. Pendek kata banyak perkara yang masuk melalui Perlis, samada senjata, beras dan sebagainya dan kita tidak nafikan kalaulah anasir-anasir jahat membawa senjata, saya rasa Perlislah yang menjadi satu pintu masuk ke negara kita. Maka dengan sebab itu, saya menyokong cadangan Kerajaan untuk mengadakan pagar di sempadan antara Thailand dengan Malaysia. Ini bererti negeri Perlis terlibat secara tak langsung. Pepatah orang tua-tua mengatakan: "pagar lembu, kerbau dengan pagar besi atau kayu, tetapi pagar manusia adalah dipagar dengan akal dan kira bicara." Kalau kadar hendak memagar, saya berpendapat ianya tidak begitu mencukupi.

Saya mengesyorkan di samping Kerajaan mengadakan pagar yang menelan belanja berjuta-juta ringgit, patutlah Kerajaan mengadakan di kiri kanan pagar itu sekurang-kurangnya satu perdua batu, bererti setengah batu untuk diawasi oleh pihak Pasukan Keselamatan. Kalaulah kita tidak

buat begitu, semata-mata pagar sebagaimana kita pagar padi atau pagar kebun, maka pagar itu akan menjadi bahaya kepada kita balik.

Saya menyokong di atas tindakan Kerajaan dan saya merayu supaya apa yang saya syorkan tadi mendapat pertimbangan dari Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, baharu-baharu ini Timbalan Menteri Pertahanan telah mengumumkan bahawa Kerajaan akan mengambil askar sebanyak 8,000 orang tambahan. Saya menyokong di atas tindakan tersebut di samping saya berharap mendapat perhatian yang istimewa kepada askar-askar kita kerana tiap-tiap kali Titah ucapan di Raja, tiap-tiap kali hari ulangtahun Kemerdekaan, tiap-tiap kali hari perayaan, pada hari raya dan sebagainya, kepada askar selalu kita katakan bahawa kita tidak nafikan ribuan askar kita yang meninggalkan anak isteri jauh di hutan untuk menjaga keselamatan tanah air kita. Agak saya kalau kadar kita puja, memuji, kata orang, "menang sorak, alah sabung", itu tidaklah menjadi kesan. Dengan sebab itu, gaji askar patutlah diberi keistimewaan yang secukupnya dan kepada askar-askar yang akan diambil tambahan, saya mencadangkan selain daripada syarat biasa, kebolehan badan yang tegap, maka segi taat setia amatlah perlu. Walau bagaimanapun mereka berkebolehan, sihat tubuh badan, tetapi kalau taat setia yang sejati tidak ada pada negara, ini tidak menjadi faedah. Maafkan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu pandai dari segi ugama, tetapi izinkanlah saya menyentuh sedikit bagaimana kita buat kebaikan, amalan, tetapi kalau iman, tauhid kita tidak kuat, itu tidak menjadi kesan. Begitulah dari segi ketenteraan.

Saya berpendapat dari segi taat setia adalah yang paling utama. Dengan sebab itu, selain daripada dikaji kebolehan sebagaimana yang saya katakan tadi, perkara yang patut dititikberatkan oleh pihak-pihak yang berkenaan hendaklah diberi pertimbangan yang mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada gerakan bersama di sempadan. Apabila disebut sempadan bererti ianya berlaku di tempat saya sebagai wakil Kangar. Kalau dibawa dengan helikopter dari Bukit Putri, satu tempat penempatan ke Padang Besar yang ditakuti di sempadan maka akan riuh rendahlah di tempat itu tetapi tidaklah di-

takuti kerana manusia sudah tidak begitu takut lagi sekarang. Yang saya berasa dukacita, kita hendak berperang, hendak pergi tembak musuh, apalah yang diheboh-hebohkan dalam T.V., apalah yang dihebohkan dalam radio, nun manusia yang kita hendak perang, mereka itu dengar, ada telinga dan ada akal. Saya amat dukacita kerana secepatutnya gerakan semacam ini patutlah kita rahsiakan tempat yang kita hendak pergi supaya musuh tidak tahu. Saya biasa dengar dari askar-askar yang sudah bersara, katanya masa kami menjadi askar dahulu, satu-satu tempat yang kita hendak perangkap musuh, kami sendiri tidak tahu, bahkan kami dikurung sebelum kami pergi sampai 2 hari, sekurang-kurangnya satu hari. Esoknya dibawa kami dengan satu kenderaan, di situ lah tempat kami tuju. Tetapi hari ini tidak begitu. Ianya disiarkan dalam T.V., diiklan dalam radio, walhal tempat yang akan menghadapi musuh ialah manusia yang kadang-kadang kalau saya hendak kata cerdik, tidak cerdik, tetapi kalau orang yang hendak musnahkan negara harus mereka lebih bijak daripada kita. Mereka buat dengan cara mereka, sebab mereka itu lebih pintar daripada kita. Kadang-kadang askar kita kena perangkap samar dan sebagainya.

Kepada Kementerian yang berkenaan, saya merayu supaya pablisiti seperti itu tidak dikeluarkan, sebaliknya dibuat pablisiti yang tulin, bahawa kejayaan itulah pablisiti yang sebenar. Kalau dengan pablisiti di T.V., radio, saya tidaklah mahu kata sokong, nanti Menteri kita marah, tetapi sebagai rakyat Malaysia yang taat setia, sebagai Wakil Rakyat, tiap-tiap kali askar kita gugur, perwira kita gugur, walau pun bukan anak saya, bukan keluarga saya, tetapi sebagai anak warganegara kita yang gugur mempertahankan tanah air, saya percaya tiap-tiap daripada kita amatlah merasa sedih dan dukacita. Kalaupun terkorban selepas berikhtiar, itu apakan daya, kerana itu kuasa Tuhan tetapi kadang-kadang perangkap samar ini disediakan perangkap lebih dahulu. Ini saya merayulah kepada Menteri yang berkenaan supaya mengambil perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi keselamatan, ini saya rasa amat perlu. RELA sudah kita tubuhkan. Saya berpendapat RELA ini patut diberi kuasa yang berpatutan, di samping wang ringgit di atas kerja mereka, tetapi hendaklah dibuat syarat-syarat yang tertentu. Kalau sekadar kita beri

kuasa dan wang ringgit tetapi syarat yang yang tertentu sebagai pegawai Kerajaan, sebagaimana saya katakan tadi, kalau dia salah, boleh kita tangkap, hingga dibuang kerja. Jikalau sekadar diberi pendapatan yang lebih, kuasa yang berlebihan, tetapi untuk menarik RELA itu balik, saya ingat ini tentulah tidak adil. Walau macam mana pun, saya percaya RELA telah memberi kebajikan dan pertolongan yang sangat berguna dan berfaedah dalam membantu tugas-tugas Polis untuk menangkap pihak penjenayah, penyamun, pencuri dan sebagainya. Imbuhan tiada diberi apabila didapati mati kemalangan, atau sakit. Kadang-kadang ditanya, apakah kuasa RELA. Ini selalu berlaku. Saya berharap Kerajaan akan memberi pandangan yang istimewa kepada RELA yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, musuh negara kita ialah komunis samada di hutan ataupun di bandar. Kadang-kadang kita mengeluarkan wang berjuta-juta ringgit untuk memerangi komunis, dengan bantuan askar dan berbagai-bagai lagi. Sagu hati hendaklah diberi kepada kepada siapa yang memberi maklumat. Yang menyedihkan, walaupun selalu disebut dalam Dewan yang mulia ini, tiap-tiap yang bersalah patut dihukum, tetapi saya rasa

ajaib, orang yang bersalah oleh kerana terlibat dengan gerakan komunis, diberi pengampunan dan diberi sagu hati. Ini menaikkan semangat kepada orang yang tidak menjadi komunis memasuki komunis.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai manusia, kita hendaklah adil. Itulah yang diajar oleh Tuhan kepada kita. Manusia yang bersalah, Tuhan ampunkan, tetapi yang meminta ampun, terutama yang membuat salah kerana ia tidak tahu yang dia itu buat salah. Kalau pagi-pagi dia berkata: aku buat ini tetap salah, tetapi masa ini aku cuba hendak buat, bila satu hari terkena perangkap, aku minta maaf, kita ampun. Ini tidak pernah ada keadilan. Kalau saya hendak katakan kita tidak berfikir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Jikalau ada lagi sedikit-sedikit, boleh disambung pada petang esok.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*